

*Jilid 1
Bil. 1*



*Hari Isnin
29hb. Okt. 1979*

Laporan Persidangan
OFFICIAL REPORT



**Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang
Yang Kelima**

FIFTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

Penggal Yang Pertama
FIRST SESSION

Mesyuarat Yang Keempat
FOURTH MEETING

ISSN. 0304-1697

Jilid I
Bil. I

Hari Isnin
29hb. Okt. 1979



Laporan Persidangan

OFFICIAL REPORT

Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang **Yang Kelima**

FIFTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

Penggal Yang Pertama

FIRST SESSION

Mesyuarat Yang Keempat

FOURTH MEETING

Kandungan

	<i>Muka surat</i>
<i>Jawapan-Jawapan Mulut Kepada Soalan-Soalan</i>	3
<i>Jawapan-Jawapan Bertulis Kepada Soalan-Soalan</i>	48
<i>UsulTergempar</i>	89
<i>Rang Undang-Undang Bekalan (1980), 1979</i>	93

LAPORAN PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI, PULAU PINANG, YANG KELIMA

MESYUARAT YANG KEEMPAT BAGI PENGKAL YANG PERTAMA

Hari Isnin, 29hb. Oktober, 1979

Mesyuarat dimulakan pada jam 9.30 pagi.

HADIR:

- Yang Berhormat Datuk Speaker (Datuk Haji Hassan bin Haji Md. Noh @
Mat Noor, D.M.P.N., P.J.K.)
- Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Lim Chong Eu)
- Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang (Encik Haider bin Mohd. Noor,
D.J.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim,
D.M.P.N., J.M.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas (Datuk Khalid Ahmad bin
Sulaiman, D.M.P.N., K.M.N., A.M.N., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam (Encik Abdul Rahman bin Haji
Abbas, D.J.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Ngak Seng @
Khor Gark Kim)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul
Razak, D.J.N., P.J.K., P.P.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Mohamad @ Ahmad
Radhi bin Pachee, D.J.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohd. Noor bin
Haji Bakar, K.M.N., P.P.N., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh,
P.K.T., A.M.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed @
Mahmud, P.P.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Samsuddin @ Md. Noor
bin Ahmad, P.K.T., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Teoh Chung Hor Teoh
Kooi Sneah, J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee, J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ong Bok Chuan @ Ng
Swee Ching, A.M.N., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang,
P.J.M.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik, P.J.K.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Seow Hun Khim)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik C.Y. Choy)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ahli, P.J.K.)

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah, K.M.N., P.J.K.)

TURUT HADIR:

Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Encik Wong Hin Fatt, P.J.K., P.J.M.)

Dewan bersidang pada jam 9.30 pagi.

1. DOA

PENGUMUMAN TUAN SPEAKER:

TUAN SPEAKER:

Yang Amat Berhormat dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya meminta kesemua Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya kita bangun dan bertafakur selama seminit sebagai mengenang Allahyarham Encik Yahaya bin Haji Mohd. Yusoff, P.J.K., iaitu bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang bagi Kawasan Teluk Bahang yang telah meninggal dunia pada 21hb. September, 1979 tahun ini. Dan bagi orang-orang Islam, bolehlah membaca Suratul Fatihah sekali. (Para hadirin berdiri dan bertafakur selama seminit).

Yang Amat Berhormat dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya suka juga mengumumkan di sini iaitu Y.B. Encik T. Subbiah, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri bagi Kawasan Bagan Dalam telah dibenarkan bercuti daripada 15hb. Oktober sehingga 9hb. November, 1979.

Yang kedua, saya suka memperingati Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini mengenai soalan-soalan dan usul-usul yang biasanya dikemukakan kepada Dewan ini. Saya berharap supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian bertanggungjawab dengan sepenuh perasaan, dan bertanggungjawab terhadap rakyat iaitu mengenai siaran-siaran yang telah dikeluarkan oleh urusetia ataupun Setiausaha Dewan ini untuk mendapatkan soalan-soalan dan pertanyaan-pertanyaan hendaklah dikemukakan mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Dewan ini. Untuk menjaga kebaikan Dewan ini eloklah Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau ada masalah-masalah dan perkara-perkara yang tidak puas hati dalam hukuman ini eloklah berhubung dengan pihak Jawatan-

kuasa Hak Dan Kebebasan bagi Dewan ini. Saya berharap tidaklah payah membuat kenyataan-kenyataan di dalam akhbar-akhbar mengenai apa yang kita tidak puas hati mengenai dengan perkara-perkara yang dibawa dalam Dewan ini.

Sekian.

2. MEMBENTANGKAN RISALAT-RISALAT.

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, saya mohon membentangkan di atas meja Dewan Kertas Bilangan 2 hingga 8, Tahun 1979, seperti yang tersenarai dalam Susunan Urusan Mesyuarat.

3. (A) JAWAPAN - JAWAPAN MULUT KEPADA SOALAN-SOALAN:

(I) Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason) bertanya kepada Ketua Menteri: —

Tuan Speaker, soalan nombor 1.

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan:
 - (a) samada sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengkaji masalah-masalah yang akan dihadapi oleh penduduk-penduduk yang bakal terjejas akibat pembinaan Jalan Pantai yang dicadangkan yang akan menghubungkan Bayan Lepas dengan Weld Quay; jika ya, nyatakan bilangan orang-orang yang bakal terjejas, keputusan jawatankuasa tersebut, dan nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk membantu mereka yang terjejas itu.
 - (b) bilakah pembinaan jalan yang tersebut di atas akan bermula, perbelanjaan yang dianggarkan bagi projek tersebut, dan tarikh projek tersebut dijangka siap dibina?
- (1. Can the Hon'ble the Chief Minister state: —
 - (a) whether a committee has been set-up to study the problems that will be faced by the people who will be affected by the construction of the proposed Coast Road linking Bayan Lepas to Weld Quay; if so, state the number of persons who will be affected, the findings of the committee and steps that will be taken to assist those affected.

- (b) when would construction of the above road commence, the estimated cost of the project and the estimated date of completion of the project?)

AHLI KAWASAN TELUK BAHANG (ENCIK MOHAMAD @ AHMAD RADHI BIN PACHEE):

Tuan Speaker, jawapan bagi soalan nombor 1 daripada Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam ialah, sebuah Jawatankuasa untuk meninjau masaalah-masaalah pelaksanaan Jalan Pantai Timur Pulau Pinang belum lagi ditubuhkan kerana projek berkenaan masih lagi di dalam peringkat perancangan. Sementara itu tindakan sedang diambil untuk mengkaji kesan pelaksanaan projek berkenaan terhadap penduduk-penduduk tempatan yang mungkin terlibat.

Kepada soalan Yang Berhormat (b) ialah cadangan Jalan Pantai itu dijadualkan untuk bermula pada tahun 1981. Oleh kerana reka bentuk masih dijalankan, maka anggaran perbelanjaan belum lagi ditetapkan. Jalan ini dijangka siap pada tahun 1984.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Tuan Speaker, baru-baru ini Ahli dari Kawasan Teluk Bahang ada menjawab, tidak ada satu Jawatankuasa yang ditetapkan untuk projek ini, tetapi perkara ini sedang dikaji. Bolehkah saya tahu, Tuan Speaker, apa keputusan kajian ini?

AHLI KAWASAN TELUK BAHANG (ENCIK MOHAMAD @ AHMAD RADHI BIN PACHEE):

Seperti yang telah saya jawabkan tadi, Tuan Speaker, Jawatankuasa khas ini belum lagi ditubuhkan. Walau bagaimanapun, sebagai peninjauan permulaan, dapatlah diketahui berkaitan dengan soalan Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam tadi di bahagian (a) yang ingin mengetahui bilangan orang-orang yang bakal terjejas, hasil dari tinjauan awal

dapatlah diberitahu sebanyak 847 yunit rumah-rumah di bawah Lesen Tumpangan Sementara dan juga 12 pengusaha-pengusaha bot dan 550 orang nelayan yang terlibat.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Mengenai perkara ini, jikalau tapak-tapak di tempat ini, orang-orang yang duduk di sana kena pergi ke tempat lain, adakah Kerajaan beradang hendak membayar ganti rugi atau memberi tapak lain kepada orang-orang yang terlibat dalam perkara ini?

AHLI KAWASAN TELUK BAHANG (ENCIK MOHAMAD @ AHMAD RADHI BIN PACHEE):

Seperti saya jawabkan tadi, kajian teliti belum dijalankan, jadi perkara-perkara butir yang teliti seperti mana dikehendaki oleh Yang Berhormat dari Kawasan Bukit Glugor tidaklah dapat diberitahu sekarang.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Soalan tambahan, Tuan Speaker: Tadi ahli yang bertanggungjawab berkata perkara ini belum dikaji dengan teliti, tetapi saya hendak tanya adakah notis-notis telah diberikan kepada penghuni-penghuni di tempat itu menyatakan TOL tidak akan diperbaharui? Saya hendak tanya adakah ahli yang bertanggungjawab sedar akan perkara ini?

AHLI KAWASAN TELUK BAHANG (ENCIK MOHAMAD @ AHMAD RADHI BIN PACHEE):

Tuan Speaker, itu soalan lain yang saya rasa itu perlu diberi notis untuk saya mendapat butir-butir lanjut.

AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, soalan nombor 2.

2. Nyatakan jumlah kaki persegi ruang "built-up" yang dirobohkan akibat projek KOMTAR dan berapakah jumlah kaki persegi ruang "built-up" yang

akan dibina di dalam projek yang dinyatakan di atas ini, dan jumlah wang yang dibelanjakan untuk projek ini sehingga hari ini, dan samada pelan-pelan mengenai projek KOMTAR telah diulang kaji memandangkan kos bahan-bahan pembinaan telah melambung naik. Nyatakan jumlah anggaran baru projek tersebut.

- (2. State how many square feet of built-up area was demolished as a result of the KOMTAR projek and how many square feet of built-up space has been constructed by the above-mentioned project and the total amount expended to date on the project and whether there has been a further revision of plans vis-a-vis. KOMTAR project in view of the increases in the cost of building materials. State the new total estimated cost of the project?)

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, sehingga ke tempoh ini, sejumlah 17 buah bangunan tetap dan 45 buah gerai-gerai sementara yang meliputi kawasan berjumlah 60,354 kaki persegi telah pun dimusnahkan untuk projek KOMTAR.

KOMTAR Peringkat 1A mempunyai kawasan yang boleh dijual sebanyak 66,352 kaki persegi sementara Peringkat 1B dijangkakan kawasan yang boleh dijual sebanyak 670,994 kaki persegi menjadikan jumlah sebanyak 737,346 kaki persegi.

Tuan Speaker, jumlah perbelanjaan yang digunakan sehingga 30.9.79 ialah \$65,042,455.74.

Projek yang sedang dilaksanakan ini adalah boleh disesuaikan mengikut sebarang perubahan termasuklah perubahan kos dan dengan itu pembangunannya bolehlah diteruskan tanpa sebarang kelewatan.

Tuan Speaker, jumlah kos pembangunan yang baru bagi Peringkat 1 ialah \$151,804,238.00.

AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, soalan ke 3.

3. Nyatakan:

- (a) jumlah kerugian yang ditanggung oleh jabatan pengangkutan Majlis Perbandaran, Pulau Pinang untuk tahun 1976,

1977 dan 1978 dan untuk sembilan bulan pertama tahun 1979 dan sebab-sebab yang menyebabkan defisit tersebut.

- (b) bilangan kenderaan yang tergendala untuk tahun-tahun yang dinyatakan di atas dan nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki penyelenggaraan bas-bas oleh pihak Majlis Perbandaran.

(3. State:

- (a) the amount of losses sustained by the transport department of the Municipal Council, Penang Island for the years 1976, 1977 and 1978 and for the first nine months of 1979 and the reasons for the deficit.

- (b) the number of breakdown of vehicles for the above-mentioned years and the steps taken to improve the maintenance of buses by the Municipal Council?)

AHLI KAWASAN DATUK KERA-MAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, defisit yang ditanggung oleh Jabatan Pengangkutan bagi tahun-tahun yang diminta itu adalah seperti berikut:—

1976	—	\$ 481,364
1977	—	\$1,054,650
1978	—	\$1,286,088
1979	—	\$ 844,274 (Januari — September, 1979)

Sebab-sebabnya berlaku defisit

(i) Jabatan Pengangkutan Majlis Perbandaran mengikuti Sekim Gaji Lapuran Kabinet mulai daripada tahun 1976 dan bagi tiga tahun berikutnya iaitu 1976, 1977 dan 1978, perbelanjaan bagi gaji, elaun-elaun dan sebagainya merupakan 60 % daripada jumlah perbelanjaan jabatan tersebut.

(ii) Di bawah Perintah-Perintah Am dan Sekim Gaji Lapuran Kabinet, cuti awam tahunan, cuti sakit dan cuti bersalin untuk pekerja-pekerja wanita adalah berbeza jika dibanding dengan pekerja-pekerja syarikat bas swasta yang mana adalah kurang menarik.

(iii) Waktu bekerja pekerja-pekerja Majlis juga kurang daripada pekerja-pekerja syarikat bas swasta.

Dalam tahun 1975, Majlis meng-

ambil keputusan untuk menggantikan semua bas lama yang telah digunakan lebih dari 12 tahun sejajar dengan dasar undang-undang baru yang telah diluluskan dalam tahun itu yang menetapkan bahawa semua bas pengangkutan awam yang digunakan di atas jalan dari 1 Januari, 1979, hendaklah jangan berusia lebih dari 12 tahun.

Pada awal tahun 1975, Majlis masih mengendalikan 25 buah dari bas lama ini; 10 buah bas lagi telah digantikan tetapi menunggu untuk dijadikan besi buruk di depo. Jadi, semuanya terdapat sejumlah 35 buah bas lama. Menjelang awal tahun 1979, semua bas-bas itu telah digantikan.

AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, soalan nombor 4.

4. Nyatakan bilangan orang-orang yang memiliki lesen untuk memungut pasir dari sungai untuk tujuan pembinaan pada 1.1.1970, dan bilangan orang-orang yang memiliki lesen seumpama itu pada 1hb. Oktober, 1979.
- (4. State the number of persons who were in possession of licences to collect sand for building purposes from rivers as on 1.1.1970, and the number of persons having such licences as on 1st October, 1979?)

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Datuk Speaker, untuk menjawab soalan nombor 4, senarai orang-orang yang mempunyai lesen memungut pasir di sungai-sungai dari tahun 1970 ialah: —

<i>Nama Pelesen</i>	<i>Tempat diambil</i>
1. Mohd. Isa bin Ibrahim	— Kuala Muda, S.P.U.
2. Sy. Bekerjasama Serbaguna Kepala Batas.	— Sungai Muda, S.P.U.
3. Lim Ah Heng	— Sungai Jawi, S.P.S.
4. Kee Tai Yeow	— Sungai Bakau, S.P.S.
5. Chung Seng Huat	— Sungai Kecil, S.P.S.

6. Yaacob bin Hashim	— Sungai Junjung/Tasek
7. Tan Choon Kian	— Sungai Jawi, S.P.S.
8. Tan Keng Huah @ Tan Seng Giap	— Sungai Junjung
9. Cheng Ewe Ghee	— Sungai Jawi, S.P.S.
10. Ooi Yew Teong	— Sungai Tasek Cempedak.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, apa yang saya tanya tadi ialah nombor bukan nama orang-orang yang meminta lesen ini. Nombor juga, tidak payah buang masa, Tuan Speaker.

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Baiklah. Jadi bilangannya ialah 10.
TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, saya hendak tanya, sudah cukup atau tidak?

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Itu cukuplah, itu soalan, tidak ada apa-apa lain.

AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, pada 1hb. Oktober, 1979, berapa lesen?

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Datuk Speaker, saya hendak menjawab tapi Datuk Speaker kata Yang Berhormat sudah puas hati.

TUAN SPEAKER:

Itu ialah sebab pihak yang bertanya telah mengatakan sudah cukup, sepuluh.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Bukan, apa yang saya cakap tadi, Tuan Speaker, itu apa yang kami tanya. Nombor lesen, bukan nama-nama orang-orang mendapat lesen itu.

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS
(DATUK KHALID AHMAD BIN
SULAIMAN):

Baik, 1hb. Oktober, 1979 ada satu.

AHLI KAWASAN BUKIT GLU-
GOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Cukup.

AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Soalan tambahan, Tuan Speaker:
Bolehkah ahli yang bertanggung-
jawab memberitahu Dewan ini siapa
pemegang lesen itu?

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS
(DATUK KHALID AHMAD BIN
SULAIMAN):

Ini karut semuanya.

TUAN SPEAKER:

Tadi Ahli Yang Berhormat dari
Bayan Lepas hendak beritahu nama-
nama orang, pihak yang bertanya
katakan sudah cukup.

AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Ini soalan tambahan. Mula-mula
tanya nombor, tidak tanya nama.

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS
(DATUK KHALID AHMAD BIN
SULAIMAN):

Ini menunjukkan saya sudah tahu
apa soalan tambahan yang Yang
Berhormat hendak tanya. Jadi untuk
menjimatkan masa, saya terangkan
nama-nama termasuk bilangannya.

Jadi maknanya kedua-duanya ini
tidak bersefahaman.

TUAN SPEAKER:

Soalan tadi adakah dari soalan
Bukit Glugor atau Ayer Itam?

AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Soalan tambahan saya.

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS
(DATUK KHALID AHMAD BIN
SULAIMAN):

Saya nampak DAP sudah pecah.

AHLI KAWASAN BUKIT GLU-
GOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, jikalau boleh saya
cakap sedikit. Ada banyak soalan
lain yang mustahak yang kami hen-
dak soalkan. Oleh kerana itu jikalau
ahli-ahli Yang Berhormat dalam De-
wan ini di sebelah sana boleh menja-
wab apa yang kami tanya, sudah
cukup. Tidak payah membuang masa
sebab banyak soalan lain yang kami
mahu jawapan atau hendak tanya
soalan tambahan. Oleh kerana itu,
saya bantah apa yang Ahli dari
Kawasan Bayan Lepas cakap tadi
sebab buang masa. Tetapi jikalau
rakan saya di sini mahu tanya
apa-apa soalan tambahan mengenai
jawapan itu ia boleh tanya juga,
boleh tanya nama-nama juga, jikalau
ada satu lesen rakan saya di sini
boleh tanya nama orang yang meme-
gang lesen itu. Itu maksud saya,
Tuan Speaker.

AHLI KAWASAN SUNGAI PI-
NANG (DR. ONG HEAN TEE):

Bincang dahululah, jangan buang
masa.

AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, soalan saya tadi,
nama orang yang memegang lesen.

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS
(DATUK KHALID AHMAD BIN
SULAIMAN):

Tuan Speaker, tadi saya sudah
sebutkan nama. Apa yang tanya
lagi? Saya sudah sebut nama ialah
Syarikat Bekerjasama Serbaguna Ke-
pala Batas di Seberang Perai Utara.
Jadi Yang Berhormatlah yang hen-
dak membuang masa, bukan saya
yang hendak membuang masa.

AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, soalan yang ke 5.

5. Nyatakan jumlah orang-orang yang
telah menandatangani perjanjian pem-
belian dengan Kerajaan Negeri untuk
membeli rumah-rumah pangsa di Rifle
Range dan di Nordin Street Ghaut, dan
berapakah daripada mereka telah diberi
salinan perjanjian berselem setakat
2hb. Mei, 1979 dan setakat 1hb. Okto-
ber, 1979.

- (5. State the number of persons who have signed purchase agreements with the State Government for the purchase of flats at Rifle Range and at Nordin Street Ghaut, and how many of them have been given stamped copies of the agreement as of 2nd May, 1979 and as of 1st October, 1979?)

AHLI KAWASAN TANJONG BUNGAH (ENCIK KHOR GARK KIM):

Tuan Speaker, sehingga 1hb. Oktober tahun ini, seramai 2,807 penghuni di rumah pangsa Rifle Range dan Rumah Pangsa Nordin Street Ghaut telah menandatangani Perjanjian Hak Milik Jual Beli mereka dengan Kerajaan Negeri.

Perjanjian-perjanjian ini telah dikirimkan secara bungkusan kepada Pejabat Cukai Setem untuk disetemkan. Bahagian Perumahan ini telah membuat aturan akan memberikan perjanjian yang telah disetem kepada penghuni-penghuni.

AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, soalan ke 6.

6. Nyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa pihak Majlis Perbandaran bercadang menyewakan padang-padang letak kereta kepada badan-badan swasta atau pihak-pihak berkenaan menyelenggarakannya.
 - (b) bilangan atendan-atendan meletak kereta yang telah meletakkan jawatan; samada satu siasatan telah dijalankan untuk menentukan sebab-sebab mengapa mereka meletakkan jawatan, dan kerugian dalam tertakata hasil yang dialami akibat perletakkan jawatan tersebut.
- (6. State:—
- (a) the reasons for the Municipal Council's intention to lease out parking lots to private individuals or concerns to operate them.
 - (b) the number of parking attendants who have resigned their jobs, whether a survey was conducted to determine the reasons for their resignations and the estimated loss in revenue as a result of such resignations?)

AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, jawapan saya kepada soalan itu, cadangan untuk menyewa padang-padang letak kereta

masih lagi dipertimbangkan dan belum ada keputusan yang dibuat. Sebab utama cadangan ini dibuat adalah kerana Majlis Perbandaran Pulau Pinang menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pelatih-pelatih atendan letak kereta. Majlis berkehendakkan lebih dari 500 atendan letak kereta untuk mengendalikan lebih dari 4,000 ruang letak kereta tetapi sehingga hari ini Majlis hanya mempunyai lebih-kurang 200 orang sahaja pelatih atendan letak kereta.

Bilangan atendan letak kereta yang meletakkan jawatan dari bulan Mac tahun 1978 hingga September 1979 adalah seramai 626 orang. Sebab utama perletakan jawatan ialah:-

- (1) Pelatih atendan letak kereta memperoleh kerja baru;
- (2) Pelatih atendan letak kereta kembali bersekolah untuk meneruskan persekolahan mereka;
- (3) Pelatih atendan letak kereta meletak jawatan dengan sendiri sebelum Majlis Perbandaran menamatkan perkhidmatan mereka.

Adalah sukar untuk menentukan kerugian Majlis Perbandaran sebab perletakan jawatan oleh pelatih atendan letak kereta ini.

Walau bagaimanapun, untuk 6 bulan pertama tahun 1979, hasil yang diperolehi daripada Sekim atendan letak kereta ini telah melebihi kos perbelanjaan sebanyak \$12,979.00.

AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, soalan ke 7.

7. Nyatakan jumlah perbelanjaan yang bertanggung dalam mengelola dan mengendalikan EXPO 1978, jumlah yang dipungut dan/atau diterima, dan samada benar Biro Siasatan Negara sedang menyiasat akaun-akaun EXPO 1978.
- (7. State the total expenditure incurred in organising and running EXPO 1978, the total amount of collections and/or receipts, and whether it is true the National Bureau of Investigations is investigating the accounts of the 1978 EXPO?)

AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, jumlah perbelanjaan yang ditanggung dalam mengelola dan mengendalikan EXPO 1978 ialah \$175,254.05.

Jumlah pendapatan ialah \$228,156.70.

Benar, Biro Siasatan Negara sedang menyiasat akaun-akaun EXPO 1978.

AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, soalan ke 8.

8. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan samada beliau sedar tentang kelambatan yang begitu lama dalam mengeluarkan hakmilik baru, jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk membaiki pentadbiran dan kecekapan Pejabat Tanah.
- (8. Can the Hon'ble the Chief Minister state whether he is aware of the inordinate delay in issuing new titles; if so, state steps taken to improve the administration and efficiency of the Land Office?)

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Datuk Speaker, untuk menjawab soalan 8, sebagaimana Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam sudah tahu, beberapa tindakan tertentu perlu diambil sebelum sesuatu Surat Hakmilik baru dapat dikeluarkan. Di antara tindakan yang penting ialah kerja menyediakan pelan ukurnya serta juga kerja-kerja pendaftaran. Penyediaan pelan ukur untuk hakmilik sementara boleh disediakan dengan lebih cepat, tetapi pelan untuk hakmilik kekal perlu disediakan oleh Jabatan Ukur.

Tindakan sedang diambil untuk mempercepatkan keluaran hakmilik baru ini dengan menambah lagi bilangan kakitangan di Pejabat-Pejabat Tanah. Kakitangan Pejabat Tanah juga dilatih untuk menggunakan alat-alat komputer.

Dan sebagaimana dimaklumkan oleh Yang Berhormat, selain dari Hakmilik Baru yang dikeluarkan sepertimana yang saya sebutkan

tadi, ada 3 jenis lagi Hakmilik yang dikeluarkan iaitu: —

- (a) Hakmilik Sementara hasil dari pecah sempadan, iaitu *as a result of sub-division*;
- (b) Hakmilik kekal gantian kepada Hakmilik Sementara, iaitu *final titles to replace qualified titles*;
- (c) Hakmilik Sementara di bawah Kanun Tanah Negara (Pulau Pinang dan Melaka), 1963 bagi tanah-tanah yang dikeluarkan milik sebelum 1.1.1966, iaitu *qualified titles under the National Land Code*.

Jadi ini memakan masa dan bagaimanapun Pejabat Tanah akan mempercepatkan keluaran Hakmilik tersebut.

Sekian.

AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, soalan ke 9.

9. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan samada beliau sedar 'access road' ke Jalan Ottoman dari Jalan Besar Bayan Lepas adalah dalam keadaan yang buruk; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk membaiki keadaan tersebut?
- (9. Can the Hon'ble the Chief Minister state whether he is aware the access road to Ottoman Road from Bayan Lepas Main Road is in a deplorable condition; if so, state steps taken to improve the situation?)

AHLI KAWASAN TELUK BAHANG (ENCIK MOHAMAD @ AHMAD RADHI BIN PACHEE):

Datuk Speaker, jawapan kepada soalan nombor 9, yang sebenarnya setelah disiasat dengan teliti didapati tidak ada jalan yang bernama Jalan Ottoman di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun semua jalan-jalan kampung di Daerah Barat Daya adalah sentiasa diawasi oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan Pejabat Daerah Barat Daya hanya mengambil tindakan membekal bahan-bahan seperti tanah merah, buangan kuari dan pecahan batu-batu halus kuari untuk penyelenggaraan jalan-jalan tersebut.

**AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):**

Tuan Speaker, penjelasan. Access road to Batu Maung.

**AHLI KAWASAN TELUK BAHANG
(ENCIK MOHAMAD @ AHMAD RADHI BIN PACHEE):**

Terima kasih, Tuan Speaker, pembetulan yang diberitahu oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Ayer Itam itu diambil perhatian dengan simpati.

**AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):**

Soalan nombor 10.

10. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan samada beliau sedar setiap kali hujan lebat, sungai kecil yang mengalir melalui Kampung Balik Batu, Tanjong Tokong melimpah keluar (overflows) dan mengakibatkan banjir di kawasan-kawasan berhampiran dengannya? Tatkala banjir surut, selut (sediments) tertinggal dan mengakibatkan ketidakselesaan kepada penduduk-penduduk; jika ya, nyatakan tindakan yang diambil untuk mencegah keadaan tersebut?

- (10. Can the Hon'ble the Chief Minister state whether he is aware that each time it rains heavily the stream which flows through Kampung Balik Batu, Tanjong Tokong, overflows and as a result the surrounding areas are flooded. When the flood subsides, the muddy sediments remain causing much inconvenience to the residents; if so, state the action taken to alleviate the situation?)

**AHLI KAWASAN TELUK BAHANG
(ENCIK MOHAMAD @ AHMAD RADHI BIN PACHEE):**

Tuan Speaker, untuk menjawab soalan nombor 10 ini berkenaan dengan banjir dan sebagainya itu, untuk pengetahuan Yang Berhormat dari Kawasan Ayer Itam, jawapannya ialah ya. Banjir selalu berlaku di masa-masa yang lepas tetapi dengan siapnya saluran konkrit sepanjang 240 kaki di Sungai Balik Batu, Tanjong Tokong dalam bulan Januari 1979, keadaan banjir di kawasan ini

telah berkurangan.

Sebahagian baki sungai itu sepanjang 500 kaki lagi akan diganti dengan parit konkrit berserta dengan pembesaran pembetong (culvert) di Jalan Tanjong Tokong. Pembinaan-pembinaan ini akan dijalankan oleh Vigol Development Sdn. Bhd. bagi memenuhi syarat kelulusan projek perumahan.

Dengan siapnya kerja-kerja yang saya sebutkan di atas tadi masalaah-masalaah banjir di kawasan tersebut dijangka akan dapat diselesaikan.

**AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):**

Tuan Speaker, soalan ke 11.

11. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan samada beliau sedar sungguhpun jaminan-jaminan telah pun diberikan di Dewan ini, bilangan lif-lif yang tergendala di Kompleks Perumahan Rifle Range masih belum lagi berkurangan dan nyatakan tindakan yang diambil untuk memperbaiki keadaan tersebut?

- (11. Can the Hon'ble the Chief Minister state whether he is aware that inspite of the assurance given in this House, the number of breakdown of lifts at the Rifle Range Flats Complex has not decreased and state what action has been taken to improve the situation?)

**AHLI KAWASAN TANJUNG BUNGAH
(ENCIK KHOR GARK KIM):**

Datuk Speaker, tiada ada lif yang tidak pernah rosak samasekali. Kerosakan lif pada asasnya bergantung kepada keadaan lif itu sendiri, keadaan jagaan dan penyelenggaraannya dan juga kerjasama pengguna-pengguna setiap hari.

Lif-lif di Rifle Range yang kerap-kali didapati rosak adalah disebabkan terutamanya kurangnya kerjasama pengguna-pengguna, vandalisme, dan penggunaan lif yang tidak mengikut peraturan. Tindakan sedang diambil untuk mengurangkan kekerapan kerosakan tetapi ini memakan masa untuk menghasilkan kesan-kesan yang lebih konkrit.

Setiap tahun Jabatan Jentera menghantar penyelia mereka untuk memeriksa dan mengesahkan bahawa lif-lif itu selamat digunakan oleh penghuni-penghuni.

Untuk penyelenggaraan lif-lif tersebut, Bahagian Perumahan telah menandatangani kontrak dengan Syarikat General Electric Co. untuk menyediakan perkhidmatan 24 jam serta memperbaiki kerosakan dengan bayaran sebanyak \$2,695.00 sebulan. Sebarang kerosakan akan diperbaiki secepat mungkin dan sebarang alat yang rosak akan digantikan. Kadangkala kelewatan berlaku disebabkan setengah daripada alat-ganti terpaksa dipesan dari Kuala Lumpur ataupun luar negeri.

Kenyataan atas penggunaan lif-lif, dan rayuan yang berulang-ulang telah dibuat kepada penduduk-penduduk dari masa ke semasa. Kursus-kursus juga dirancang untuk wakil-wakil dari setiap tingkat mengenai penggunaan dan penyelenggaraan yang betul terhadap lif-lif di masa hadapan. Tetapi untuk menghapuskan vandalisme dan penyalahgunaan sama sekali, bagaimanapun, akan mengambil masa.

AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, soalan ke 12.

12. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan samada beliau sedar perkhidmatan pungutan sampah sarap oleh kedua-dua Majlis Perbandaran di Negeri ini menjadi kian buruk setiap tahun; jika ya, nyatakan apakah tindakan yang sedang diambil untuk memperbaiki keadaan tersebut?

(12. Can the Hon'ble the Chief Minister state whether he is aware the rubbish collection service of the two Municipalities of the State is getting from bad to worse every year? If so, to state what action is being taken to improve the situation?)

AHLI KAWASAN DATUK KERMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Tuan Speaker, kedudukan perkhidmatan pungutan sampah-sarap oleh

Majlis-Majlis Perbandaran di negeri ini tidak merosot. Sebaliknya, kedudukan perkhidmatan yang diberikan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah bertambah baik dengan penggantian lori-lori sampah yang lama kepada lori-lori sampah yang baru, memberikan kerja-kerja mengangkat sampah kepada kontraktor-kontraktor, menambah lagi tong-tong sampah ini dan bilangan buruh-buruh mengangkat sampah.

Majlis Perbandaran Seberang Perai juga telah menambahkan kenderaan-kenderaan memungut sampah serta buruh-buruh bagi memperbaiki perkhidmatan pungutan sampah-sarap di tempat-tempat yang sedia ada dan juga meluaskan perkhidmatan tersebut kepada kawasan-kawasan luar bandar yang kini tidak menikmati perkhidmatan sedemikian.

Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

1978 1979 1980

Jumlah bilangan

lori sampah yang telah dibeli	1	8	—
-------------------------------	---	---	---

Buruh baru yang telah diambil	—	95	—
-------------------------------	---	----	---

Untuk tahun 1980, peruntukan sebanyak 56 buruh mengangkat sampah telah diluluskan.

AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, soalan ke 13.

13. Nyatakan samada Wakil Kerajaan Negeri ke Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang telah diarah menentang kenaikan kadar bayaran yang dicadangkan untuk kereta-kereta dan penumpang-penumpang yang menggunakan perkhidmatan feri kerana kenaikan yang dicadangkan itu adalah tidak adil memandangkan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang telah mendapat keuntungan lebih daripada mencukupi.

(13. State whether the State Government's representative to the Penang Port Commission has been instructed to object to the proposed increase in fares for vehicles and passengers using the ferry services as the proposed increases are unjustified in view of the fact that the P.P.C. is already making more than sufficient profits?)

KETUA MENTERI:

Datuk Speaker, keperluan supaya penyemakan kadar penggunaan feri telah ditimbang oleh Jawatan-kuasa Perunding Pelabuhan adalah dibuat di bawah Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, tahun 1955. Keputusan tentang kadar penggunaan berkenaan perlu juga diluluskan seterusnya oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan Menteri Pengangkutan. Sebab itu jawapan saya tidak.

AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):

Soalan ke 14.

14. Nyatakan sebab-sebab terdapat kelambatan dalam pembinaan kompleks penjaja-penjaja yang dicadangkan di sebelah Block H, Kompleks Perumahan Rumah Pangsa Rifle Range. Bilakah kerja untuk membina kompleks tersebut akan dimulakan dan tarikh kompleks dijangka dibuka? Nyatakan bilangan gerai-gerai yang akan diadakan di situ dan bilangan gerai-gerai yang akan diperuntukkan oleh Pihakberkuasa kepada penghuni-penghuni rumah pangsa tersebut untuk menjalankan perniagaan mereka.
- (14. State the reasons for the delay in building the proposed hawkers' complex next to Block H at the Rifle Range Flats complex. When will work begin and the estimated date when the complex will be open, state the number of units that will be available there and the number of stalls that the authorities concerned have decided to allocate to the residents of the flats to operate?)

AHLI KAWASAN DATUK KERA- MAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, tawaran-tawaran untuk membina Kompleks Gerai di Rumah Pangsa Jalan Padang Tembak pada mulanya dipanggil pada 19.6.78, tetapi oleh kerana harganya terlalu tinggi, Majlis Perbandaran Pulau Pinang tidak dapat menerimanya. Rekabentuk kompleks gerai-gerai itu kemudiannya telah dipinda untuk mengurangkan kos projek serta juga menambahkan bilangan gerai-gerai. Tawaran kemudiannya telah dipanggil kembali pada 13.8.79

dan pada masa kini masih di dalam pertimbangan.

Kerja-kerja pembinaan kompleks tersebut akan mula dilaksanakan sebaik sahaja tawaran tersebut diberikan dan tempoh masa penyiapan kompleks tersebut dianggarkan selama 10 bulan dari tarikh permulaan kerja pembinaan. Jumlah gerai yang disediakan ialah sebanyak 264 yunit.

Setengah daripada gerai-gerai ini akan diperuntukkan kepada penjaja-penjaja yang ada sekarang. Di antara penjaja-penjaja ini termasuk penghuni-penghuni rumah pangsa.

Daripada 264 gerai itu, 128 darinya adalah gerai makanan dan 136 gerai barang-barang runcit.

Harga tender yang pertama ialah sekurang-kurangnya \$4,184.00 bagi tiap-tiap sebuah gerai untuk 190 gerai.

AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, soalan ke 15.

15. Nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk menentukan supaya tidak berlaku kegendalaan bekalan elektrik ke seluruh sebuah blok rumah pangsa di Rifle Range seperti yang telah berlaku di Blok B di mana seluruh blok tersebut tidak mempunyai bekalan elektrik selama dua hari.
- (15. State what steps have been taken to ensure that there is no repetition of the complete failure of electrical supply to a whole block of flats for days at the Rifle Range Flats complex such as the occasion that took place early this year when the whole of Block 'B' was without electricity for two whole days.

AHLI KAWASAN TANJUNG BU- NGAH (ENCIK KHOR GARK KIM):

Datuk Speaker, adalah tidak benar bahawa awal tahun ini suatu kerosakan besar telah berlaku di Blok B dan blok itu ketiadaan bekalan elektrik selama 2 hari. Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Ayer Itam akan menyemak kenyataannya dengan lebih teliti di masa hadapan sebelum

- (a) whether it is true a factory, Jeen Huat Foodstuffs Sdn. Bhd. at Permatang Tinggi has yet to comply with a pollution-controlled device;
- (b) when was this factory given its occupation permit;
- (c) whether the conditions laid out for such a factory were complied with before the occupation permit was issued; and
- (d) whether the State Government will take action against the said company if the outlet for the industrial waste has not been completed; if so what action?)

AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, kilang ini menjalankan perusahaan mengetin bahan-bahan makanan dan tidak terdapat pencemaran dari kilang ini.

Sijil Pendudukan (O.C.) dikeluarkan pada 16hb. September, 1976.

Semua syarat-syarat yang dikenakan telah dipatuhi sebelum sijil pendudukan diberi.

Atas soalan pencemaran, pihak berkuasa yang bertanggungjawab ialah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Tindakan yang sepatutnya akan diambil jika berlaku pencemaran daripada kilang tersebut.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUM KHIM):

Soalan ke 7.

7. Nyatakan tempoh masa yang diambil oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk memberitahu pemohon-pemohon tentang bayaran pelan mereka selepas pelan pembinaan telah dihantar ke Majlis Perbandaran Seberang Perai dan samada benar pelan pembinaan tidak akan diproses oleh Majlis Perbandaran sehingga bayaran pelan telah dijelaskan.
- (7. State the length of time the MPSP takes to inform the applicants of the plan fees after building plans have been submitted and whether it is true that building plans will not be processed until the plan fees have been paid?)

AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, tempoh masa yang

diambil untuk memberitahu pemohon-pemohon tentang bayaran-bayaran pelan ialah 2 minggu. Tidaklah benar pelan tidak akan diproses oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai sehingga bayaran pelan dijelaskan.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Soalan ke 8.

8. Nyatakan samada benar satu berita yang mengatakan bahawa beberapa orang arkitek mendapat layanan yang lebih baik dan cepat dari lain-lain arkitek di Majlis Perbandaran Seberang Perai; jika ya, nyatakan sebab-sebabnya?
- (8. State whether it is true that certain architects get better and prompt services from the MPSP; if so, what are the reasons?)

AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, tidak benar. Mengikut Akta Akitek 1967 (Revised 1973) terdapat 2 jenis arkitek iaitu Arkitek yang berdaftar dan Building Draughtsmen yang berdaftar yang layak untuk mengemukakan pelan-pelan kepada penguasa-penguasa tempatan. Mengenai kumpulan Building Draughtsmen yang berdaftar, mereka dikenakan sekatan terhadap pelan-pelan yang mereka akan kemukakan kepada penguasa-penguasa Tempatan. Sekatan ini berasaskan kepada luas bangunan, jenis bangunan dan kawasan Penguasa Tempatan. Mungkin aduan perbezaan layanan yang ditimbulkan itu adalah kerana sekatan yang dikenakan terhadap Building Draughtsmen yang berdaftar.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Soalan ke 9.

9. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan samada beliau sadar tentang adanya ketua-ketua jabatan di Majlis Perbandaran Seberang Perai yang lewat datang bekerja di masa pagi atau tengahari dan selalunya balik awal; jika ya, apakah tindakan tatatertib yang

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Soalan ke 4.

4. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan samada benar atau tidak mengikut pelan tapak asas yang diluluskan di estet-estet perumahan, lot-lot tanah yang diperuntukkan bagi rumah berhala, surau dan padang permainan telah didapati dibina dengan rumah; jika ya, nyatakan bilangan kes-kes ini dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap pemaju-pemaju perumahan yang tidak mematuhi pelan tapak asas itu?
- (4. Can the Hon'ble the Chief Minister state whether it is true that in original approved site plans of housing estates, houses were built on lots originally earmarked for prayer houses, suraus and playing fields; if so, state the number of such cases and what action the State Government intends to take against this category of developers?)

AHLI KAWASAN DATUK KERA-MAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, sejauh mana yang dapat dipastikan, terdapat hanya satu kes dalam Majlis Perbandaran Pulau Pinang di mana sebuah padang permainan kanak-kanak telah dipagar dan digunakan sebagai sebuah tempat simpanan. Setelah pemilik disaman ke Mahkamah, beliau kemudiannya mematuhi dengan kehendak Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan menukar kegunaan tanah tersebut ke kegunaan tanah yang asal.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Soalan ke 5.

5. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan samada beliau sedar bahawa mengikut peringkat pertama sekim perumahan di Chai Leng Park, Butterworth, satu tapak tanah telah diperuntukkan bagi padang permainan tetapi sekarang rumah-rumah dibina atas tapak tanah itu, jika ya, adakah beliau bersetuju bahawa perbuatan ini tidaklah adil kepada penduduk-penduduk yang membeli rumah mereka berdekatan dengan padang permainan itu?

- (5. Can the Hon'ble the Chief Minister state whether he is aware that at the first phase of the housing scheme at Chai Leng Park, Butterworth, a site was earmarked for a playing field, but now houses have been built on that site; if so, does he agree that it is unfair to residents who purchased their houses near the said playing field?)

AHLI KAWASAN DATUK KERA-MAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, tapak tanah lapang untuk perumahan Chai Leng Park (Peringkat Pertama) ialah satu peruntukan sementara sahaja dan sebenarnya kawasan berkenaan telah diluluskan bagi tujuan rumah kediaman teres. Langkah sementara itu dibuat dengan tujuan mengadakan kemudahan rekreasi untuk peringkat pertama. Akan tetapi mengikut pelan kelulusan bagi keseluruhan Perumahan Chai Leng Park, terdapat 3 kawasan lain untuk tanah lapang/padang permainan yang sempurna. Ketigatiga kawasan ini tidak termasuk dalam peringkat pertama. Apabila Chai Leng Park telah siap dimajukan dengan sepenuhnya, maka tapak tanah lapang sementara itu telah digunakan semula untuk kegunaan kediaman.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUM KHIM):

Soalan ke 6.

6. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan:
- (a) samada benar sebuah kilang, Jeen Huat Foodstuffs Industries Sdn. Bhd., di Permatang Tinggi masih belum mengadakan satu saliran untuk mengawal pencemaran;
- (b) bilakah permit dikeluarkan kepada kilang itu?
- (c) samada semua syarat mengawal kilang itu telah dipatuhi sebelum permit dikeluarkan; dan
- (d) samada Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan terhadap kilang itu jika saliran untuk "industrial waste" masih belum siap; jika ya, apakah tindakan itu?
- (6. Can the Hon'ble the Chief Minister state:—

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Soalan ke 4.

4. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan samada benar atau tidak mengikut pelan tapak asas yang diluluskan di estet-estet perumahan, lot-lot tanah yang diperuntukkan bagi rumah berhala, surau dan padang permainan telah didapati dibina dengan rumah; jika ya, nyatakan bilangan kes-kes ini dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap pemaju-pemaju perumahan yang tidak mematuhi pelan tapak asas itu?

- (4. Can the Hon'ble the Chief Minister state whether it is true that in original approved site plans of housing estates, houses were built on lots originally earmarked for prayer houses, suraus and playing fields; if so, state the number of such cases and what action the State Government intends to take against this category of developers?)

AHLI KAWASAN DATUK KERA-MAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, sejauh mana yang dapat dipastikan, terdapat hanya satu kes dalam Majlis Perbandaran Pulau Pinang di mana sebuah padang permainan kanak-kanak telah dipagar dan digunakan sebagai sebuah tempat simpanan. Setelah pemilik disaman ke Mahkamah, beliau kemudiannya mematuhi dengan kehendak Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan menukar kegunaan tanah tersebut ke kegunaan tanah yang asal.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Soalan ke 5.

5. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan samada beliau sedar bahawa mengikut peringkat pertama sekim perumahan di Chai Leng Park, Butterworth, satu tapak tanah telah diperuntukkan bagi padang permainan tetapi sekarang rumah-rumah dibina atas tapak tanah itu, jika ya, adakah beliau bersetuju bahawa perbuatan ini tidaklah adil kepada penduduk-penduduk yang membeli rumah mereka berdekatan dengan padang permainan itu?

- (5. Can the Hon'ble the Chief Minister state whether he is aware that at the first phase of the housing scheme at Chai Leng Park, Butterworth, a site was earmarked for a playing field, but now houses have been built on that site; if so, does he agree that it is unfair to residents who purchased their houses near the said playing field?)

AHLI KAWASAN DATUK KERA-MAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, tapak tanah lapang untuk perumahan Chai Leng Park (Peringkat Pertama) ialah satu peruntukan sementara sahaja dan sebenarnya kawasan berkenaan telah diluluskan bagi tujuan rumah kediaman teres. Langkah sementara itu dibuat dengan tujuan mengadakan kemudahan rekreasi untuk peringkat pertama. Akan tetapi mengikut pelan kelulusan bagi keseluruhan Perumahan Chai Leng Park, terdapat 3 kawasan lain untuk tanah lapang/padang permainan yang sempurna. Ketiga-tiga kawasan ini tidak termasuk dalam peringkat pertama. Apabila Chai Leng Park telah siap dimajukan dengan sepenuhnya, maka tapak tanah lapang sementara itu telah digunakan semula untuk kegunaan kediaman.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUM KHIM):

Soalan ke 6.

6. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan:
 - (a) samada benar sebuah kilang, Jeen Huat Foodstuffs Industries Sdn. Bhd., di Permatang Tinggi masih belum mengadakan satu saliran untuk mengawal pencemaran;
 - (b) bilakah permit dikeluarkan kepada kilang itu?
 - (c) samada semua syarat mengawal kilang itu telah dipatuhi sebelum permit dikeluarkan; dan
 - (d) samada Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan terhadap kilang itu jika saliran untuk "industrial waste" masih belum siap; jika ya, apakah tindakan itu?
- (6. Can the Hon'ble the Chief Minister state:—

- (a) whether it is true a factory, Jeen Huat Foodstuffs Sdn. Bhd. at Permatang Tinggi has yet to comply with a pollution-controlled device;
- (b) when was this factory given its occupation permit;
- (c) whether the conditions laid out for such a factory were complied with before the occupation permit was issued; and
- (d) whether the State Government will take action against the said company if the outlet for the industrial waste has not been completed; if so what action?)

AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, kilang ini menjalankan perusahaan mengetin bahan-bahan makanan dan tidak terdapat pencemaran dari kilang ini.

Sijil Pendudukan (O.C.) dikeluarkan pada 16hb. September, 1976.

Semua syarat-syarat yang dikenakan telah dipatuhi sebelum sijil pendudukan diberi.

Atas soalan pencemaran, pihak berkuasa yang bertanggungjawab ialah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Tindakan yang sepatutnya akan diambil jika berlaku pencemaran daripada kilang tersebut.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTA JAM (ENCIK SEOW HUM KHIM):

Soalan ke 7.

- 7. Nyatakan tempoh masa yang diambil oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk memberitahu pemohon-pemohon tentang bayaran pelan mereka selepas pelan pembinaan telah dihantar ke Majlis Perbandaran Seberang Perai dan samada benar pelan pembinaan tidak akan diproses oleh Majlis Perbandaran sehingga bayaran pelan telah dijelaskan.
- (7. State the length of time the MPSP takes to inform the applicants of the plan fees after building plans have been submitted and whether it is true that building plans will not be processed until the plan fees have been paid?)

AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, tempoh masa yang

diambil untuk memberitahu pemohon-pemohon tentang bayaran-bayaran pelan ialah 2 minggu. Tidaklah benar pelan tidak akan diproses oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai sehingga bayaran pelan dijelaskan.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTA JAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Soalan ke 8.

- 8. Nyatakan samada benar satu berita yang mengatakan bahawa beberapa orang arkitek mendapat layanan yang lebih baik dan cepat dari lain-lain arkitek di Majlis Perbandaran Seberang Perai; jika ya, nyatakan sebab-sebabnya?
- (8. State whether it is true that certain architects get better and prompt services from the MPSP; if so, what are the reasons?)

AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, tidak benar. Mengikut Akta Akitek 1967 (Revised 1973) terdapat 2 jenis arkitek iaitu Arkitek yang berdaftar dan Building Draughtsmen yang berdaftar yang layak untuk mengemukakan pelan-pelan kepada penguasa-penguasa tempatan. Mengenai kumpulan Building Draughtsmen yang berdaftar, mereka dikenakan sekatan terhadap pelan-pelan yang mereka akan kemukakan kepada penguasa-penguasa Tempatan. Sekatan ini berasaskan kepada luas bangunan, jenis bangunan dan kawasan Penguasa Tempatan. Mungkin aduan perbezaan layanan yang ditimbulkan itu adalah kerana sekatan yang dikenakan terhadap Building Draughtsmen yang berdaftar.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTA JAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Soalan ke 9.

- 9. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan samada beliau sedar tentang adanya ketua-ketua jabatan di Majlis Perbandaran Seberang Perai yang lewat datang bekerja di masa pagi atau tengahari dan selalunya balik awal; jika ya, apakah tindakan tatatertib yang

akan diambil terhadap ketua-ketua jabatan itu?

- (9. Can the Hon'ble the Chief Minister state whether he is aware that some heads of departments in the MPSP usually come late to work in the mornings or afternoons and knock off early; if so, what disciplinary action will be taken against such heads of departments?)

AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, oleh kerana ketua-ketua jabatan terpaksa menghadiri mesyuarat-mesyuarat atau mengadakan perundingan-perundingan dengan lain-lain jabatan di Pulau Pinang atau lain-lain tempat, maka mungkin terdapat gambaran yang mana ketua-ketua jabatan di MPSP datang lewat ke pejabat atau balik awal daripada tugas-tugas pejabat.

Ketua-ketua jabatan adalah dikehendaki menurut amalan biasa memberitahu jabatan-jabatan mereka tentang di mana mereka dapat dihubungi sekiranya mereka keluar daripada pejabat.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Adakah Kerajaan bercadang adakan satu jawatankuasa disiplin atas ketua-ketua jabatan?

AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Tidak.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Soalan ke 10.

10. Nyatakan samada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab menjalankan polisi Persekutuan untuk mengujudkan satu "home-owning democracy" untuk membolehkan rakyat jelata memiliki rumah masing-masing; jika ya, adakah tujuan ini akan dicapai sekiranya harga sebuah rumah murah yang dibina oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang berharga \$33,000?)

- (10. State whether the Penang State Government is committed towards the Federal policy of creating a home-owning democracy to see to it that individual citizens own their houses; if so, how can this aim be achieved if a low-cost house built by the PDC costs about \$33,000?)

AHLI KAWASAN TANJUNG BUNGAH (ENCIK KHOR GARK KIM):

Datuk Speaker, walaupun Kerajaan mendukung dasar "Demokrasi Mempunyai Rumah", kita mesti bersama-sama mengakui bahawa ini adalah cita-cita yang kebanyakan negara yang telah maju pun tidak dapat mencapai matlamat ini. Kerajaan Negeri sedar perlunya untuk menyediakan lebih rumah atau tempat perlindungan ataupun *home shelters* untuk rakyat terutama sekali bagi mereka yang berpendapatan rendah. Kerajaan sedang mempercepatkan lagi rancangan pembangunan perumahan untuk dijual atau disewa kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang bagi pihaknya juga menyediakan banyak yunit-yunit rumah untuk penduduk-penduduk. Kebanyakan rumah-rumah yang dibina oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang adalah untuk mereka yang berpendapatan rendah, manakala sedikit daripadanya untuk mereka yang berpendapatan sederhana atau yang berpendapatan kurang sederhana. Yunit-yunit tersebut bukanlah semuanya kos rendah.

Ini adalah perlu memandangkan dari segi perancangan yang sempurna untuk bandar baru serta juga permohonan kehendak mereka yang berpendapatan sederhana ataupun kurang sederhana yang ingin membeli rumah melebihi harga \$20,000.00.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUM KHIM):

Soalan ke 11.

11. Nyatakan samada benar kakitangan-kakitangan pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai tidak diberi rihat untuk minum kopi atau teh di antara masa makan dan samada benar 5 sen tambahan dikutip oleh kantin untuk tiap-tiap pesanan makanan/minuman yang biasanya didapati sejuk dan tidak sedap dimakan/diminum; jika ya, apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil untuk membetulkan keadaan ini?
- (11. State whether it is true that the office staff of MPSP are not given their recess break in between meal times for coffee or tea and whether it is true that 5 cents extra is charged by the canteen for an individual order which usually comes cold and unpalatable; if so, what effective steps will be taken to rectify the unhealthy situation?)

AHLI KAWASAN DATUK KERMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, pekerja-pekerja di Majlis Perbandaran Seberang Perai adalah diberi masa untuk minuman tetapi tidak dibenarkan menghabiskan masa di kantin.

Majlis akan mengambil tindakan untuk mengecualikan bayaran tambahan berkenaan.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Soalan ke 12.

12. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan samada beliau sedar tentang kesulitan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di Nibong Tebal berkenaan dengan bayaran bil-bil air; jika ya, bilakah yunit bergerak akan dihantar ke Nibong Tebal untuk mengutip bayaran itu?
- (12. Can the Hon'ble the Chief Minister state whether he is aware that considerable hardship has been caused to residents of water bills; if so, when will a mobile unit be sent to the town centre to collect such payment?)

KETUA MENTERI:

Datuk Speaker, Pusat Pentadbiran di Nibong Tebal dipindahkan ke Jawi, sejauh lebih-kurang 3 batu dari Nibong Tebal. Pejabat Pihak Berkuasa Air baru saja berpindah ke pusat itu pada 1.9.1979. Pembayaran bil-bil air bolehlah dibuat di Pejabat

Pihak Berkuasa Air di Jawi. Di antara kedua-dua tempat tersebut terdapat perkhidmatan bas biasa.

Adalah terlalu awal untuk menaksir kerumitan-kerumitan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di Nibong Tebal yang menimbulkan akibat memberi kesusahan kepada pembangunan dan perumahan.

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Soalan ke 13.

13. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakannya:
 - (a) samada benar rombongan dari Majlis Perbandaran Seberang Perai telah melawat Jerman Barat dan England dalam bulan Oktober, 1979 untuk mengkaji sistem pengaliran di kedua-dua negara itu; jika ya, mengapa pengkajian ini tidak sahaja dibuat di sebuah negara yang berjiran dengan negeri kita;
 - (b) samada ahli-ahli rombongan Majlis Perbandaran Seberang Perai layak dalam "profession" mereka untuk menjalankan kajian ini;
 - (c) bilangan ahli-ahli rombongan ini dan siapakah mereka; dan
 - (d) samada perbelanjaan dibayar oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai; jika ya, berapa banyaknya?
- (13. Can the Hon'ble the Chief Minister state:—
 - (a) whether it is true that a mission from the MPSP has visited West Germany and England in October, 1979, in order to study the drainage system there; if so, why can't such a study be made to a neighbouring country;
 - (b) whether the persons so selected for the mission are professionally qualified and competent for the intended purposes;
 - (c) the total number of persons involved and who they are; and
 - (d) whether the expenditure will be borne by the MPSP; if so, how much?)

AHLI KAWASAN DATUK KERMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, lawatan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) adalah bertujuan untuk mengkaji sistem pengaliran serta pentadbiran

penguasa-penguasa tempatan di negeri-negeri tersebut. Lawatan ke England dan Jerman Barat adalah dibuat berasaskan bahawa negeri-negeri di Eropah telah mempunyai sistem-sistem pembetulan najis yang bermutu tinggi. Rombongan tersebut mengandungi seorang Jurutera dan juga seorang Ahli daripada Jawatan kuasa pembetulan Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Bilangan ahli-ahli rombongan: 5

Pemerhati: 2

Mereka ialah:

- (i) Encik Muhammad Feisol bin Haji Hassan (Yang di Pertua Majlis)
- (ii) Puan Lin Hafni Feisol
- (iii) Encik Choo Ewe Guan (Ketua Jurutera Majlis)
- (iv) Encik Ong Chow Meng (Peg. Perancangan Bandar Majlis)
- (v) Encik Ismail b. Mohd. Noor Ketua Penolong Setiausaha (Pentadbiran)
- (vi) Encik Lim Eng Chang Ahli Majlis (Pemerhati)
- (vii) Encik Mohd. Yusof bin Salleh Ahli Majlis (Pemerhati)

Pembayaran untuk (gangguan).

AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT MERTA JAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Tuan Speaker, soalan ke 14.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, tidak ada jawapan untuk soalan 13(d). "Perbelanjaan untuk....." Tidak ada apa-apa? Saya pun hairan.

AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Minta maaf, perbelanjaan untuk rombongan ini yang akan dibayar oleh Majlis ialah sebanyak \$39,000.00. Ini tidak termasuk anggaran perbelanjaan yang dikenakan oleh pemerhati-pemerhati rombongan.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Baru-baru ini saya dengar dalam rombongan ini ada Puan Feisol. Bolehkah saya tahu apa macam Puan Feisol terlibat dalam rombongan ini? Adakah Puan Feisol bekerja dalam MPSP?

AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, tadi bila saya menjawab saya telah memberitahu Encik Feisol sebagai Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai.

TUAN SPEAKER:

Beliau bawa isterilah.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Belanja isteri itu siapakah yang bertanggungjawab?

AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Di tanggungjawab oleh Majlis.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Oleh Majlis. Tuan Speaker, bolehkah saya tanya mengapa Majlis tanggungjawab perbelanjaan isteri Tuan Feisol?

AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Sebab Yang di Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai mendapat satu jemputan daripada Lord Mayor of London.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, jemputan daripada Lord Mayor of London itu betul, tetapi oleh kerana apa Kerajaan bayar belanja Puan Feisol? Oleh kerana mendapat jemputan? Oleh kerana itu? Tidak ada sebab lain? Saya mahu sebab yang asal. Jangan main-main. Itu tidak betul.

**AHLI KAWASAN DATUK KERA-
MAT (DATUK TEH EWE LIM):**

Datuk Speaker, itu adalah satu keputusan yang diambil oleh Majlis Perbandaran.

**AHLI KAWASAN BUKIT GLU-
GOR (ENCIK KARPAL SINGH):**

Tuan Speaker, bolehkah saya ta-nya, Ahli Kawasan Datuk Keramat adakah bersetuju dengan keputusan semacam itu?

**AHLI KAWASAN DATUK KERA-
MAT (DATUK TEH EWE LIM):**

Keputusan yang diambil oleh Ma-jlis Kerajaan mesti terima.

**AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT
MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN
KHIM):**

Soalan ke 14.

14. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyata-kan samada beliau sedar bahawa long-
kang di Taman Sentosa, Nibong Tebal
telah tersumbat dengan rumput dan
sampah sarap dan mengancam kesihat-
an penduduk-penduduk di kawasan itu;
jika ya, adakah beliau akan mengarah
Majlis Perbandaran Seberang Perai
mencuci longkang itu dari semasa ke se-
masa?
- (14. Can the Hon'ble the Chief Minister
state whether he is aware that the mon-
soon drain at Taman Sentosa, Nibong
Tebal, is choked with weeds and rubbish
and is a health hazard to residents in
the area; if so, will he direct the MPSP
to clear the said monsoon drain periodi-
cally?)

**AHLI KAWASAN DATUK KERA-
MAT (DATUK TEH EWE LIM):**

Datuk Speaker,, parit-parit di Ta-
man Sentosa, Nibong Tebal, adalah
dibersihkan dan dijaga oleh buruh-
buruh Majlis Perbandaran Seberang
Perai. Tindakan akan diambil untuk
menentukan supaya parit-parit terse-
but dibersihkan selalu.

**AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT
MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN
KHIM):**

Tuan Speaker, soalan ke 15.

15. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyata-
kan samada sepasukan pakar-pakar

lalulintas akan dilantik untuk mengkaji
masaalah-masaalah kesesakan lalulintas
di Bukit Mertajam, jika ya, bilakah
mereka akan memulakan kajian dan
bilakah lapuran itu dijangka siap?

- (15. Can the Hon'ble the Chief Minister
state whether a team of traffic experts
will be appointed to study the traffic
problems at Bukit Mertajam; if so,
when will they commence their study
and when will the report be expected to
be ready?)

**AHLI KAWASAN TELUK BA-
HANG (ENCIK MOHAMAD@AH-
MAD RADHI BIN PACHEE):**

Datuk Speaker, pada masa seka-
rang satu kajian mengenai pengang-
kutan perbandaran sedang dijalankan
oleh sepasukan pakar-pakar Jepun
untuk bandar-bandar Georgetown,
Butterworth dan Bukit Mertajam.
Kajian ini merupakan satu bantuan
teknik Kerajaan Jepun kepada Kera-
jaan Malaysia. Ianya telah dimula-
kan pada bulan Mac. 1979 dan
dijangka akan mengambil masa se-
lama dua tahun.

**AHLI KAWASAN PEKAN BUKIT
MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN
KHIM):**

Soalan ke 16.

16. Nyatakan bilangan rumah-rumah yang
telah dibina dan dijual oleh Perbadanan
Pembangunan Pulau Pinang dan nyata-
kan tahun-tahun mana rumah itu dibina
dan sehingga hari ini jumlah keuntu-
ngan yang telah diperolehi oleh Perba-
danan Pembangunan Pulau Pinang.
- (16. State the total number of houses built
and sold by the PDC and the years in
which they were built and to date the
total profit gained by the PDC?)

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, Perbadanan Pem-
bangunan Pulau Pinang setakat ini
telah menyiapkan 2,640 yunit-yunit
kediaman yang telah dijual kepada
orang awam dan sijil-sijil kediaman
dikeluarkan juga. Tahun-tahun dalam
mana projek-projek disiapkan adalah
seperti berikut:—

Tahun
1975

Nombor yunit-yunit
726

1976	138
1978	664
1979	1,112
	2,640

Di dalam program-program pembangunan di Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, penentuan kos dan jualan tidak dijalankan secara perdagangan tulen dengan keuntungan sebagai objektif utama. Keputusan yang diambil oleh Perbadanan ialah supaya terdapat pulangan kos dan pulangan ini dianggap sebagai lebihan pembangunan, yang digunakan untuk menyediakan kewangan untuk memberi *cross subsidy* kepada perumahan bagi golongan yang berpendapatan rendah; lain-lain aktiviti pembangunan seperti sosial, sivik dan kemudahan rekreasi dan untuk *buffer the inflationary cost factor* bagi program-program permulaan yang akan datang.

(III) Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad) bertanya kepada Ketua Menteri:—

Tuan Speaker soalan 1.

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini sejak tahun 1974 hingga bulan Oktober, 1979 berapakah projek-projek perumahan swasta yang telah diluluskan oleh pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang? Butirkan tempat-tempat yang telah diberikan kelulusan itu.

- (1. Can the Hon'ble the Chief Minister inform this House how many private housing projects have been approved by the MPSP and MPPP since 1974 to October 1979? Where are the projects?)

AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, bilangan projek-projek perumahan yang telah diluluskan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang ialah seperti berikut:—

D.T.L. D.B.D.

Dari 1hb. Julai

1974	53	8
1975	166	49
1976	231	68
1977	236	59
1978	221	58
hingga 5 Oktober		
1979	147	65
Jumlah: (Projek)	1,054	317

Untuk Majlis Perbandaran Seberang Perai, projek-projek perumahan yang telah diluluskan adalah seperti berikut:—

	S.P.U.	S.P.T.	S.P.S.
Dari tahun			
1974 ke 1979	2,557	6,301	2,377

AHLI KAWASAN TASEK GLUGOR (ENCIK MD. NOOR BIN AHMAD):

Tuan Speaker, soalan ke 2.

2. Nyatakan berapakah projek perumahan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri ini atas projek perumahan Kerajaan Negeri sendiri dari sejak tahun 1974 hingga ke tahun ini serta terangkan di mana-mana tempatnya.
- (2. State how many Government housing schemes have been approved by the State Government since 1974 up to the present time and where are these schemes?)

AHLI KAWASAN TANJUNG BUNGAH (ENCIK KHOR GARK KIM):

Datuk Speaker, sejak 1974, 25 Rancangan Perumahan Murah Kerajaan telah dilulus dan dilaksanakan. Ini adalah:—

1. Rancangan Kampung Melayu Peringkat IV
2. Rancangan Permatang Pauh Laut
3. Rancangan Peralihan Taman Tun Sardon
4. Rancangan Jalan Mohd. Saad Butterworth

5. Rancangan Sungei Pinang (IA & IB)
6. Rancangan Taman Tun Sardon I
7. Rancangan Taman Tun Sardon II
8. Rancangan Jalan Pondok Upeh
9. Rancangan Telok Kumbar
10. Rancangan Taman Free School
11. Rancangan Bagan Ajam
12. Rancangan Jawi, Nibong Tebal I
13. Rancangan Jawi, Nibong Tebal II
14. Rancangan Gertak Sanggol
15. Rancangan Kuala Muda I & II
16. Rancangan Simpang Tiga Berapit
17. Rancangan Sungai Pinang II
18. Rancangan Telok Bahang
19. Rancangan Jalan Maklom
20. Rancangan Sungai Dua Prai
21. Rancangan Permatang Tinggi
22. Rancangan Kampung Baru Valdor
23. Rancangan Bukit Panchor

AHLI KAWASAN TASEK GLUGOR (ENCIK MD. NOOR BIN AHMAD):

Tuan Speaker, soalan ke 3.

3. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini sejak tahun 1974 hingga ke tahun 1979 berapakah jumlah rakyat negeri ini telah mendapat kemudahan rumah atas skim Kerajaan Negeri dan projek perumahan sektor swasta.
- (3. Can the Hon'ble the Chief Minister inform this House since 1974 to 1979 how many persons in the state have obtained houses in government housing schemes as well as in private housing schemes?)

AHLI KAWASAN TANJONG BUNGAH (ENCIK KHOR GARK KIM):

Dari tahun 1974, Datuk Speaker, sehingga sekarang, jumlah 3,431 yunit di bawah rancangan perumahan Kerajaan telah diperuntukkan kepada rakyat. 791 yunit di antaranya adalah di bawah projek perumahan kos-rendah Negeri dan 2,640 yunit di bawah

projek perumahan P.D.C. Angka-angka kemaskini untuk jumlah bilangan rumah yang telah disiapkan oleh sektor swasta dan diduduki oleh penghuni masih belum dapat diperolehi lagi. Tetapi, adalah dianggarkan bahawa dari tahun 1974 sehingga sekarang, kira-kira 8,000 yunit rumah telah didirikan oleh sektor swasta.

AHLI KAWASAN TASEK GLUGOR (ENCIK MD. NOOR BIN AHMAD):

Tuan Speaker, soalan ke 4.

4. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini berapakah peruntukan wang tambahan dari Kerajaan Pusat untuk pembangunan negeri Pulau Pinang atas peruntukan baru yang telah dibentangkan di Parlimen baru-baru ini?
- (4. Can the Hon'ble the Chief Minister inform this House how much supplementary grant was provided by the Central Government for development in Penang out of the new provision tabled at Parliament recently?)

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, peruntukan dari Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Pulau Pinang yang diperolehi Pemberian Pertambahan Hasil adalah berjumlah \$3.998 juta.

AHLI KAWASAN TASEK GLUGOR (ENCIK MD. NOOR BIN AHMAD):

Soalan tambahan, Tuan Speaker: Saya telah difahamkan dari yang boleh dipercayai iaitu pendapatan pukl rata bagi Negeri Pulau Pinang, rakyat di Negeri Sabah dan juga rakyat Negeri Sarawak serta rakyat Negeri Pahang adalah pendapatan pukl rata yang paling tinggi, dan atas asas inilah peruntukan Kerajaan Pusat diberikan penilaian bantuan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, perkara ini telah dipertimbangkan oleh Kerajaan Pusat dan saya harap di hari depan

Kerajaan Pusat bolehlah mempertimbangkan masalah-masalah yang dalam Negeri Pulau Pinang tidak serupa dengan masalah-masalah di dalam Sabah dan Sarawak, tetapi apa keputusan yang dibuat dalam tahun ini adalah dalam ucapan saya.

AHLI KAWASAN TASEK GLUGOR (ENCIK MD. NOOR BIN AHMAD):

Tuan Speaker, soalan ke 5.

5. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa kebanyakan tanah-tanah di negeri ini telah diletakkan di taraf Geran Gred Pertama dan ini telah menyebabkan semua tanah seperti ini boleh dipelbagaikan? Jika sedar, tidakkah ada satu rancangan untuk mengubah kepada satu taraf yang lain yang boleh menyekatkan misalnya tanah pertanian tidak boleh diubahkan kepada projek yang lain dan begitulah seterusnya?
- (5. Is the Hon'ble the Chief Minister aware that most of the lands in the State are held under grant first grade and may be used for any purpose? If so, is there any plan to rectify this and impose restrictions in land use for instance agricultural land may not be converted and used for other projects and so on?)

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Datuk Speaker, untuk menjawab soalan ke 5 ialah ya, memang ada banyak tanah-tanah yang telah dikeluarkan Hakmilik sewaktu Pulau Pinang di bawah pemerintah British dahulu, yang mana geran tanah mempunyai taraf Grade I atau Grant 1st. Grade. Geran-geran yang sebegini mempunyai keistimewaan yang mana ianya tidak terikat dengan sebarang peruntukan di bawah Akta Kanun Tanah Negara. Hak yang sedemikian yang telah diberikan kepada pemilik-pemilik tanah tersebut, tidaklah wajar diubah oleh kerana ini telah menjadi hak mereka. Memang benar tanah-tanah yang mempunyai Grant 1st. Grade boleh digunakan untuk sebarang kegunaan samada pertanian, perumahan mahupun perindustrian.

Walaupun tanah-tanah ini bebas kegunaannya dari segi sekatan Kanun Tanah Negara, akan tetapi ianya adalah terikat dengan undang-undang lain umpamanya undang-undang di bawah Majlis Perbandaran, Undang-Undang Akta Menanam Padi, Undang-Undang Pemiliharaan Tanah Bukit dan lain-lain.

Jadi, Datuk Speaker, sebelum tuan-tuan tanah menggunakan tanahnya untuk sesuatu tujuan, maka perlulah ia mengetahui samada kegunaan yang dicadangkannya itu ada terikat di bawah undang-undang seperti yang disebutkan tadi dan jika ada, tuan tanah perlulah mendapat kelulusan dari pihak yang berkenaan terlebih dahulu.

AHLI KAWASAN TASEK GLUGOR (ENCIK MD. NOOR BIN AHMAD):

Datuk Speaker, soalan tambahan: Adakah dalam rancangan Kerajaan untuk menimbunkan tanah di kawasan 1st Grade ini ke satu kawasan misalnya bagi daerah atau pun kawasan-kawasan di Negeri Pulau Pinang.

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Datuk Speaker, dahulunya tidak, tapi diasas untuk menimbunkan tanah di kawasan-kawasan lain.

AHLI KAWASAN TASEK GLUGOR (ENCIK MD. NOOR BIN AHMAD):

Datuk Speaker, soalan ke 6.

6. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa sejumlah besar parit-parit di pekan-pekan kecil di negeri ini masih tidak diselenggarakan lagi oleh pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang seperti di Pekan Tasek Glugor, Kepala Batas dan Penaga?
- (6. Is the Hon'ble the Chief Minister aware that many drains in small towns in the State are still not maintained by the MPSP and MPPP, such as in Pekan Tasek Glugor, Kepala Batas and Penaga?)

AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, permintaan untuk parit-parit konkrit daripada pekan-pekan kecil ini telah diterima melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai beberapa tahun dahulu.

Jabatan Kerja Raya telahpun menyediakan anggaran permulaan untuk rancangan-rancangan saliran ini kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai sebagaimana yang diminta.

Oleh kerana peruntukan yang sedia ada terhad, hanya jarak-jarak pendek sahaja parit-parit tersebut telah dibina oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (daripada peruntukan mereka) dan Jabatan Kerja Raya (yang menerima peruntukan daripada Kerajaan Negeri).

Lazimnya, parit-parit ini dikenali sebagai "Township Drains" dan Kerajaan Negeri memperuntukkan satu vot di bawah tajuk "Township Drains" kepada berbagai Lembaga Bandaran yang mengawal vot-vot ini. Jabatan Kerja Raya biasanya melaksanakan kerja-kerja saliran seumpama itu bagi pihak majlis. Akan tetapi dengan kemajuan Lembaga-Lembaga Bandaran ini ke Lembaga Pengurusan Kerajaan Tempatan dan akhirnya ke Majlis-Majlis Perbandaran, dengan beransur-ansur mereka telah mengambil alih pelaksanaan projek-projek ini sendiri.

(IV) Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali) bertanya kepada Ketua Menteri:—

1. Berapakah jumlah luas tanah sawah yang mempunyai kemudahan parit dan taliair di seluruh Negeri Pulau Pinang? Berapa jumlah tanah sawah tidak mempunyai taliair? Nyatakan jumlah luas tanah sawah dari dua jenis yang tersebut di atas bagi daerah-daerah Balik Pulau, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan?

- (1. How many acres of padi land are provided with drainage and irrigation facilities in the whole State of Penang? How much of the padi land are without such facilities? State the total acreage of padi land in both categories in the districts of Balik Pulau, Province Wellesley North, Province Wellesley Central and Province Wellesley South?)

AHLI KAWASAN TELUK BAHANG (ENCIK MOHAMAD @ AHMAD RADHI BIN PACHEE):

Datuk Speaker, jumlah luas yang diwartakan sebagai tanah sawah dan mendapat kemudahan-kemudahan pengairan dan saliran ialah sebanyak 41,244 ekar.

Jumlah luas tanah sawah yang tidak diwartakan ialah sebanyak 613 ekar, dari luas ini 350 ekar telah diberi kemudahan-kemudahan pengairan saliran kecil. Tidak ada sebarang kemudahan-kemudahan pengairan diberikan kepada baki tanah sawah seluas 263 ekar oleh kerana tiada punca bekalan air yang tetap.

Jumlah keluasan tanah padi pada tiap-tiap daerah adalah seperti berikut:—

Daerah	Kawasan Padi yang diwartakan (ekar)	Kawasan Padi yang tidak diwartakan (ekar)
1. Daerah Barat		
Daya	2,782 ekar	—
2. Seberang Perai		
Utara	24,034 ekar	—
3. Seberang Perai		
Tengah	10,084 ekar	563 ekar
4. Seberang Perai		
Selatan	4,344 ekar	50 ekar
	-----	-----
	41,244 ekar	613 ekar
	-----	-----

AHLI KAWASAN SUNGAI DUA (TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI):

Tuan Speaker, soalan ke 2.

2. Berapakah jumlah tanah sawah di seluruh negeri yang tidak ditanam padi bagi tiap-tiap daerah tahun 1974, 1975, 1976, 1977, 1978 dan 1979?

- (2. How many acres of padi land are not cultivated with padi in the various districts in 1974, 1975, 1976, 1977, 1978 and 1979?)

**AHLI KAWASAN BERTAM (EN-
CIK ABDUL RAHMAN BIN HAJI
ABBAS):**

Tuan Speaker, inilah jawapan ke-
pada soalan Yang Berhormat dari
kawasan Sungai Dua. Tanah-tanah
sawah yang tidak ditanam padi
mengikut daerah dan tahun adalah
seperti berikut: —

Tahun	Jumlah
1974	1064
1975	5129
1976	3500
1977	9124
1978	9164
1979	6816

**AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
(TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI
ALI):**

Tuan Speaker, soalan ke 3.

3. Berapakah jumlah penyewa dan tuan tanah sawah yang telah mendaftar perjanjian sewa di bawah Akta Penanam Padi di seluruh negeri semenjak Akta itu dikuasakan? Berapa jumlah bilangan tuan tanah sawah yang tidak mematuhi Akta tersebut dan berapa jumlah bilangan tuan tanah yang telah dihukum?
- (3. How many tenants and owners of padi land have registered their tenancy agreements under the Padi Cultivators' Act in the State of Penang since the enforcement of the Act? How many of the padi land owners contravene the Act, and how many have been penalised?)

**AHLI KAWASAN BERTAM (EN-
CIK ABDUL RAHMAN BIN HAJI
ABBAS):**

Tuan Speaker, jumlah penyewa di bawah Perjanjian Sewa (Borang 'A' kepada Akta Penanam Padi) yang telah didaftarkan di Pejabat Pendaftaran Hakmilik Tanah, semenjak Akta ini mula dikuatkuasakan (1974) ialah 1,064. Jumlah tuan tanah yang

tidak mematuhi kehendak Akta (mendaftar perjanjian di atas) adalah sebanyak 24 orang. Bilangan tuan tanah yang telah didakwa tidak mengikut kehendak Akta tersebut adalah seramai 14 orang.

**AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
(TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI
ALI):**

Tuan Speaker, soalan ke 4.

4. Pendalaman Sungai Durhaka, Kampong Pertama sudah dilaksanakan bagi mencegah banjir. Adakah kerja-kerja yang telah dijalankan itu mengikut rancangan yang telah diteliti dan dipersetujui oleh pihak yang berkenaan bagi menjamin pencegahan banjir yang sering berlaku di kawasan itu?
- (4. Sungai Durhaka, Kampong Pertama has been deepened to alleviate flooding. Is this in accordance with the programme agreed to by the authority concerned to alleviate the frequent flooding in the area?)

**AHLI KAWASAN TELUK BA-
HANG (ENCIK MOHAMAD @ AH-
MAD RADHI BIN PACHEE):**

Tuan Speaker, Kerajaan baru sahaja menyiapkan kerja-kerja berhubung dengan projek mendalamkan serta melincungkan Sungai Durhaka ataupun Sungai Pertama sepanjang 82 rantai, iaitu dari Jalan Permatang Pauh ke Jalan Dato' Hussein Oon. Dengan siapnya kerja tersebut, kejadian banjir di kawasan itu akan berkurangan.

**AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
(TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI
ALI):**

Tuan Speaker, soalan tambahan: Kerajaan telah mengambil tanah-tanah di kawasan itu, nampaknya tanah itu tidak dilincungkan semula. Apakah sebabnya?

**AHLI KAWASAN TELUK BA-
HANG (ENCIK MOHAMAD @ AH-
MAD RADHI BIN PACHEE):**

Datuk Speaker, itu soalan lain.

**AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
(TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI
ALI):**

Datuk Speaker, soalan ke 5.

5. Adakah Kerajaan sedar bahawa tiga buah lombong pasir yang sedang mengeluarkan pasir secara haram di Sungai Junjong Tasek, daerah Nibong Tebal telah menjejaskan perusahaan sawah di kawasan itu dan menyebabkan berlakunya hakisan tanah di sebelah menyebelah tebing sungai itu? Jika sedar, bilakah tindakan akan diambil bagi mengatasi masalah ini?
- (5. Is the Government aware that three sand-mining operations illegally extracting sand in Sungai Junjong Tasek, Nibong Tebal district, have adversely affected padi cultivation in the area and causing soil erosion on both sides of the river banks. If so when will action be taken to overcome the problem?)

**AHLI KAWASAN TELUK BAHANG
(ENCIK MOHAMAD @ AHMAD RADHI BIN PACHEE):**

Datuk Speaker, jawapannya ialah ya. Terdapat 3 buah lombong pasir yang telah dijalankan di Tasek Junjong, Daerah Seberang Perai Selatan, di mana pasir itu telah dikorek dari tanah daratan kepunyaan tuan tanah sendiri, dan bukan dari sungai. Apa yang telah berlaku ialah pihak pelombong telah mengambil air dari sungai untuk mencuci pasirnya, kemudian melepaskan air ke dalam sungai.

Kerajaan telahpun bertindak untuk menghentikan pelombong-pelombong pasir tadi daripada mengambil air dari sungai, dan ketiga-tiga pelombong pasir tadi telahpun menghentikan pengambilan air tersebut.

Kerajaan Negeri juga telah mengarahkan Jabatan Pertanian dan Jabatan Parit dan Talian menyiasat tentang kekurangan air di dalam Sungai Junjong. Apa yang sebenarnya berlaku ialah kejatuhan paras air dari Sungai Junjong itu adalah disebabkan kurangnya hujan.

(V) Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed) bertanya kepada Ketua Menteri: —

Datuk Speaker, soalan 1.

1. Dalam lawatan Y.A.B. Ketua Menteri tahun lalu ke kawasan Dewan Undangan Negeri Penanti, Yang Amat Berhormat telah bersetuju supaya satu rancangan perumahan murah dibina berhampiran Balai Raya Kubang Semang, Bukit Mertajam. Bilakah rancangan ini hendak dijalankan dan berapa yunit rumah akan dibina atas tapak itu?
- (1. During the visit of the Honourable the Chief Minister to the State Constituency of Penanti last year, he agreed that a low-cost housing be built near the Balai Raya, Kubang Semang, Bukit Mertajam. When will this be implemented and how many units of houses will be built?)

**AHLI KAWASAN TANJUNG BUNGAH
(ENCIK KHOR GARK KIM):**

Datuk Speaker, cadangan untuk mengadakan projek perumahan kos rendah berhampiran dengan Balai Raya, Kubang Semang, Bukit Mertajam, masih lagi dalam pertimbangan atas penyesuaian tempat dan adanya peruntukan kewangan. Jika didapati sesuai dan ada peruntukan kewangan, maka projek ini boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

AHLI KAWASAN PENANTI (ENCIK ABDULLAH BIN MOHAMMED):

Terima kasih.

Datuk Speaker, soalan ke 2.

2. (a) Berapa ekar jumlah tanah yang terlibat dalam pembinaan takungan air di Mengkuang Tandop, Bukit Mertajam yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri, Pulau Pinang?
- (b) Berapa orang tuan-tuan tanah yang terlibat?
- (c) Apakah gantian yang telah diberikan kepada mereka-mereka di atas pengambilan tanah tersebut?
- (d) Apakah rancangan Kerajaan untuk mengganti kehilangan pekerjaan kepada pekerja-pekerja di atas tanah-tanah tersebut di masa akan datang?
- (2. (a) How many acres of land are affected in the construction of a reservoir in Mengkuang Tandop, Bukit Mertajam as proposed by the State Government of Penang?
- (b) How many landowners are affected?
- (c) What compensation has been given to

those affected in the acquisition of land?

- (d) Has the Government any plan to compensate for the loss of employment to the workers on the land?)

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Datuk Speaker, untuk menjawab soalan kedua ini tanah-tanah yang terlibat dengan projek Tadahan Air di Mengkuang Tandop di Bukit Mertajam belum lagi ditentukan keluasanannya. Penyiasatan dan perancangan sedang dibuat dan apabila ianya siap kelak, barulah dapat ditentukan keluasan tanah yang diperlukan serta juga bilangan tuan tanah yang terlibat.

AHLI KAWASAN PENANTI (ENCIK ABDULLAH BIN MOHAMMAD):

Datuk Speaker, soalan ke 3.

3. (a) Apakah ikhtiar Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mengatasi masalah tanah-tanah rang di Bukit Mertajam yang telah menjadi-jadi pada masa ini?
- (b) Adakah Kerajaan bercadang hendak menjadikan rancangan tanaman berkelompok bagi mengatasi masalah itu, seperti yang dicadangkan oleh Menteri Pertanian? Kalau ada, bila?
- (c) Adakah rancangan Kerajaan hendak menolong petani-petani yang hendak membeli jentera ringan dua roda dengan secara subsidi? Kalau ada, bila?
- (d) Kenapakah rancangan membunuh tikus di sawah-sawah tidak dijalankan dengan bersungguh-sungguh?
- (e) Bolehkah Kerajaan mengadakan peruntukan wang bagi mengupah orang ramai membunuh tikus sebanyak 10 sen bagi setiap ekor yang telah dibunuh?
- (3. (a) What are the steps the State Government will take to resolve the problem of uncultivated lands (tanah rang) in Bukit Mertajam?
- (b) Has the Government any plan to introduce a "cluster" type of agriculture to overcome this problem as proposed by the Minister of Agriculture?
- (c) Is there a government plan to provide subsidies to farmers who wish to purchase light machinery? If so, when?
- (d) Why is the killing of field rats not carried out in a serious manner?
- (e) Can the Government provide an allocation to pay 10 cents for every rat that is killed?)

AHLI KAWASAN BERTAM (ENCIK ABDUL RAHMAN BIN HAJI ABBAS):

Datuk Speaker, ini jawapan saya kepada soalan yang dikemukakan oleh ahli Yang Berhormat dari Kawasan Penanti. Rancangan Pertanian Berpadu yang telah dicadangkan oleh Kementerian Pertanian untuk mengatasi masalah tersebut di Negeri Pulau Pinang masih lagi di dalam peringkat kajian dan perancangan. Kajian dan rancangan ini akan meliputi soal-soal kegunaan semula tanah-tanah tersebut dan perlaksanaannya dijangka akan dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam 11.20 pagi.

(VI) Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong) bertanya kepada Ketua Menteri:—

Tuan Speaker, soalan 1.

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan:
- (a) langkah-langkah yang diambil untuk menempatkan semula 32 keluarga yang terlibat di Hutton Lane yang terpaksa pindah kerana sebuah padang letak kereta bertingkat-tingkat akan dibina di situ?
- (b) jumlah pampasan yang dicadangkan akan dibayar pada keluarga-keluarga yang terlibat?
- (c) jumlah kos pembinaan padang letak kereta tersebut?
- (d) bilakah ianya akan mula dibina dan bilakah ianya dijangka akan siap?
- (1. Can the Hon'ble the Chief Minister state:—
- (a) the steps taken to resettle the 32 families who have to make way for a multi-storied car park in Hutton Lane?
- (b) the amount of compensation proposed to be given to the residents?
- (c) how much it will cost to build the proposed car park?
- (d) when work will start and expected to end?)

AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, rumah yang diduduki oleh 32 keluarga di Jalan Hutton itu adalah terlibat dengan fasa kedua bangunan letak kereta bertingkat yang dicadangkan. Permulaan pembinaan fasa ini akan memakan masa. Mengikut dasar Kerajaan Negeri, keluarga-keluarga yang berkenaan akan diberi tempat tinggal gantian dan gantirugi yang mencukupi. Majlis sedang mempertimbangkan soalan tempat tinggal yang sesuai untuk keluarga-keluarga yang terlibat dan apabila ini diputuskan, gantiruginya akan ditentukan.

Anggaran kos bagi pembinaan fasa 1 bangunan letak kereta bertingkat yang akan didirikan di atas tapak letak kereta yang ada di Jalan Hutton sekarang ini ditaksir kira-kira \$1.3 juta.

Kerja-kerja dijangka bermula dalam bulan Januari 1980 dan akan siap pada bulan Disember 1980.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Saya tidak dapat penjelasan daripada Ahli yang bertanggungjawab berkenaan dengan (c) tadi. Tadi dia bilang \$1,000, 300 atau \$1,300,000?

AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):

\$1,300,000.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Saya tidak dapat tahu berkenaan dengan pampasan yang akan diberikan. Tadi ahli yang bertanggungjawab ada berkata akan beri cukup. Saya mahu tahu setakat berapa boleh dikatakan cukup: \$100.00, \$500.00 atau \$1,000.00? Sila jelaskan.

AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, perkara itu sampai hari ini belum berbangkit.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, soalan tambahan lagi: Kalau perkara itu belum berbangkit, bagaimana wakil ini boleh mengatakan tahun 1980, Disember, boleh diselesaikan bangunan itu? Bagaimana? Saya pun tidak berapa faham jikalau ia mengatakan perkara itu belum berbangkit.

AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Itu, Datuk Speaker, bila ada satu rancangan mesti ada satu masa kita boleh siapkan, bukan ada satu masa siap yang mesti sudah ada perkara sudah berbangkit.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Soalan tambahan lagi, berkenaan dengan tempat yang mereka akan diberikan. Adakah Kerajaan Negeri akan menimbangkan memberi flats untuk keluarga yang terlibat?

AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Tuan Speaker, sampai masa itu, Kerajaan mesti boleh bincangkan perkara itu.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tambahan, Tuan Speaker: Masanya sudah sampai. Wakil itu main-main dengan soalan saya sebab pada tahun 1980, rumah itu akan disiapkan. Sekarang sudah akhir tahun 1979 perkara itu belum dipertimbangkan. Saya pun hairan. Sila jelaskan perkara itu.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Datuk Keramat telah memberi penjelasan kerja-kerja ini akan bermula dalam bulan Januari tahun 1980. Jadi bermakna segala persiapan itu akan dibuat dalam sedikit masa lagi. Begitulah fahamannya.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, soalan ke 2.

2. Nyatakan:

- (a) Samada Kerajaan Negeri bercadang meluluskan tabung untuk membantu mangsa-mangsa kebakaran.
- (b) Samada mangsa-mangsa kebakaran akan diperuntukkan yunit-yunit rumah pangsa seperti dilakukan di Negeri Johor.

(2. State:—

- (a) whether the State Government intends to approve funds to help fire victims.
- (b) whether he agrees that low-cost flats should be allocated to the victims as in Johore.

AHLI KAWASAN TANJUNG BUNGAH (ENCIK KHOR GARK KIM):

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri ada menyediakan peruntukan kewangan bagi membantu mangsa-mangsa malapetaka seperti banjir atau kebakaran. Peruntukan ini diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menguruskannya. Oleh itu tidaklah perlu untuk menubuhkan tabung lain yang mempunyai tujuan sama.

Di dalam peruntukan yunit-yunit rumah murah, adalah dasar Kerajaan Negeri memberi keutamaan kepada keluarga yang terlibat oleh rancangan pembangunan Kerajaan atau mangsa-mangsa malapetaka yang terjadi di tanah Kerajaan.

Mangsa-mangsa bencana alam yang terjadi di tanah swasta boleh memohon bila-bila masa kepada Bahagian Perumahan untuk mendapatkan rumah-rumah kos rendah, dan akan dipertimbangkan atas kedudukan sesuatu kes.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Bolehkah wakil memberitahu kepada kita berapa mangsa-mangsa itu telah mendapat rumah kos rendah?

AHLI KAWASAN TANJUNG BUNGAH (ENCIK KHOR GARK KIM):

Datuk Speaker, jumlah bilangan saya minta masa untuk menjawab,

akan tetapi di sini saya boleh kata ada contohnya seramai 12 keluarga mangsa kebakaran Weld Quay dan dua keluarga mangsa kebakaran di Jalan Iskandar telah ditempatkan di rancangan rumah peralihan Sungai Pinang.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, soalan ke 3.

3. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa:

(a) lebih daripada 40 keluarga atau 500 lebih penduduk di Kampong Jalan Cantik, Off Jalan Kampong Permatang Pauh, sedang terancam kesihatan mereka kerana parit besar yang ada di kawasan tersebut selalunya didapati tersumbat dan apabila banjir berlaku, air melimpah ke benteng?

(b) kawasan tersebut juga tidak dibekalkan dengan air paip dan akibat ini penduduk-penduduk di situ terpaksa bergantung kepada air perigi yang kotor dan tidak sesuai untuk kegunaan mereka? Jika sedar, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan tersebut.

(3. Can the Hon'ble the Chief Minister state:—

(a) whether he is aware that more than 40 families or 500 odd residents are living under threat of epidemic at Kampong Jalan Cantik off Jalan Permatang Pauh, because the village main drain is unempt and stinking and most of the time clogged and it floods when rain falls?

(b) whether he is aware that the village has no pipe-water and depends on well water which is too dirty for human consumption? If so, state the steps taken to overcome the problem.)

AHLI KAWASAN TELUK BAHANG (ENCIK MOHAMAD @ AHMAD RADHI BIN PACHEE):

Tuan Speaker, barangkali apa yang dimaksudkan oleh Ahli Kawasan Kampong Kolam ialah kawasan Beauty Garden. Jika benar itu yang dimaksudkannya, jawapannya ialah Majlis Perbandaran Seberang Perai sentiasa menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan terhadap parit itu. Untuk makluman

Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam, didapati telah banyak sampah sarap dibuang oleh orang ramai ke dalam parit itu meskipun beberapa langkah telah diambil oleh Majlis untuk mengingatkan mereka supaya jangan membuat demikian. Bagaimanapun, Pihak Jabatan Kerja Raya ada rancangan untuk menggantikan pembetung yang ada sekarang bagi parit-parit itu. Apabila telah siap kelak ini akan mengurangkan masalah banjir.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Tadi Ahli yang bertanggungjawab berkata penduduk-penduduk di sana buang sampah dalam parit itu, tetapi saya ada kesempatan pergi ke tempat itu dan saya nampak tidak ada sampah dibuang. Pekerja-pekerja dari Majlis tidak mengambil tugas dan tidak buat kerja dan sebab itulah saya mahu tanya adakah langkah-langkah akan diangkat dengan secepat mungkin?

AHLI KAWASAN TELUK BAHANG (ENCIK MOHAMAD @ AHMAD RADHI BIN PACHEE):

Tuan Speaker, saya percaya Ahli Yang Berhormat dari Kampong Kolam tidak duduk di situ 24 jam memerhati perlakuan penduduk-penduduk di kawasan itu. Dan berkenaan dengan tindakan Pegawai-Pegawai Kerajaan, ya, pihak Kerajaan mengambil perhatian dan akan membuat sesuatu.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Soalan ke 4.

4. Nyatakan samada cadangan untuk membina "safari-style tourist resorts" di Teluk Duyong telah mendapat kelulusan pihak Majlis Perbandaran serta disokong oleh Jawatankuasa Alam Sekitar, Stesyen Luar Biologiikal Universiti Sains Malaysia dan para konservasionis alam semula jadi.
- (4. State whether the proposed private safari-style tourist resort at the Teluk Duyong nature reserve had been approved

by the Municipal Council and supported by the Nature Conservationists, the Universiti Sains Malaysia's Biological Field Station, and the State Environmental Committee.)

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Datuk Speaker, cadangan membina sebuah kampung pelancung yang dicadangkan di atas lot-lot 136(i) dan juga lot 510 Mk. 1, Daerah Timur Laut, Teluk Duyong telah dikemukakan dan masih dalam pertimbangan Majlis. Pihakberkuasa-Pihakberkuasa dan jabatan-jabatan yang berkenaan termasuk Jabatan Alam Sekitar di Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah dirujuk untuk mendapatkan ulasan-ulasan mereka. Ulasan-ulasan mereka itu akan diambil pertimbangan semasa pelan susunan dipertimbangkan kelak oleh Majlis. Walau bagaimanapun, Stesyen Luar Biologiikal Universiti Sains Malaysia bukanlah di antara jabatan-jabatan yang berkenaan dan kelulusan mereka tidaklah dikehendaki.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, soalan ke 5.

5. Nyatakan samada Kerajaan berhajat meneruskan dengan cadangannya untuk mengadakan 'water bus' di negeri ini; jika ya, nyatakan samada satu kajian kemungkinan (feasibility study) telah diadakan, jumlah yang dibayar kepada firma yang membuat kajian tersebut dan perbelanjaan yang dianggarkan untuk mengenalkan perkhidmatan 'water bus' itu.
- (5. State whether the Government intends to go ahead with the proposal of the Water Bus; if so, state whether a feasibility study on the proposal was carried out, the amount paid to the firm for carrying out the study and the cost in running the Water Bus.)

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, cadangan untuk mengadakan satu sistem 'water bus' masih lagi dikaji oleh Kerajaan Negeri sebagai satu daripada sistem-

sistem pengangkutan. Kita selalu mesti ambil pertimbangan.

Kajian kemungkinan (feasibility study) sepenuhnya di atas perkara ini belum lagi ditetapkan.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Soalan tambahan, Tuan Speaker: Dalam soalan ini saya ada tanya nama firma-firma itu tetapi tidak dijawab, dan berapa telah dibelanjakan pun tidak dijawab. Saya rasa wakil yang bertanggungjawab main-main dengan saya.

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, jawapan saya telah cukup. Jika Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Kampong Kolam ingat kita mari ke Dewan ini main-main sahaja, saya ingat beliau mesti bertimbang balik semacam kita selalu bertimbang.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Saya rasa tidak payahlah wakil itu berkata begitu sebab soalan saya sangat terang. Jawapan tidak terang. Itulah saya hendak tanya.

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Itu bukan soalan tambahan.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Soalan ke 6.

6. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan hasil lawatannya selama lima hari yang dilakukan oleh beliau ke Sumatra Utara? Berapakah jumlah perbelanjaan yang terlibat kerana menghantarkan 19 orang ahli rombongan itu?
- (6. Can the Hon'ble the Chief Minister state the benefits derived from his 5-day visit to North Sumatra? How much was spent in sending the 19-man delegation?)

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, lawatan rasmi yang telah dilakukan ke Sumatra Utara adalah sebagai membalas lawatan ke

Pulau Pinang oleh Gabenor Sumatra Utara, Bapak Tambunan, pada 18hb.

— 20hb. Mac, 1979. Beliau telah mengundang Ketua Menteri melawat Sumatra Utara sekali lagi. Semasa lawatan tersebut, rombongan rasmi ini telah diberi taklimat penuh mengenai pembangunan yang berkembang beberapa tahun yang lalu serta rancangan-rancangan bagi pembangunan di masa akan datang. Bidang-bidang yang boleh diadakan kerjasama dibincangkan. Kerajaan Sumatra Utara telah memberi kesempatan kepada rombongan ini melawat projek pembangunan di kawasan tapak berkenaan termasuklah Projek Pembangunan Asahan, yang mana adalah satu projek terbesar bagi jenisnya di dunia. Lawatan ini telah mempererat lagi persahabatan dan perasaan persefahaman di antara Pulau Pinang dan Sumatra Utara pada umumnya dan Malaysia dan Indonesia pada keseluruhannya. Saya ingin mengambil kesempatan ini sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Gabenor Sumatra Utara, Bapak Tambunan, di atas segala layanan baik yang telah diberikan kepada saya serta juga ahli-ahli rombongan.

Hasil lawatan saya dan rombongan seramai 18 orang ke Sumatra Utara mulai 8hb. Julai hingga 13hb. Julai, 1979, adalah seperti berikut: —

- (i) pihak swasta daripada Pulau Pinang sedang mengadakan perbincangan dengan pihak Pemerintah Sumatra Utara bagi memajukan perusahaan hotel di Tapanolli Utara;
- (ii) pihak swasta dari Pulau Pinang sedang mengadakan perbincangan dengan pihak swasta di Sumatra Utara untuk mendapatkan bekalan balak dari Sumatra Utara bagi pasaran tempatan;
- (iii) pihak Angkasa dari Cawangan Pulau Pinang sedang menimbang kemungkinan menternak udang dan ikan air payau di

Pulau Pinang sepertimana yang dijalankan di Sialang Buah, Sumatra Utara;

- (iv) dari segi pelancungan, pertalian rapat dan tindakan sedang diambil untuk menghubungkan Pulau Pinang dan Sumatra Utara dalam bidang penggalakan pelancungan. Lawatan pelancung-pelancung dari Sumatra Utara akan dapat diteruskan ke Pulau Pinang dan pelancung-pelancung dari Pulau Pinang boleh dibawa melawat ke tempat-tempat peranginan di Sumatra Utara.

Sejumlah 19 orang peserta, termasuk Y.A.B. Ketua Menteri sendiri mengunjungi Sumatra Utara pada tarikh tersebut. Di antaranya lima orang mewakili Kerajaan Negeri Pulau Pinang manakala 14 orang lagi ialah dari pihak swasta, yang termasuk wakil-wakil daripada Dewan-Dewan Perniagaan. Jumlah perbelanjaan untuk kelima-lima orang yang mewakili Kerajaan Negeri ialah \$4,607.77.

Perbelanjaan bagi 14 orang pihak swasta adalah ditanggungjawab oleh mereka sendiri.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Soalan ke 7.

7. Nyatakan:

- (a) samada terdapat apa-apa cadangan untuk meminda 'Hindu Endowments Ordinance 1906'. Berapakah jumlah wang tunai dan nilai harta benda yang dimiliki oleh 'Hindu Endowments Board' yang ditubuhkan di bawah Ordinan tersebut?
- (b) berasas kepada apakah ahli-ahli dilantik ke dalam Lembaga tersebut dan sila berikan nama-nama ahli Lembaga tersebut.
- (7. State:—
- (a) whether any steps have been taken to amend the 'Hindu Endowments Ordinance 1906', and how much cash and property are owned by the Hindu Endowments Board that has been established under the said Ordinance.

- (b) what is the basis of appointing members to the Board and who are the members?)

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Tuan Speaker, memang ada rancangan Kerajaan Negeri sedang merangka untuk meminda Ordinan Hindu Endowments Board 1906 yang ada sekarang ini. Semua wakaf orang-orang Hindu yang ditadbirkan oleh Lembaga Wakaf yang dilantik oleh Kerajaan adalah berupa kuil-kuil atau rumah-rumah berhala dan juga tanah-tanah perkuburan. Tidak ada penilaian yang diperbuat di atas harta-harta tersebut.

Untuk menjawab soalan 7(b), Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melantik ahli-ahli Lembaga Wakaf Orang-Orang Hindu menurut kelayakan yang dihitung dari segi kedudukan, pengetahuan dan pengalamannya serta pekerjaannya yang difikirkan boleh memberi pimpinan dan khidmat yang munafaat kepada Lembaga tersebut.

Nama Ahli-Ahli Lembaga tersebut ialah:

1. Y.B. Encik T. Subbiah (Ahli)
2. Encik P. Rajendra (Ahli)
3. Encik S. Letchumanasamy (Ahli)
4. Encik Abdul Rahman bin Haji Ahmad (Setiausaha)
5. Mendiang Encik R. Jayaraman
6. Mendiang Encik Narayanasamy
7. Mendiang Encik D. Baboo

Ketiga-tiga ahli yang telah meninggal dunia akan dilantik semula pengantinya.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Soalan ke 9.

9. Bilakah parit-parit baru di kawasan penempatan semula (lot 3-28) di Batu Maung akan mula dibina dan dijangka siap dan perbelanjaan yang terlibat?
- (9. When will the new drainage at the Batu Maung resettlement area (lot 3-28) begin and the expected date of completion. What is the cost?)

AHLI KAWASAN TELUK BAHANG (ENCIK MOHAMAD @ AHMAD RADHI BIN PACHEE):

Rancangan parit belum siap dibina di kawasan penempatan semula (gangguan).

TUAN SPEAKER:

Soalan ke 8 atau ke 9?

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Soalan ke 9. Soalan ke 8 tidak mahu.

AHLI KAWASAN TELUK BAHANG (ENCIK MOHAMAD @ AHMAD RADHI BIN PACHEE):

Tuan Speaker, parit yang belum siap dibina di kawasan Penempatan Semula Setinggalan-Setinggalan di Batu Maung sebenarnya terletak di Lot 3 hingga Lot 15, bukan Lot 3 — 28 seperti disoalkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kampung Kolam. Parit yang terdapat di hadapan Lot 16 hingga Lot 28 dan lot-lot yang lain di kawasan Penempatan Semula Setinggalan-Setinggalan telah pun siap semenjak 4hb. Mei, 1977, kerja-kerja pembinaan telah ditawarkan kepada pemborong-pemborong (kontraktor) tetapi hanya 5,290 sahaja daripada kerja tersebut telah disiapkan setakat ini. Bagaimanapun, buat masa sekarang Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sudah mengadakan perbincangan dengan beberapa orang kontraktor dengan tujuan menentukan siapakah di antara mereka-mereka ini sedia menyelesaikan kerja-kerja pembinaan dengan harga yang adil dan berpatutan. Sebaik sahaja perjanjian dicapai dengan salah seorang daripada mereka ini, maka kontrak akan ditawarkan. Adalah dijangkakan baki kerja itu akan mengambil masa kira-kira 9 minggu untuk disiapkan.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Soalan tambahan, Tuan Speaker: Bolehkah ahli yang bertanggungjawab bilangkan kepada kita nama-

nama kontraktor-kontraktor yang mula-mula?

AHLI KAWASAN TELUK BAHANG (ENCIK MOHAMAD @ AHMAD RADHI BIN PACHEE):

Sebenarnya saya tidak boleh bilangkan. Itu soalan lain.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Soalan ke 10.

10. Nyatakan:

- (a) nama-nama ahli Majlis Perunding Belia Negeri (State Youth Consultative Council).
 - (b) Aktiviti-aktiviti yang dirancang untuk belia di negeri Pulau Pinang.
 - (c) Aktiviti-aktiviti yang dijalankan.
- (10. State:—
- (a) the names of members of the State Youth Consultative Council.
 - (b) activities planned for the youths in the State.
 - (c) activities carried out.)

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Tuan Speaker, soalan 10(a), Majlis Perundingan Belia Negeri Pulau Pinang belum ditubuhkan lagi.

Untuk jawapan (b), tiada.

Untuk jawapan (c), aktiviti-aktiviti ialah:—

- (i) Program Pembentukan Usahawan — Rancangan Belia Berniaga.
- (ii) Aktiviti-aktiviti Koperasi-koperasi Belia Nasional (KOBENA)
- (iii) Bimbingan pekerjaan dan perniagaan di bidang Vokesyenal.
- (iv) Aktiviti-aktiviti Kebudayaan dan Kesukanan.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Soalan ke 11.

11. Nyatakan nama badan yang mengelolakan jamuan makan malam Kejohanan Badminton Kebangsaan Malaysia tahun 1979. Berapakah jumlah perbelanjaan

untuk jamuan tersebut? Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa jumlah pegawai yang menghadiri jamuan tersebut adalah melebihi jumlah peserta?

- (11. State the body which hosted the dinner for the 1979 Malaysian National Championship Badminton. How much was incurred for the dinner? Is the Hon'ble the Chief Minister aware that there were more officials than players attending the dinner?)

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Tuan Speaker, untuk menjawab soalan ke 11, kejohanan Badminton Kebangsaan Malaysia tidak pernah diadakan di Pulau Pinang. Yang pernah diadakan ialah "Kejohanan Kebangsaan Tertutup Badminton Malaysia" (Malaysia National Closed Championship). Ini sekali lagi menunjukkan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Pihak Pembangkang tidak begitu tepat. Tadi berkenaan lot. Ini menunjukkan kelemahan Pembangkang. Jadi yang sebenarnya diadakan ialah Malaysia National Closed Championship. Jika ini yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu memang benar Kerajaan Negeri ada memberi jamuan bagi meraikannya. Jumlah perbelanjaan ialah \$2,484.50. Bilangan tetamu memanglah melebihi pemain, tetapi tetamu-tetamu adalah terdiri dari pegawai-pegawai Kejohanan itu, wakil-wakil sukan dari tiap-tiap negeri di Malaysia dan tetamu-tetamu Kerajaan Negeri. Pecahannya ialah seperti berikut: —

(a) Pemain	— 36 orang
(b) Pegawai	— 18 orang
(c) Wakil Majlis Sukan	— 12 orang
(d) Wakil badan-badan sukan negeri-negeri lain	— 108 orang
(e) Tetamu Kerajaan	— 30 orang

Jumlah 204 orang

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Soalan ke 12.

12. Nyatakan perbelanjaan yang ditanggung akibat keruntuhan longkang di sepanjang Perak Close dan tarikh di mana kerja-kerja pembaikan kepada longkang tersebut dijangka siap? Nyatakan nama kontraktor yang membina longkang tersebut pada awalnya dan jumlah wang yang terlibat ketika longkang itu dibina dahulu. Nyatakan samada satu siasatan telah dijalankan untuk menentukan sebab-sebab mengapa longkang tersebut runtuh dan adakah hasil siasatan itu akan diumumkan kepada orang ramai?
- (12. State the cost in repairing the collapsed main drain along Perak Close and the expected date of completion of the repair work. State the name of the contractor who built the original drain and the cost of construction at that time. State whether an investigation will be conducted to determine the cause of the collapse of the drain and will the results of such an investigation be made public?)

AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Tuan Speaker, kos bagi pembinaan semula Pembetung Solok Perak ialah \$280,000.00.

Kerja-kerja pembinaan semula dijangka akan siap pada bulan Jun, 1980.

Kontraktor yang dahulunya yang membina bahagian pembetung ini ialah Tetuan Cheok Kee Teong.

Jumlah kos bagi pembinaan pembetung dari Jalan Tengku ke Lorong Hijau Lima ialah \$1.75 juta.

Penyiasatan telahpun dijalankan dan sebab-sebab keruntuhan berkenaan telah diketahui. Memandangkan bahawa perkara ini telahpun diambil tindakan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang, tidaklah perlu ianya diumumkan kepada orang ramai.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Benarkah atau tidak benar, National Bureau of Investigations (NBI) telah mengambil siasatan berkenaan dengan keruntuhan tempat itu? Benar atau tidak benar?

**AHLI KAWASAN DATUK KERA-
MAT (DATUK TEH EWE LIM):**

Itu saya tidak berapa pasti.

**(VII) Ahli Kawasan Paya Terubong
(Encik Chin Nyok Soo) bertanya
kepada Ketua Menteri:—**

Tuan Speaker, soalan 1(a) dan (b).

1. (a) Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan samada Kerajaan bercadang memperuntukkan wang untuk projek hospital Lam Wah Ee yang dicadangkan memandangkan hospital tersebut merupakan satu projek sosial yang akan membantu perkhidmatan perubatan kepada orang ramai di Pulau Pinang.
- (b) Nyatakan samada beliau akan menggunakan pengaruhnya dan meminta Kerajaan Pusat mengecualikan hospital tersebut daripada membayar duti import ke atas bahan-bahan pembinaan yang digunakan untuk membina hospital tersebut serta juga mengecualikan bayaran duti import ke atas alat-alat perubatan yang dibeli oleh hospital tersebut, jika diminta oleh Jawatankuasa Projek Hospital Lam Wah Ee.
- (1. (a) Can the Hon'ble the Chief Minister state whether the State Government intends to make financial allocation to the proposed Lam Wah Ee Hospital project in view of the fact that the said project will help improve the provision of medical services to the public in the state?
- (b) State whether he will use his influence to ask the Central Government to exempt from all import duty, materials to be used in the construction of the Hospital and all medical equipments for the proposed Lam Wah Ee Hospital project, if approached by the Lam Wah Ee Hospital Committee.)

**AHLI KAWASAN BAGAN AJAM
(TUAN HAJI IBRAHIM BIN AB-
DUL RAZAK):**

Datuk Speaker, saya menjawab soalan daripada Y.B. Ahli Kawasan Paya Terubong.

Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menyumbangkan peruntukan wang terhadap projek Hospital Lam Wah Ee yang dicadangkan itu. Perkara berkenaan perkhidmatan kesihatan adalah diuruskan oleh Pihak Kementerian Kesihatan Persekutuan.

Dan bagi soalan (b), pengecualian

duti import kepada bahan-bahan pembinaan dan juga lain-lain adalah di dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan permohonan kepada pihak berkenaan bolehlah dibuat oleh Penganjur Hospital Lam Wah Ee.

**AHLI KAWASAN PAYA TERU-
BONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):**

Tuan Speaker, soalan tambahan: Apa fasal Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak boleh memberi wang itu kepada Hospital Lam Wah Ee fasal Ketua Menteri ada *attend the foundation stone ceremony*. Kalau Federal *matter*, di dalam City Council pun ada *health clini*. Lam Wah Ee Hospital ini menolong semua orang. Fasal apa tidak boleh beri? Kalau kata ini Federal *matter*.. (gangguan).

TUAN SPEAKER:

Ini sudah jadi satu syarahan.

**AHLI KAWASAN SUNGAI NI-
BONG (DR. TAN CHONG TEIK):**

Tuan Speaker, kalau dibenarkan saya, saya bagi jawapan soalan tambahan.

**AHLI KAWASAN PAYA TERU-
BONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):**

Tidak. Please duduk, saya belum habis lagi soalan saya, fasal City Council juga ada satu *department* iaitu City Clinic. Kalau cakap ini Federal *matter*, clinic City Council lagi ada Ketua Menteri beri wang gaji, kira *donation* Lam Wah Ee. Ada satu bulan gaji *donation*. Fasal apa kita orang tidak boleh tolong Ketua Menteri kita?

**AHLI KAWASAN BAGAN AJAM
(TUAN HAJI IBRAHIM BIN
ABDUL RAZAK):**

Tuan Speaker, jawapan tambahan: Kerajaan Negeri tidak mahu menyumbangkan wang dalam perkara ini. Kalau orang lain sebagai Ketua Menteri hendak memberi sumbangan, itu terpulanglah kepada individu masing-masing, tetapi Kerajaan tidak bercadang.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Pihak Kerajaan tidak bercadang oleh kerana apa? Oleh kerana itu jadi perkara Federal atau sebab-sebab lain? Bolehkah saya tahu dasar Kerajaan dalam perkara ini?

AHLI KAWASAN BAGAN AJAM (TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDUL RAZAK):

Kalau kita kaji, ini adalah di luar daripada soalan biasa.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Ini ada berkaitan dengan jawapan yang diberikan oleh Ahli Kawasan Bagan Ajam. Bolehkah saya tahu penjelasan apa yang menjadi dasar Pulau Pinang? Apa sebab tidak diberi bantuan wang untuk projek ini? Ini projek baik untuk Negeri ini.

AHLI KAWASAN BAGAN AJAM (TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDUL RAZAK):

Untuk menjawab soalan dari Bukit Glugor, itu soalan dasar adalah soalan lain.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Ini perkara maha penting dalam Negeri ini. Ini bukan projek kecil tetapi projek besar. Orang-orang ramai ada menderma kepada projek ini. Bolehkah kita tahu apa sebab Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak bagi bantuan \$1.00 pun untuk projek ini? Oleh kerana apa? Ada sebab-sebab.

TUAN SPEAKER:

Ahli Yang Berhormat, mengikut keterangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Ajam, setakat hari ini Kerajaan belum bercadang. Jadi maknanya, pada satu masa, mungkin boleh. Fahamannya begitulah. Setakat ini Kerajaan Negeri belum bercadang.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Jikalau belum bercadang, atau belum bertujuan, apa tujuan untuk memberi?

AHLI KAWASAN BAGAN AJAM (TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDUL RAZAK):

Kerajaan tidak bercadang.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tidak bercadang atau akan bercadang?

AHLI KAWASAN BAGAN AJAM (TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDUL RAZAK):

Itu soalan dasar soalan lain tetapi buat masa ini belum lagi.

TUAN SPEAKER:

Dalam jawapan awal tadi Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Ajam telah menyatakan pihak hospital tidak memohonkan bantuan.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, saya rasa ahli yang bertanggungjawab tidak berapa faham soalan itu.

AHLI KAWASAN PENANTI (ENCIK ABDULLAH BIN MOHAMMED):

Cuba kita perhatikan pertanyaan ini, adakah Kerajaan bercadang. Jawapannya telah tepat. Kerajaan belum bercadang. Saya ingat itu telah tepat.

AHLI KAWASAN SUNGAI NIBONG (DR. TAN CHONG TEIK):

Tuan Speaker, tadi saya tidak mendapat peluang untuk menjawab soalan tambahan Ahli Kawasan Paya Terubong. Saya ingat Ahli Kawasan Bagan Ajam telah memberi jawapan bahawa urusan kesihatan dalam Negeri adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan, tetapi tadi Ahli Kawasan Paya Terubong berkata apa sebab City Council ada satu perkhidmatan kesihatan.

**AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):**

Tuan Speaker, untuk peraturan. Ini masa soalan, bukan jam penjelasan daripada *backbenchers*.

AHLI KAWASAN SUNGAI NIBONG (DR. TAN CHONG TEIK):

Saya hendak beri keterangan sahaja. Jikalau Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Paya Terubong telah membaca surat khabar 2 hingga 3 bulan yang lalu, baru beliau boleh tahu perkhidmatan Majlis Perbandaran Pulau Pinang akan diambil alih.

**AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):**

Sekali lagi, Tuan Speaker, ini masa soalan. Kita tanya soalan, Ahli-Ahli Exco. jawab: bukan *backbenchers* Kerajaan bagi *comments*.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, soalan lain. Saya rasa hari ini Ahli-Ahli Exco. tidak mengkaji soalan-soalan ini baik-baik, sebab itu *backbenchers* menolong dengan beliau. Saya rasa lain kali mesti kaji baik-baik baru mari ke sini sebab itu perkara penting.

**AHLI KAWASAN BAGAN AJAM
(TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDUL RAZAK):**

Itu soalan lain. Saya bercakap atas soalan yang dikemukakan oleh Ahli Kawasan Paya Terubong.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Saya mahu tahu sahaja.

TUAN SPEAKER:

Soalan itu telah dijawab oleh Ahli dari Kawasan Bagan Ajam. Sudah habis cerita.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Soalan ke 2.

2. Memandangkan kepada pergaduhan yang berlaku apabila syarikat pemaju perumahan Golden Stella Sdn. Bhd. hendak memulakan pembinaannya di

Thean Teik Estate pada bulan Julai lalu, adakah pihak berkenaan akan membekukan pelan-pelan pemaju tersebut sehingga satu persetujuan dicapai di antara pemaju berkenaan dengan penduduk-penduduk yang terlibat kerana dengan berbuat demikian insiden-insiden yang malang boleh dielakkan?

- (2. In view of the fact that violence had occurred when the Developer Golden Stella Sdn. Bhd. started to commence work in July at Thean Teik Estate, will the authorities concerned freeze the plans of the above developer until the developer and the affected residents of Thean Teik Estate have come to a settlement so as to prevent any unfortunate incidents taking place?)

AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, oleh kerana pelan bangunan bagi memajukan tanah di Estet Thean Teik telah diluluskan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang tidak boleh menahan permulaan kerja kalau segala keperluan mengikut Ordinan Perbandaran dan Undang-Undang Kecil Bangunan telah dipatuhi.

**AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):**

Tuan Speaker, soalan tambahan: Jikalau Kerajaan tidak boleh *interfere*, tetapi dahulu macam Chung Shan School, Kerajaan ada *interfere*. Plan sudah *pass*, kerja sudah buat, tapi boleh berhenti. Kerana apa sekali ini bila *violence* boleh jadi, Kerajaan tidak boleh *interfere* dan tidak boleh campurtangan kerana pelan sudah lulus. Jikalau begitu, tiap-tiap perkara dalam negeri ini kalau pelan telah lulus Kerajaan tidak boleh stop or *interfere*.

AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Tuan Speaker, saya harap Ahli Kawasan Ayer Itam balik buat kerja baik-baik. Bila Chung Shan School Kerajaan ada campurtangan?

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Saya ingat Ahli Kawasan Datuk Keramat saya tidak boleh *be satisfied* dengan jawapan fasal perkara Thean Teik Estate satu perkara yang besar. Ketua Menteri ada berkata dalam Barisan Nasional dia boleh menjaga Negeri ini boleh selamat, tapi di sana ada orang gaduh-gaduh.

TUAN SPEAKER:

Apa soalan tambahan?

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Soalan tambahan adalah mahu *interfere* perkara Thean Teik Estate sebab pada 3hb Julai orang ada berlawan bersama kontraktor dan penduduk dalam Thean Teik Estate. Kalau kita tidak *interfere* lain kali ada *violence*, siapa mahu bertanggungjawab?

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, saya bukan hendak bangkit menjawab untuk menolong rakan-rakan saya, tetapi dalam soalan tambahan daripada Ahli Kawasan Paya Terubong, kuatkuasa saya dibawa masuk. Jawapan saya yang untuk keterangan ialah, keputusan telah dibuat oleh Kerajaan Negeri yang mana Kerajaan Negeri selalu mengkaji dan menjaga dengan keselamatan dan keamanan Negeri. Keputusan telah dibuat oleh kita dan perkara ini perkara swasta yang melalui Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan sebablah keputusan yang dibuat oleh Majlis, perkara ini sesungguhnya perkara yang ditanggungjawab oleh Majlis. Sebab kehormatan kepada Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat telah membawa perkara yang tersebut di dalam Dewan ini, tetapi masalah keamanan saya ingat yang terus merujuk kepada keputusan yang telah dibuat oleh Kerajaan iaitu Kerajaan telah menjaga dengan keamanan dan keselamatan tempat itu sebab keputusan yang dibuat telah memberhentikan apa-apa pergaduhan yang berlaku dalam tempat itu.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Tuan Speaker, soalan ke 3.

3. Nyatakan:

- (a) Berapakah jumlah wang yang diperuntukkan untuk pembinaan Mesjid Negeri?
- (b) Adakah rancangan-rancangan yang dirangka untuk menyelesaikan masalah-masalah kesesakan lalu lintas yang akan timbul di sepanjang Jalan Ayer Itam, Jalan Scotland dan simpang Green Lane akibat pembinaan Mesjid Negeri itu?
- (3. State:—
- (a) What is the financial allocation for the construction of the state mosque?
- (b) What plans have been made to solve the traffic problem that will arise along the Ayer Itam Road, Scotland Road and Green Lane junction due to the above project?)

AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, Kerajaan Negeri telah menyumbangkan wang sebanyak \$1.5 juta untuk projek Mesjid Negeri.

Pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang sedang mengambil tindakan menukarkan bulatan dipersimpangan jalan-jalan yang disebutkan itu kepada sistem lampu isyarat bagi mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas yang akan berlaku.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Apa fasal orang itu buat lampu trafik kira kontraknya 3 bulan sahaja, tapi sekarang 5-6 bulan tidak siap? Apa fasal? Kita mahu tahu.

AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, itu soalan lain.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Bukan. Itu fasal, Ahli Exco. dari Datuk Keramat ada cakapkan *how to solve the traffic problem* kepada soalan (b) saya. Dia cakap ada mahu *solve problem*. Saya mahu tahu sebab apa dia ada buat kerja ini tetapi dia

delay. Kontrak 3 bulan, sekarang 5-6 bulan belum siap. Kita mahu tahu.

TUAN SPEAKER:

Itu soalan lain.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Tuan Speaker, soalan ke 4.

4. (a) Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan samada beliau sedar kerja pembinaan jambatan dari bandar Ayer Itam ke Paya Terubong yang sepatutnya disiapkan dalam tempoh lapan bulan seperti disyaratkan dalam kontrak tetapi tiba-tiba terhenti sejak dua bulan ini dan telah mengakibatkan kesulitan kepada orang ramai.
- (b) Nyatakan sebab-sebab mengapa kerja pembinaan dihentikan? Bilakah kerja pembinaan jambatan tersebut akan disambung dan dijangka akan siap?
- (4. (a) Is the Hon'ble the Chief Minister aware that the construction of the bridge from Ayer Itam Bandar to Paya Terubong which is to be completed within 8 months has stopped for the last 2 months and that the delay in completion of the above project is causing great inconvenience to the public.
- (b) State the reason why the work of the above project was stopped and when the project is now expected to be completed)

AHLI KAWASAN TELUK BAHANG (ENCIK MOHAMAD @ AHMAD RADHI BIN PACHEE):

Datuk Speaker, jawapannya ialah ya. Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa kerja-kerja pembinaan untuk meluaskan Jambatan No. 1 di Jalan Paya Terubong telah dihentikan buat sementara oleh pemborong oleh kerana kerja cerucuk tidak dapat dijalankan akibat terdapatnya perkhidmatan-perkhidmatan yang sedia ada, umpamanya kabel-kabel Telekom, saluran paip air Pihak Berkuasa Air dan kabel-kabel Lembaga Letrik Negara. Pada masa sekarang, kabel-kabel LLN dan saluran paip air PBA telah pun dipindah manakala tindakan sedang dijalankan untuk menemipatkan semula kabel-kabel Telekom. Untuk kemudahan orang awam, perjalanan lalulintas kenderaan yang

bebas melalui tapak jambatan itu telah diselenggarakan oleh yang berkenaan.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Kalau Ahli Exco (gangguan)

AHLI KAWASAN TELUK BAHANG (ENCIK MOHAMAD @ AHMAD RADHI BIN PACHEE):

Datuk Speaker, saya minta soalan, bukan syarahan ataupun ucapan ataupun *statement*.

TUAN SPEAKER:

Apakah soalannya?

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Jawapan soalan ke 4 saya mahu *comment*. Jambatan di Ayer Itam adalah satu jalan yang orang-orang mahu pakai, tetapi jikalau LLN dan Talikom mahu taruh kabel, mereka *delay job* itu. Kita mesti ingat apa *work preference*, tetapi kalau orang kacau, sana *delay*, orang keriau di sana. Ini kira sistem tidak baik.

AHLI KAWASAN TELUK BAHANG (ENCIK MOHAMAD @ AHMAD RADHI BIN PACHEE):

Datuk Speaker, saya agak pening kepala sedikit untuk memahami soalan itu. Walau bagaimanapun, setelah saya fikir dan perah segala tenaga dan kemampuan saya untuk memahami soalan itu, tahulah saya yang Yang Berhormat dari Paya Terubong telah memberi ucapan syarahan apakah ertinya lalulintas dan saya ucapkan terima kasih di atas syarahan itu dan mungkin Kerajaan sedar kalau kawasan itu untuk lalulintas maka kerana itu perlu dijadikan kawasan lalulintas dan Pihak Kerajaan mengambil perhatian akan perkara itu. Terima kasih.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Tuan Speaker, soalan ke 5.

5. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar jambatan yang ada di Kampong Hijau adalah tidak rata dengan jalan yang ada dan ini mendatangkan bahaya kepada penduduk-penduduk yang menggunakan jambatan tersebut. Adakah pihak Majlis Perbandaran mempunyai apa-apa rancangan untuk membaiki keadaan tersebut? Adakah pihak Majlis Perbandaran akan menimbang untuk menggantikan jambatan tersebut dengan sebuah jambatan konkrit?
- (5. Is the Hon'ble the Chief Minister aware that the level of the bridge at Kampong Hijau is lower than the road adjoining to it and is therefore a hazard to the public? Has the Municipal Council any plan to rectify it and in doing so whether the Council will consider replacing the present wooden bridge by a concrete structure?)

AHLI KAWASAN DATUK KERA-MAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, jambatan itu adalah lebih rendah dari jalan disebabkan oleh keadaan tanah. Pada masa pembinaan adalah dianggap tidak praktik untuk meninggikan paras tanah.

Tindakan yang perlu telah diambil untuk membaiki lantai papan dan jambatan itu adalah dalam keadaan yang baik. Oleh yang demikian Majlis Perbandaran Pulau Pinang tidak mempunyai cadangan untuk menggantikan jambatan kayu itu.

AHLI KAWASAN PAYA TERU-BONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Jambatan di Kampong Hijau ada satu sahaja *main entrance* di Kampong Hijau. Selalu City Council Engineering Department ada pergi *repair*, tetapi kalau kita boleh buat jambatan konkrit ini *once and for all settle everything*. Penduduk-penduduk di Kampong Hijau ada 3,000 hingga 4,000. Orang-orang itu juga ada kasi *assessment* mereka. City Council juga mendapat *assessment* dari mereka. Apa fasal kita mahu buat jambatan bagus kasi orang jalan-jalan boleh selamat? Apa fasal kita mahu tahu.

AHLI KAWASAN DATUK KERA-MAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, saya ingat itu ingatan Ahli Yang Berhormat Kawasan Paya Terubong sendiri sahaja. Saya ingat jurutera dalam Majlis Perbandaran memang ada ambil pertimbangan.

AHLI KAWASAN PAYA TERU-BONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Tuan Speaker, soalan ke 6.

6. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan samada beliau sedar penduduk-penduduk di Ayer Itam, Kampong Melayu dan di kawasan Rumah Pangsa Padang Tembak (Rifle Range Flats) mengadu tentang kekurangan bas Majlis Perbandaran yang berkhidmat dari:
 - (a) jeti menuju ke kawasan Rumah Pangsa Padang Tembak dan Ayer Itam.
 - (b) jeti menuju ke Kampong Melayu, dan samada pihak Majlis Perbandaran akan menambah bilangan bas yang menggunakan jalan-jalan tersebut khasnya semasa "peak hours".
- (6. Can the Hon'ble the Chief Minister state whether he is aware that the residents of Ayer Itam, Kampong Melayu and Rifle Range Flats have been complaining that insufficient Municipal buses are plying along:
 - (a) The Jetty, Rifle Range flats and Ayer Itam route.
 - (b) The Jetty to Kampong Melayu route, and whether the Municipal Council will increase the number of buses plying along the above said routes especially during the peak hours.)

AHLI KAWASAN DATUK KERA-MAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, perkhidmatan bas Majlis sememangnya dikendalikan dengan diperuntukkan lebih banyak bas pada masa-masa kesibukan dan mengurangkan bilangan bas pada masa-masa yang tidak begitu sibuk. Kedudukannya adalah seperti yang ditunjukkan di bawah, bagi dua perjalanan yang dipersoalkan.

	Kekerapan Masa Tidak Masa Sibuk Kesibukan	
(i) Jalan Ayer Itam	5 minit	10 minit
(ii) Kampong Melayu	8 minit	14 minit
(iii) Kampong Melayu/		

Ayer Itam ber-
sama memberi
perkhidmatan ke-
pada rumah pang-
sa di Jalan Padang
Tembak

4 minit

8 minit

Walaupun demikian, jabatan ini telah memesan 6 buah bas standee yang akan dijalankan sebelum hujung tahun ini. Tiga daripada bas-bas baru ini adalah dicadangkan untuk menambahkan perkhidmatan di kedua-dua perjalanan ini, iaitu sebuah ke Kampong Melayu dan dua buah ke Ayer Itam untuk memperbaiki selanjutnya perkhidmatan-perkhidmatan, lebih-lebih lagi pada masa-masa kesibukan.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Soalan tambahan, Tuan Speaker: Saya ingat, Ahli Exco dari Datuk Keramat, saya tidak *satisfied* sebab saya ingat jawapan dia kira *hearsay* sahaja daripada *department* dia.

TUAN SPEAKER:

Ahli Yang Berhormat, sila gunakan bahasa yang baik. Jangan menggunakan dia-dia sahaja.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Baiklah. Beliau. (ketawa).

Ahli Yang Berhormat cakap ada 4 minit, 6 minit atau 14 minit satu *trip*. Saya cakap itu bohonglah fasal saya pun ada pergi ke *bus station check* dahulu bas dari Kawasan Ayer Itam sampai *jetty* kira-kira (gangguan).

TUAN SPEAKER:

Soalan tambahannya apa?

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Soalan tambahan fasal saya *not satisfied*. Saya mahu bagi *service* yang baik. Mesti jaga baik-baik.

TUAN SPEAKER:

Ada 16 biji bas.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Betul ada 16, tetapi bas selalu rosak. Orang-orang di sana mahu tunggu setengah jam pun ada. Saya ada pergi ke sana tunggu. *Maybe* Ahli dari Datuk Keramat dia tidak pergi sana, jadi dia tidak tahu. Dia duduk dalam *office air-con*, dia mana tahu. Tapi kita tahu. Kita mahu *city transport company* itu bagi *service* yang baik. Kalau ada bas rosak mesti *repair* baik-baik, jangan orang menjadi susah.

Soalan ke 7.

7. Bolehkah Y.A.B Ketua Menteri nyatakan samada beliau sedar penduduk-penduduk Kampong Hijau sedang menghadapi masaalah bekalan air yang tidak mencukupi kerana tekanan air paip yang menuju ke kampung tersebut adalah tidak kuat? Jika ya, nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Pihak Berkuasa Air untuk mengatasi masaalah tersebut?
- (7. Can the Hon'ble the Chief Minister state whether he is aware that due to the insufficient water pressure in the main pipe leading to Kampong Hijau, the residents are not getting enough water through their pipes? If so, what measures are being taken by the Penang Water Authority to rectify the above situation?)

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang sedar akan masaalah ini dan telah mengambil tindakan untuk memasang sebatang paip tambahan yang berukuran diameter 12 inci ke kawasan Green Lane. Kedudukan pembekalan sedang diawasi dan pengubahsuaian akan dibuat kepada sistem yang ada sekarang.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Soalan ke 8.

8. Nyatakan mengapa rumah-rumah di Taman Oriental (di lot nombor; 110, 133 dan 135 Mk. 14 N.E.D. Paya Terubong) dibenarkan dibina dan sijil kesesuaian dikeluarkan sungguhpun hydrant air masih belum lagi dibina di taman tersebut; samada pihak berkuasa akan mengambil langkah-langkah untuk membina hydrant di taman tersebut dan jika ya, bila ianya akan dibina?

- (8. State why houses at Oriental Garden (sited on Lot Nos. 110, 133 & 135, Mk. 14 N.E.D. Paya Terubong) were allowed to be built and O.C. issued without any water hydrant being installed. Will the Authorities concerned instal water hydrants at the above area? If so, when?)

AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, rancangan perumahan di atas lot-lot 110, 133 dan 135, Mk. 14, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang, telah diluluskan dan sijil penghunian dikeluarkan pada tahun 1972. Pada masa itu, Jabatan Bomba tidak mempunyai peraturan yang memerlukan pemaju-pemaju menyediakan pili-pili bomba dalam estet perumahan.

Jabatan Bomba adalah bertanggungjawab untuk menyediakan pili-pili bomba dalam estet-estet perumahan yang sedia ada dan Jabatan tersebut akan mengambil langkah untuk mengadakan pili-pili bomba secukupnya di kawasan-kawasan yang belum didirikan apabila peruntukannya diperolehi.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Soalan ke 9.

9. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan samada beliau sedar Persatuan Hokkien Kongsi baru-baru ini menggunakan tanah pada jarak 10 kaki dengan rumah-rumah di Jalan Buah Limau, Paya Terubong, untuk tujuan pengkebumian dan ini menjejaskan kesihatan penduduk-penduduk kawasan tersebut; jika ya, adakah Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah untuk menghentikan amalan yang dilakukan oleh Persatuan Hokkien Kongsi?

- (9. Can the Hon'ble the Chief Minister state whether he is aware that the Hokkien Kongsi Cemetery has recently been using land within 10 feet of existing houses at Jalan Buah Limau at Paya Terubong for burial purposes which affects the health of the residents. If so, will the State Government take necessary steps to stop this recent practice of the Hokkien Kongsi Cemetery?)

AHLI KAWASAN DATUK KERAMAT (DATUK TEH EWE LIM):

Datuk Speaker, jawapan saya ialah ya, ada 9 kubur yang agak hampir dengan bangunan rumah yang ada sekarang, iaitu sejauh 11 kaki dari dinding belakang rumah dengan kubur yang disebutkan. Sebenarnya, mengikut pelan rumah yang diluluskan, jarak rumah yang ada sekarang dengan kubur adalah 25 kaki, akan tetapi tuan rumah telah membina bangunan tambahan sehingga ke sempadan tanah, yang menjadikan jarak di antara dinding belakang rumah dengan kubur hanya 11 kaki. Tanah kubur yang ada sekarang telahpun digunakan sejak berpuluh-puluh tahun dahulu manakala bangunan-bangunan rumah kediaman baru sahaja didirikan. Jabatan Kesihatan Majlis Perbandaran Pulau Pinang mengeluarkan *permit* untuk pengkebumian, telah mengambil perhitungan dari segi kesihatan dan lain-lain. Oleh yang demikian, perkara mengenai kesihatan tidak sepatutnya timbul.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Soalan ke 10.

10. Memandangkan kepada Perkara 152 (1)(b) Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi:

"(b) nothing in this Clause shall prejudice the right of the Federal Government or of any State Government to preserve and sustain the use and study of the language of any other community in the Federal"

Adakah Kerajaan Negeri akan memberi sebarang bantuan kewangan untuk membina Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Hun Meng di Tanjong Bungah kerana sekolah tersebut akan dapat membantu, memelihara dan mengekalkan kegunaan pengajian bahasa sebuah masyarakat yang besar di negara ini?

- (10. In view of the fact that Article 152 (1)(b) of the Federal Constitution which reads:—

"(b) nothing in this Clause shall prejudice the right of the Federal Government or of any State Government to preserve and sustain the use and study of the language of any other community in the Federation."

Will the State Government give any financial aid to build the Hun Meng (National Type) Primary Chinese School at Tanjong Bungah as this school will help preserve and sustain the use and study of the language of a major community in the country?)

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri tidak memberi sebarang sumbangan kepada bidang pembinaan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Hun Meng di Tanjong Bungah kerana hal ehwal perhubungan dengan pembinaan bangunan sekolah-sekolah adalah dalam bidangkuasa Kementerian Pelajaran Persekutuan.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Soalan tambahan, Tuan Speaker: Mengikut Article 152 (1)(b), Kerajaan Negeri Pulau Pinang ada satu hak — bukan budibicara tetapi ada hak — untuk memberi bantuan wang kepada sekolah-sekolah dalam Negeri ini. Bolehkah saya tahu oleh kerana apa Kerajaan Negeri — kalau saya boleh pakai perkataan Inggeris, Tuan Speaker — *exercise the right* yang ada dalam Article ini? Bukan budibicara tapi hak. Oleh kerana apa? Boleh saya tahu?

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, soalan tambahan daripada Ahli Kawasan Bukit Glugor tidak bersangkut dengan jawapan saya, tetapi oleh sebab soalan beliau adalah mengulang balik apa yang dalam soalan pertama dan menunjukkan tujuan-tujuan Parti DAP, saya nintalah Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor mengkaji semula apa yang saya telah jawab kepada soalan yang berbangkit. Dalam Perlembagaan 152 (1)(b) Persekutuan, saya baca lagi soalan daripada Y.B. Ahli Kawasan Paya Terubong:

“(b) nothing in this Clause shall prejudice the right of the Federal Government or of any State Government to preserve and sustain the use and study of the language of any other community in the Federal.”

Ini telah menjadi satu soalan yang mana beliau telah bertanya adakah Kerajaan akan memberi sebarang bantuan kewangan untuk membina sekolah itu. Sebab itu jawapan saya telah tetap dan soalan yang berbangkit daripada Ahli Kawasan Bukit Glugor jauh dari soalan pertama, tetapi saya ambil peluang di sini memberi keterangan. Adalah tanggungjawab Kementerian Kerajaan Persekutuan membina sekolah dan apa yang Kerajaan Negeri boleh menjalankan ialah jika sekolah itu meminta sumbangan bagi sekolah itu, itulah kuatkuasa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri boleh ambil pertimbangan dalam perkara ini. Bila sekolah ini telah menjalankan satu rancangan yang mana mereka telah mengutip wang secara gotong royong, mereka boleh meminta kelulusan Kerajaan Negeri memberi wang itu dan Kerajaan Negeri, oleh sebab ini termasuk dalam tanggungjawab Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri bolehlah meluluskan permohonan tersebut dan serupa juga jika murid-murid sekolah itu meminta biasiswa kecil yang mana mereka meminta sumbangan dan sokongan atau bantuan daripada Kerajaan Negeri. Begitu juga jikalau murid-murid di sekolah itu meminta sumbangan berupa buku-buku teks daripada Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri ada kuasa campurtangan. Dan lagi satu perkara yang selalu berbangkit di sini saya harap Yang Berhormat Ahli di depan saya janganlah gagal apa Kerajaan Negeri atau Kerajaan Tempatan. Kerajaan Tempatan selalu ada kuatkuasa menolong dengan sekolah bila sekolah-sekolah itu meminta tolong sebagai sekolah yang menolong dengan rakyat dan mengurangkan hasil-hasil rumah. Itupun telah diluluskan dan bila sekolah-sekolah meminta sumbangan daripada Pihak Berkuasa Air mengurangkan ongkos air, itupun dijalankan. Sebab itu mana boleh mengikut Perlembagaan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa

yang di dalam Kerajaan Negeri bolehlah menolong dengan sekolah-sekolah yang berkenaan mengikut Perlembagaan, Kerajaan Negeri telah memberi sokongan yang penuh. Tetapi balik kepada masalaah pembinaan bangunan, inilah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):

Soalan tambahan, Tuan Speaker: Dengan izin, Tuan Speaker, saya kena repeat Clause 152 (1)(b) ini:

"nothing in this Clause shall prejudice the right of the Federal Government or of any State Government to preserve and sustain the use and study of the language of any other community in the Federal."

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Pulau Pinang ada hak *to help, preserve and sustain*. Apa macamkah sebuah Kerajaan Negeri mahu *exercise "right to preserve and sustain the use and study of the language"*. Mengikut Ketua Menteri *quit rent* boleh dikurangkan. Lam Wah Ee Hospital belum tentu Kerajaan boleh memberi wang.

KETUA MENTERI:

Panjang, Tuan Speaker, tapi tidak sampai soalan.

AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):

Saya mesti *comment* dahulu.

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, di sini bukan *comment*.

TUAN SPEAKER:

Teruskan apakah soalan tambahan?

AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):

Kerana itu, *to sustain* mesti ada *right to give State funds for buildings*, bukan kata perkara Federal kita tidak ada *right*. State ada *right to use public funds* kerana *especially to preserve the Constitution* sebab language ialah satu major matter.

AHLI KAWASAN BERTAM (ENCIK ABDUL RAHMAN BIN HAJI ABBAS):

Saya ingin menarik perhatian Ahli Kawasan Ayer Itam, ini waktu soalan, tetapi bukan waktu *comment*. Saya harap Ahli Yang Berhormat pertahankan peraturan itu.

AHLI KAWASAN KAMPONG KOLAM (ENCIK OOI EAN KWONG):

Tuan Speaker, jikalau Ketua Menteri boleh *comment*, kita pun boleh jawab balik, sebab beliau *comment* dahulu.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, jikalau saya boleh memberi sedikit pandangan. Apa yang saya tengok di depan saya (gangguan).

KETUA MENTERI:

Soalan tambahan.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH)

Duduk, saya tidak beri jalan. Saya hanya memberi pandangan atas apa yang baru-baru Y.A.B. Ketua Menteri telah berbangkit sebab tadi Ahli Kawasan Bertam ada memberi pandangan beliau.

TUAN SPEAKER:

Soalan telah diberi jawapan.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Itu betul. Saya mahu diberi satu peluang.

TUAN SPEAKER:

Apa soalan tambahan?

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Soalan tambahan saya begini, Tuan Speaker. Saya ulang balik apa yang Y.A.B. Ketua Menteri baru-baru ini kata. Saya baca lagi sekali dalam bahasa Inggeris. Saya minta izin.

AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, soalan tambahan saya, saya tidak dapat jawapan lagi. Kami meminta, satu-satu mereka *interfere*.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Bolehkah saya tahu soalan rakan saya dari Ayer Itam sudahkah Y.A.B. Ketua Menteri jawab? Pada fikiran saya belum dijawab lagi. Tuan Speaker cakap dia sudah jawab. Belum dapat jawapan daripada Y.A.B. Ketua Menteri. Bolehkah saya tahu sudah jawab ataupun belum? Jikalau tidak, saya boleh memberi peluang, jikalau sudah bolehkah ulang balik jawapan ini? (ketawa).

AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, "*the right to preserve and sustain*" mesti *involve the right to use State funds*. Interpretation ini Ketua Menteri *accept* atau tidak? Jikalau Kerajaan Negeri ada "*right to preserve and sustain*" sesuatu perkara, mesti ada *right to involve* atau pakai State funds tolong *preserve and sustain* perkara itu. Interpretation itu betul atau tidak?

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, sebablah Ahli Yang Berhormat daripada Kawasan Ayer Itam telah menerangkan soalan beliau, saya ingat soalan serupa dibangkitkan dengan terusnya dan kita boleh timbangkan perkara ini. Mengikut kuasa yang saya diberikan, saya mesti merujuk kepada Peguam Negeri dan beliau mesti merujuk kepada Peguam Negara. Apa yang saya sendiri faham, itu perkara lain. Apa yang kita faham ialah jika kita baca Perlembagaan ini, bukan sahaja mengikut Article 152 (1)(b) sahaja tetapi keseluruhannya, sebab di dalam Perlembagaan kita tunjukkan masaalah belanjawan dan masaalah pelajaran telah ditentukan dalam Per-

lembagaan dan sebab masaalah untuk membina dan dasar sekolah-sekolah adalah dipegang oleh Kementerian Pelajaran Persekutuan Pusat, saya fikir saya telah menjawab masa sekarang perkara dan masaalah untuk bantuan kepada sekolah-sekolah adalah masaalah dan tanggungjawab Kementerian.

TUAN SPEAKER:

Sudah jelas, Ahli Yang Berhormat. Saya ingat jawapan daripada Yang Amat Berhormat telah jelas.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Bolehkah saya cakap sedikit?

TUAN SPEAKER:

Ini sudah menjadi urusan Federal. Bawalah dan bincangkanlah dalam Parlimen.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, minta maaf. Ini bukan perkara Federal. Jika kita baca apa yang terkandung dalam Article 152(1)(b), ini bukan menjadi satu Federal *matter* juga. Saya baca: shall not "prejudice the right of the Federal Government or of any State Government."

"..... of any State Government", Tuan Speaker, ini sudah menjadi Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Jikalau kita pakai apa yang ada di sini ini bukan Federal *matter* tetapi kedua-duanya.

TUAN SPEAKER:

Untuk membina sekolah adakah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri?

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Ya, jikalau kita gunakan apa yang ada dalam Article ini. Pada fikiran saya, Tuan Speaker, apa Y.A.B. Ketua Menteri cakap baru-baru ini adalah mendukacitakan.

TUAN SPEAKER:

Adakah Kerajaan Negeri ada sebarang bantuan?

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tidak, tetapi ada kuasa mengikut apa yang ada di dalam sini.

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Itu soalan lain.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Jikalau semua soalan lain, Tuan Speaker, ini bukan soalan lain. Kami di sebelah sini tidak puas hati oleh kerana apa Y.A.B. Ketua Menteri baru-baru ini cakap tidak jelas. Oleh kerana itu, Tuan Speaker, bolehkah barangkali Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang memberi nasihat beliau atas perkara ini? *Interpretation of 152(l)(b).*

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, saya telah menjawab mengikut kuatkuasa yang saya pegang sebagai Ketua Menteri. Soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Kawasan Ayer Itam mestilah dipertimbangkan oleh Penasihat Undang-Undang Negeri. Barangkali beliau pun mesti merujuk kepada Peguam Negara, tetapi sebagai seorang yang ada ambil tindakan dalam masa Perlembagaan yang kita telah buat yang bukan sahaja ahli-ahli yang baru yang langsung telah lupa sejarah Negeri kita masa Merdeka dan masa sekarang, apa yang saya tahu dan saya faham, prinsip 152(l)(b) dalam Perlembagaan mengikut Constitution kita telah memberi peluang di mana kuatkuasa rakyat telah diambil status dalam Perlembagaan di mana Persekutuan atau Negeri sungguh tidak boleh tahan dengan kuatkuasa rakyat. Itulah *interpretation* yang saya tahu dan saya faham, tetapi sebab masalah ini ialah masalah yang saya bukan Peguam dan banyak ahli-ahli di sini yang peguam tetapi nampak saya ada bau politik. Peguam dalam Constitutional Law itu telah lupa dan baik kita rujuk

perkara ini kepada Penasihat Undang-Undang.

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Tuan Speaker, soalan tambahan: Saya mahu *comment*.

TUAN SPEAKER:

Tidak payah *comment*. Yang Amat Berhormat telah mengatakan lebih baik kita rujukkan perkara ini.

AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, saya percaya Ketua Menteri silap faham *question* kita. *Question* bukan *education* perkara Federal atau State. Itu bukan soalnya. Soalan yang tadi ialah ada kuasa beri bantuan. Ini bukan bantuan kerana atau perkara *education policy* atau apa, *which is the preservation of the Federal Government*, tetapi ini sekolah *primary* Cina dan sekolah ini mesti ada gunakan bahasa Cina. Jikalau Kerajaan Pulau Pinang tolong membina sekolah ini, boleh tolong "*preserve and sustain the use and study of the language*". Itulah *issue*, bukan *whether education is a State or Federal matter*. Kita bukan cakap perkara itu. "*To help to preserve*", "*to help to sustain*".

TUAN SPEAKER:

Yang Amat Berhormat telah menyatakan kita boleh memberi bantuan dari segi kemudahan.

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, saya telah menjawab kepada Yang Berhormat daripada Kawasan Ayer Itam dan beliau, nampak saya, tidak faham apa yang saya telah katakan. Berkaitan dengan masalah membina sekolah, ini ialah perkara tanggungjawab Kementerian Pelajaran Persekutuan dan Kerajaan pun ada kuatkuasa menolong sekolah-sekolah sejenis ini. Mengikut beberapa perkara yang saya telah sebutkan tadi, ini menunjukkan Kerajaan Negeri dan Keraja-

an Persekutuan mengikut Perlembagaan 152 (1)(b) menolong dengan sekolah-sekolah jenis ini. Apa yang saya dapat tahu, bila sekolah ini keluar untuk mendapat bantuan, Ahli dari Kawasan Tanjung Bungah pun telah memainkan peranan yang penting dan besar dan saya dapat tahu mengeluarkan lebih - kurang \$500,000.00 wang untuk menolong sekolah itu dan Kerajaan Negeri tidak menahan beliau sebab beliau adalah ahli dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan. Ini menunjukkan macaman luas kuatkuasa rakyat kita yang mana mereka boleh menolong sekolah-sekolah seperti itu, bukan sahaja orang yang teriak-teriak tetapi tidak buat apa-apa dan teriak dengan membawa kepala angin. Apa yang terjadi di sini menunjukkan tidak faham apa sebenarnya Perlembagaan yang mengikut kuatkuasa saya sebagai Ketua Menteri, soalan yang berbangkit dari Ahli Kawasan Ayer Itam ialah satu soalan yang berat yang mesti mendapat pertimbangan daripada Penasihat Undang-Undang kita, baru boleh mendapat satu jawapan yang rasmi. Tetapi mengikut pengalaman saya, ada satu *clause* dalam Perlembagaan kita yang menjaga dengan kuatkuasa rakyat kita. Ini pun menunjukkan dalam Perlembagaan kita menjaga dengan kebudayaan dan bahasa kaum-kaum yang ada di Negara kita. Tidak perlu bagi ahli-ahli dalam Parti Pembangkang yang mana saya mendapat satu soalan daripada Ahli daripada Kawasan Paya Terubong. Ini bukan soalan beliau dan kita tidak tahu bagaimana ini tertemu, tetapi tidak payah Parti Pembangkang membawa masa Dewan hendak gagal dengan apa yang kita hendak jalankan di sini. Saya mendapat tahu Ahli Kawasan Bukit Glugor dan Ahli Kawasan Ayer Itam ada kuatkuasa dalam Parlimen masa sekarang dan mereka tidak ada bunyi pun di dalam Parlimen di mana perkara ini mesti dipertimbangkan sebab perkara-perkara yang bersang-

kut dengan Perlembagaan Persekutuan adalah berbangkit dalam Parlimen, bukan di sini. Kerajaan Negeri mesti mengikut Perlembagaan kalau hendak mengeluarkan wang.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Saya ingat janganlah Y.A.B. Ketua Menteri menggunakan Dewan ini untuk kuatkuasa beliau. Tuan Speaker, saya ingat sudah cukup..... (gangguan).

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, saya tidak beri peluang sebab bila beliau berdiri saya duduk diam-diam sampai beliau duduk baru saya bangun. Sekarang saya berdiri saya haraplah menunjukkan saya kehormatan.

TUAN SPEAKER:

Teruskan, Yang Amat Berhormat.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Ya, teruskan Yang Amat Berhormat. (ketawa)

KETUA MENTERI:

Bagus. Kalau kita kerjasama, Tuan Speaker, sungguh kita boleh mendapat keputusan. Ini masalah Perlembagaan adalah masalah Parlimen, bukan Dewan Undangan Negeri dan sebab itu, jawapan saya, saya ingat ialah berterusan dan cukup. Jika Ahli Yang Berhormat daripada Kawasan Ayer Itam dan Bukit Glugor tidak puas hati, hati mereka terlampau besar daripada badan mereka. (ketawa).

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, saya bangun untuk meminta izin membawa satu usul.

Tuan Speaker, saya ada memberi notis kepada Tuan Speaker menurut Peraturan 31, Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, boleh kita selesaikan dahulu soalan-soalan bertulis?

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH): KETUA MENTERI:

Ya.

3(B) JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN

Tuan Speaker, jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang dikemukakan adalah dibentangkan di atas Meja Dewan.

JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN

(I) AHLI KAWASAN SUNGAI NIBONG (DR. TAN CHONG TEIK) BERTANYA KEPADA KETUA MENTERI:

1. (a) Dalam berapa peringkatkah pembinaan Jalan Raya Berkembar (Dual Carriage Way) dari Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas ke Green Lane dilancarkan?
(b) Sila beritahu akan tarikh pelaksanaan dan persiapan peringkat-peringkat projek ini masing-masing.
(c) Ada berapa buah 'Overhead Pedestrian Bridges' akan dibina di sepanjang Jalan Raya itu dan di mana tempat 'Bridges' itu akan dibina?
(d) Berapa buah Sistem Lampu Isyarat akan diadakan dan di mana?
2. Apakah sebabnya jalan di Jalan Bukit, Sungai Ara di bawah Rancangan Malaysia Ketiga tidak dibina dan papan nama yang ada di persimpangan jalan di Pekan Sungai Ara telah diturunkan?
3. Apakah sebabnya Kampong Relau dan Kampong Sungai Ara mengalami tekanan air yang lembah?
4. (a) Mengapakah bayaran-bayaran perkhidmatan yang dikenakan pada rumah pangsa dan gerai-gerai di Kompleks membeli belah Bayan Baru begitu tinggi?
(b) Adakah bayaran-bayaran itu akan diturunkan bila lebih rumah pangsa dan gerai-gerai dibina di sana?
(c) Jika ya, bila?

KETUA MENTERI:—

1. (a) Di bawah Peringkat 1 'Penang Island Traffic Dispersal Scheme' terdapat empat 'packages' untuk pembinaan Jalan Raya Berkembar dari Bayan Lepas ke Green Lane.
(b) Bagi Package 1, untuk memperbaiki jalan yang sedia ada dari Bayan Lepas ke Simpang Jalan Relau dan membina 'Interchange' Lapangan Terbang Bayan Lepas, kerja-kerja telah bermula pada 15.8.1979 dan dijadualkan siap pada bulan Oktober 1981.
Bagi Package 2, untuk membina Jalan Kampong Tengah — Bayan Lepas yang baru, tawaran-tawaran adalah dijadual untuk dipelawa pada akhir tahun 1979 dan kerja-kerja akan siap pada tahun 1982.
Bagi Package 3, untuk memperbaiki jalan yang sedia ada dari Simpang Jalan Relau ke Jalan Hijau (Green Lane), tawaran-tawaran akan ditutup pada 12.11.1979 dan kerja-kerja akan siap pada tahun 1982.
Bagi Package 4, untuk membina 'Interchange' Green Lane/Simpang Jalan Jelutong, tawaran-tawaran adalah dijadual untuk dipelawa pada akhir tahun 1979 dan kerja-kerja akan siap pada tahun 1982.
(c) Satu jejambat menyeberang jalan telah dipertimbangkan di Kampong Glugor. Tiga lagi jejambat di kawasan Sekolah Sungai Nibong, Maktab Perguruan Persekutuan dan Simpang Jalan Tembaga/Green Lane sedang dikaji.
(d) Satu simpang berlampu trafik telah dipertimbangkan di Simpang Jalan Mahsuri/Jalan Kampong Jawa dan di tempat-tempat lain jika perlu.

2. Projek jalan luar bandar Jalan Bukit, Sungai Ara tidak dibina dan papan tanda projek tersebut telah diturunkan oleh kerana projek ini telah dibatalkan. Selain daripada itu, JKR sedar bahawa sebuah syarikat pemaju persendirian bercadang untuk membina satu rancangan perumahan di kawasan tersebut. Apabila saja pihak pemaju memulakan rancangan ini jalan tersebut akan dibina oleh pemaju berkenaan mengikut piawai yang dikehendaki oleh JKR.
3. Tekanan air dalam sesalur-sesalur yang berkenaan adalah mencukupi kecuali semasa berlaku pecahan-pecahan paip atau gangguan kepada bekalan letrik bagi pam-pam yang menguatkan tekanan. Pengguna-pengguna adalah dinasihatkan untuk berhubung dengan Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang supaya siasatan-siasatan yang sewajarnya dapat dijalankan.
4. (a) Bayaran perkhidmatan bulanan yang dikenakan kepada penduduk-penduduk dan penghuni-penghuni di "subcentre" adalah seperti berikut: —
 - (i) Penghuni-penghuni peniaga — 10 sen satu kaki persegi
 - (ii) Penghuni-penghuni kediaman —
 - (a) 1 bilik — \$ 8 sebulan
 - (b) 2 bilik — \$16 sebulan
 - (c) 3 bilik — \$20 sebulan

Jumlah bayaran perkhidmatan yang dipungut setiap bulan ialah sebanyak \$2,669.00, tetapi kos menjaga Kompleks tersebut berjumlah \$2,972.85. Sebenarnya bayaran perkhidmatan yang dikenakan kepada penghuni-penghuni dan penduduk-penduduk di situ malah tidak mencukupi untuk membiayai kos bagi memberikan perkhidmatan-perkhidmatan yang diperlukan. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang pada masa ini sedang membantu bagi menambahkan kekurangan berjumlah sebanyak \$303.85 bagi pihak penduduk-penduduk di situ.

- (b) Pada masa sekarang perkhidmatan mencuci dan menjaga kawasan tersebut hanyalah bagi "subcentre" sahaja. Walau bagaimanapun perkhidmatan tersebut akan diperluaskan kepada 4 bangunan 5 tingkat "Point Block" di kawasan yang sama. Adalah diharapkan kos penyelenggaraan dan memperbaiki akan ditanggung oleh penyewa-penyewa sendiri sekiranya terdapat lebih wang ianya akan digunakan untuk penghuni-penghuni di situ.
- (c) Pada masa sekarang Perbadanan ini tidak berkeupayaan untuk mengurangkan bayaran perkhidmatan bulanan yang dikenakan pada penghuni-penghuni di "subcentre". Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang akan terus mengkaji kedudukan daripada masa ke masa dan akan mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi mengurangkan kos tersebut. Faedah-faedah yang dicapai dari pengurangan kos tersebut akan digunakan untuk penghuni-penghuni.

(II) AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH (ENCIK LIANG THAU SANG) BERTANYA KEPADA KETUA MENTERI:

1. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk memusatkan kandang-kandang babi di suatu tempat khas di kawasan Bukit Tengah supaya masalah pencemaran dapat dikurangkan? Jikalau ada, di manakah tempat itu dan bilakah rancangan itu dijalankan?
2. Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk mengadakan perusahaan kecil di Juru, Seberang Perai Tengah untuk memberi kesempatan pekerjaan bagi penduduk-penduduk tempatan? Jika ada, bilakah rancangan itu akan dilaksanakan?
3. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa harga tanah Kerajaan khasnya di perkampungan-perkampungan baru telah meningkat beberapa kali ganda sehingga rakyat yang miskin dan benar-benar memerlukan tanah itu tidak mampu memiliki tanah? Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk mengatasi masalah ini?

KETUA MENTERI

1. Kerajaan Negeri belum lagi mempunyai rancangan untuk memusatkan pemeliharaan babi di suatu tempat khas untuk Kawasan Bukit Tengah. Walau bagaimanapun peninjauan sedang dibuat untuk diambil langkah-langkah tertentu untuk mengatasi pencemaran daripada kawasan-kawasan pemeliharaan babi di Kawasan Bukit Tengah itu. Langkah-langkah yang sesuai akan kemudiannya diambil supaya perusahaan ini dapat dijalankan secara moden dan teratur.

2. Perkembangan perusahaan di Seberang Perai Tengah untuk memberi peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk tempatan telah ditumpu di kawasan-kawasan perusahaan, terutama sekali di Kawasan Perusahaan Perai, Zon Perdagangan Bebas Perai, Zon Perdagangan Bebas Dermaga Perai dan Kawasan Perusahaan Baglan Serai.

Setakat 30hb. Jun 1979, sejumlah 12,942 orang telah mendapati pekerjaan dalam 57 buah kilang di kawasan-kawasan perusahaan yang tersebut.

Sehingga ini Kerajaan tidak mempunyai sesuatu rancangan segera untuk mengadakan perusahaan kecil di kawasan Juru.

3. Ya, harga tanah telah naik dari masa ke masa. Kenaikan harga tanah ini meliputi semua jenis tanah, maka tanah Kerajaan juga turut naik mengikut harga pasaran. Bagi penduduk asal di perkampungan baru, mereka tidak terlibat dengan kenaikan harga, kerana Kerajaan hanya mengenakan perimiam harga tanah atas kadar namaan (\$1.00) sahaja kepada mereka. Harga tanah mengikut harga pasaran di perkampungan baru adalah dikenakan ke atas permohonan orang-orang yang bukan penduduk asal, kerana mereka tidak terlibat dengan kehilangan rumah semasa pemindahan dibuat pada waktu dharurat dahulu. Permohonan-permohonan dari mereka yang bukan penduduk asal wajarlah dikenakan bayaran menurut harga pasaran. Mereka yang benar-benar tidak berkemampuan bolehlah membuat rayuan kepada Kerajaan dan Kerajaan sedia memberi pertimbangan di atas tiap-tiap satu kes mengikut "merit"nya. Di bawah Dasar Ekonomi Baru, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk membasmi kemiskinan rakyat dengan mengadakan beberapa rancangan pembangunan.

(III) *AHLI KAWASAN TASEK GLUGOR [ENCIK MD. NOOR BIN AHMAD] BERTANYA KEPADA KETUA MENTERI:*

1. Adakah Kerajaan Negeri diberi kuasa untuk mengkaji semula kedudukan gaji-gaji yang dibayar kepada pekerja-pekerja kilang di Negeri Pulau Pinang yang sekarang ini dibayar sangat rendah, jika dibandingkan dengan nilai perkhidmatan mereka. Jika diberi kuasa, adakah Kerajaan Negeri akan mengkaji semula gaji-gaji pekerja kilang yang ada di negeri Pulau Pinang mengikut keperluan hidup di negara ini sekarang?
2. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan merancang satu sistem sukatan pelajaran yang sama bagi mata-mata pelajaran Ugama Islam di Sekolah Ugama Rakyat di negeri ini?
3. Sila nyatakan samada Kerajaan Negeri akan memberi sagu hati kepada pegawai-pegawai khariah dan mesjid yang menyamai sagu hati yang dibayar kepada ahli JKKK dan Pegawai JKKK?
4. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa banyak jawatan yang masih kosong terdapat di dalam Majlis Perbandaran Seberang Perai. Bilakah jawatan-jawatan yang masih kosong itu akan dipenuhi?
5. Nyatakan samada bantuan akan diberikan kepada petani-petani di negeri ini yang mengerjakan sawah padi yang mana sawah-sawah mereka telah dirosakkan oleh musuh-musuh tanaman dan/atau ditindas oleh orang-orang tengah.
6. Bilakah geran bagi tanah Syarikat Bank Kerjasama yang telah dibeli oleh orang ramai di Mk. 12, Kampong Kubang Menerong, Tasek Glugor, Lot No. 569 akan siap?
7. Sila nyatakan kepada Dewan ini bilakah pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang akan menguatkuasakan dalam polisinya bahawa projek-projek perumahan yang akan dibina di kawasan-kawasan yang ramai didiami oleh orang-orang Melayu, mestilah diperuntukkan 70% atau lebih kepada Bumiputra dan begitulah sebaliknya?

KETUA MENTERI:

1. Kerajaan Negeri tidak ada kuasa untuk mengkaji semula kedudukan gaji pekerja-pekerja kilang di Negeri Pulau Pinang. Sebaliknya, gaji-gaji adalah bergantung kepada pengaruh faktor-faktor ekonomi di pasaran terbuka.
2. Kerajaan Negeri telahpun mengadakan seorang Pegawai untuk mengelolakan perjalanan sekolah-sekolah Ugama Rakyat dalam Negeri Pulau Pinang dan usaha akan diambil untuk

menjadikan satu sistem sukatan pelajaran yang sama di antara semua sekolah-sekolah Kerajaan.

3. Bayaran saguhati kepada Pegawai-Pegawai Mesjid dan Kariah adalah dibuat oleh Majlis Ugama Islam, Pulau Pinang. Kadar elaun yang dibayar tidaklah boleh disamakan dengan elaun kepada ahli J.K.K.K. kerana peranan dan tugas di antara kedua-dua pihak adalah berlainan.
4. Tindakan sedang diambil oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk mengisikan dengan segera semua jawatan-jawatan yang masih kosong.
5. Kerajaan ada memperuntukkan bantuan kepada petani-petani yang sawah mereka dirosakkan oleh musuh-musuh tanaman. Petani-petani berkenaan adalah diberi bantuan benih sebanyak 4 gantang seekar untuk mereka menanam semula. Selain daripada itu petani-petani boleh juga mendapat bantuan biasa seperti subsidi baja, bantuan racun serangga dan juga sagu hati memusnahkan tikus daripada jabatan Pertanian dan juga Lembaga Pertubuhan Peladang.

Dari segi penindasan orang tengah terhadap petani kedudukannya adalah sentiasa diawasi oleh Lembaga Pertubuhan Peladang.

6. Hakmilik tanah Syarikat Bank Bekerjasama berkenaan hanya boleh diselesaikan setelah syarikat Bank Bekerjasama itu mengemukakan permohonan semula untuk memecah sempadan tanah Lot 569 (74). Ini adalah kerana pelan Tataletak yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Seberang Perai Utara pada tahun 1962 dahulu, dan yang telah dikemukakan bersama-sama dengan permohonan pecah sempadan pada 1968 adalah tidak mengikut kehendak Kanun Tanah Negara, Akta 56, 1965.
7. Selaras dengan Dasar Ekonomi Baru dengan pemilikan sebanyak tiga puluh peratus (30%) bagi masyarakat Bumiputra, maka Perbadanan telah membuat polisi untuk menyimpan sekurang-kurangnya tiga puluh peratus (30%) unit-unit perumahan yang dibina oleh Perbadanan di kedua-dua tempat di Bandar Bayan Baru dan Bandar Seberang Jaya untuk masyarakat Bumiputra. Sehingga ini Perbadanan telah memperuntukkan kepada masyarakat Bumiputra 42.9% atau 1,813 unit-unit daripada 4,223 unit-unit yang telah diperuntukkan kepada orang awam. Dalam semua peruntukan unit-unit kediaman Perbadanan memastikan yang peruntukan terakhir mencerminkan corak penduduk negeri secara am dan corak tempatan secara khususnya.

PERUNTUKAN UNIT-UNIT PERUMAHAN PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG.

Kawasan	No. Unit- Unit yang ada	Bumiputra	%	Bukan Bumiputra	%
(1) Bandar Bayan Baru & Sungai Ara	2,534	1,203	47.5	1,331	52.5
(2) Bandar Seberang Jaya	1,596	610	38.2	986	61.8
(3) Macallum Street Ghaut	56	—	—	56	100.0
(4) Weld Quay	37	—	—	37	100.0
JUMLAH BESAR	4,223	1,813	42.9	2,410	57.1

[IV] AHLI KAWASAN PENANTI [ENCIK ABDULLAH BIN MOHAMED MAH-MUD] BERTANYA KEPADA KETUA MENTERI:

1. Berapakah projek perusahaan yang telah dibina dan telah diluluskan di daerah Seberang Perai Tengah sejak tahun 1974 hingga 1979.
 - (a) Oleh sektor swasta?
 - (b) Oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang.
 - (c) Oleh Jawatankuasa Kemajuan Perumahan Negeri Pulau Pinang.
Berapakah daripadanya yunit rumah kediaman dan rumah kedai?
 - (d) Berapakah yunit yang telah diuntukkan kepada Bumiputra dan bukan Bumiputra?

2. Sejak tahun 1974 hingga tahun 1979 apakah rancangan-rancangan yang telah dan akan dijalankan di dalam kawasan pilihanraya negeri Penanti? Sila senaraikan dengan lengkap projek-projek tersebut.
3. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini berapa banyak lesen galian batu yang telah dikeluarkan di seluruh negeri Pulau Pinang mengikut:
 - (a) Tempat Galian batu swasta,
 - (b) Tempat Galian batu J.K.R.
 Berapa lamakah jangka masa lesen tersebut?
4. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini sejak tahun 1974 hingga tahun 1979 berapa lot-lot tanah di Perkampungan Berapit, Perkampungan Juru, Perkampungan Machang Bubuk dan Perkampungan Permatang Tinggi yang diberikan kepada orang ramai dan kepada siapakah tanah itu diberikan? Sila senaraikan nama-nama orang yang berkenaan.
5. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini berapakah gerai rakyat yang telah dibina di seluruh Negeri Pulau Pinang dan Seberang Perai oleh Kerajaan Negeri? Siapakah yang bertanggungjawab menjaga dan memungut segala cukai atas gerai-gerai tersebut dan adakah pungutan tersebut dimasukkan dalam hasil Kerajaan Negeri?

KETUA MENTERI

1. Projek-projek perumahan yang telah diluluskan dan dibina di Seberang Perai Tengah sejak tahun 1974 hingga 1979 adalah seperti berikut: —

Pemaju	Bil. Projek	Bil. Yunit-Yunit		Peruntukan Kepada			
		Tempat Kediaman	Kedai	Bumiputra		Bukan Bumiputra	
				Tempat Kediaman	Kedai	Tempat Kediaman	Kedai
1. Sektor Per-sendirian	• Tidak diperolehi	Tidak diperolehi	Tidak diperolehi	Tidak diperolehi	Tidak diperolehi	Tidak diperolehi	Tidak diperolehi
2. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	14	1801*	8	530	4	1031	4
3. Kerajaan Negeri	2+	102	—	—	Belum diperuntukkan		—

* 240 yunits masih belum lagi diperuntukkan

+ masih dalam pembinaan iaitu: —

(i) Simpang Tiga Berapit — 50 yunit-yunit

(ii) Permatang Tinggi — 52 yunit-yunit

102 yunit-yunit

=====

2. Sejak tahun 1974 hingga 1979 rancangan-rancangan yang telah dijalankan di dalam kawasan Pilihanraya Penanti adalah seperti berikut: —

1. Sekolah Kebangsaan Sri Penan (Pelajaran)	\$133,100.00
2. Mengkuang Keretapi Bt. Gumpas Kg. Langkap (LLN)	38,297.00
3. Kg. Telok Wang. Mk. 19 (LLN)	29,751.00
4. Klinik tambah di Pusat Kesihatan Besar, Kubang Semang	44,000.00
5. Membaiki Sistem Pengairan Sungai Kulim (JPT)	900,000.00

6.	Pembaharuan Masjid Haji Saad, Tanah Liat	\$ 40,000.00
7.	Menyambung parit di Jalan Tengah, Sg. Lembu	2,000.00
8.	Membina surau di Rumah Murah Penanti	5,000.00
9.	Membina 2 buah titi di Kg. Seberang Kubang Ulu, Mk. 20	2,780.00
10.	Memasuki lampu di gelanggang badminton Spg. Tiga Kubang Ulu, Mk. 18	700.00
11.	Membesar surau Mengkuang Titi, Mk. 19	1,499.30
12.	Membina sebuah titi di Mengkuang, Mk. 18	936.00
13.	Membina tandas awam berbentuk tandas curah dan sebuah bilik air lengkap dengan paip di Masjid Mengkuang, Sg. Lembu	1,750.00
14.	Membina jalan belakang Sek. Kebg. Sri Penanti	2,615.50
15.	Membina sebuah surau di Telok Wang	3,986.00

3. Sebenarnya tidak ada lesen galian batu yang dikeluarkan di Negeri Pulau Pinang tetapi apa yang dikeluarkan ialah lesen untuk Kuari Batu untuk pekerjaan memecah batu.

(a) Tempat kuari dan senarai nama-nama pengusaha Kuari Swasta adalah seperti berikut:-

<i>Nama</i>	<i>Lokasi</i>	<i>Tuanpunya</i>	<i>Lain-lain Hal</i>
PULAU PINANG			
1. Lim Kar Bee	Jalan Paya Terubong	Swasta	
2. Choong, Lim, Lim Sdn. Bhd.	Jalan Yeap Chor Ee	Swasta	
3. Poay Huat & Co.	Kampong Hijau, Green Lane.	Swasta	Tidak dijalankan
4. Teik Quarry Co. Ltd.,	Jalan Penang Hill Railway	Swasta	
5. Soon Gin Quarry	Jalan Penang Hill Railway	Swasta	Tidak dijalankan
6. Teik Quarry Co. Ltd.,	Jalan Vale of Tempe	Swasta	
7. Chee Seng Stone Quarry	Chee Seng Garden Estate Tanjong Bungah	Swasta	
8. Teoh Ewe Hun Quarry	Behind Guan Joo Seng Housing Estate, Green Lane	Swasta	Tidak dijalankan
9. Yeap Lean Seng & 3 Others	Green Lane	Swasta	Tidak dijalankan
10. City Council, Penang.	Jalan Waterfall	Kerajaan	Tidak dijalankan
11. JKR Quarry	Jalan Waterfall	Kerajaan	
12. Mars Construction Co.	Sungai Ara	Swasta	
13. Loh Poh Heng	Bayan Lepas	Swasta	Tidak dijalankan
14. Loh Poh Heng	Ptg. Damar Laut	Swasta	Tidak dijalankan
SEBERANG PERAI			
15. Central Quarry (JKR)	Penanti	Kerajaan	
16. "Gua" Ipoh (JKR)	Gua Ipoh	Kerajaan	Tidak dijalankan
17. Ban Seng Huat	Gua Ipoh	Swasta	
18. Boon Sun Seraksi Sdn. Bhd.,	Gua Ipoh	Swasta	
19. Quah Sin Kheng	Gua Ipoh	Swasta	
20. Tan Tin Guan	Penanti	Swasta	Tidak dijalankan
21. Ng Chew Ho	Penanti	Swasta	
22. Teik Granite Quarry	Penanti	Swasta	
23. Ban Seng Huat	Berapit	Swasta	
24. Tye Lee & Co.	Berapit	Swasta	Dijalankan oleh Wing Lee
25. Lam Ah	Juru	Swasta	
26. Ban Seng Huat	Berapit	Swasta	
27. Low Thow Tong	Bukit Tambun	Swasta	
28. Lee Siu Chiang	Juru	Swasta	
29. Quah Sin Kheng	Berapit	Swasta	
30. Saw Choong Teok	Juru	Swasta	

(b) Di Negeri Pulau Pinang hanya terdapat 2 Kuari Batu yang dijalankan oleh J.K.R. yang mana tempat-tempatnya adalah seperti berikut:—

1. Penanti Kuari, Seberang Perai Tengah
2. Kuari Waterfall Road, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

Tempuh lesen ialah satu tahun.

4. Jumlah lot-lot yang diberi milik di perkampungan-perkampungan baru dari tahun 1974 hingga 1979 adalah seperti berikut:—

(i) Perkampungan Berapit	— 44 lot
(ii) Perkampungan Juru	— 45 lot
(iii) Perkampungan Machang Bubuk	— 88 lot
(iv) Perkampungan Permatang Tinggi.	— 30 lot

Semua nama ini bolehlah disemak di Pejabat Tanah Seberang Perai Tengah pada bila-bila masa pejabat dibuka.

5. Gerai Rakyat yang telah dibina dengan peruntukan Kerajaan Pusat bagi seluruh Negeri Pulau Pinang dan Seberang Perai ialah sebanyak 20 projek yang mengandungi 482 yunit. Bagi gerai yang dibina di kawasan bandar, bayaran lesen dikutip oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang atau Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi membiayai bekalan api, air dan penyelenggaraan. Gerai-gerai yang dibina di luar bandar, kutipan dibuat oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung untuk membiayai kos yang sama.

(V) AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL (DR. SAK CHENG LUM) BERTANYA KEPADA KETUA MENTERI:

1. Memandangkan kepada pertambahan rumah-rumah dan penduduk-penduduk di kawasan sepanjang Jalan Raja Uda adakah Kerajaan merancang meluaskan dan juga menyempurnakan jalan tersebut, misalnya semua tiang lampu dipindahkan dari tengah jalan basikal ke tepi jalan, menambah lagi sebuah jalan basikal di sepanjang jalan tersebut, mengadakan pili-pili bomba (hydrants) serta lampu-lampu kuning di tempat tertentu dan mengadakan "drainage" yang sempurna di kedua-dua belah jalan itu?
2. Kerana memperbandarkan kawasan desa (rural urbanisation), kemajuan perumahan dan perusahaan industri yang menggunakan tanah-tanah pertanian melalui satu perubahan (conversion), saya ingin bertanya Y.A.B. Ketua Menteri.
 - (a) Cara-cara dan rancangan-ancangan Kerajaan Negeri untuk melipat gandakan aktiviti-aktiviti 'agro-horticulture' di sektor awam (public sector) dan di sektor swasta (private sector)..
 - (b) Di manakah tanah-tanah baru yang akan dirancang dan dibuka untuk kegiatan-kegiatan pertanian, misalnya tanah untuk sawah, tanah untuk sayur-sayuran dan tanah untuk kehaiwanan (animal husbandry)?
3. Di kawasan pilihanraya Bagan Jermal terdapat sebuah kedai todi Kerajaan di Jalan James:
 - (a) Adakah tindakan atau rancangan segera dari pihak Kerajaan untuk membaiki dan memajukan keadaan kedai todi di Jalan James, Butterworth itu?
 - (b) Bolehkah Kerajaan membaiki dan memajukan keadaan lain-lain kedai todi di negeri Pulau Pinang supaya keadaan di kedai-kedai tersebut lebih selesa dan memberi gambaran yang baik?
4. Saya sedar bahawa Kerajaan merancang pembinaan ampungan jajar (Prai Barrage) di Sungai Prai dalam Kawasan Permatang Pauh. Oleh yang demikian saya ingin bertanya Y.A.B. Ketua Menteri:
 - (a) Bilakah pembinaan tersebut dijangka siap?
 - (b) Bagaimana pembinaan ini akan memberi faedah kepada kaum-kaum petani dan kaum-kaum nelayan yang bergantung hidup mereka kepada Sungai Perai?

- (c) Adakah pembinaan ini akan menghasilkan keupayaan pemeliharaan ikan, aktiviti-aktiviti 'aqua-culture' dan pembukaan tanah baru untuk sawah dan kegiatan-kegiatan pertanian yang lain?
 - (d) Adakah pembinaan ini dapat menahan tebing sungai daripada hakisan, misalnya tebing sungai di hadapan Syarikat Blood Protection Sdn. Bhd., Jalan Permatang Pauh, Butterworth itu?
 - (e) Adakah Kerajaan sedar bahawa pada masa sekarang ada juga beberapa penduduk di kawasan tepi sungai ini mendapatkan pencarian mereka dari hasil tangkapan ikan dan ketam dari sungai? Adakah apa-apa kajian yang dibuat untuk memastikan pembinaan barrage ini tidak menjejaskan mata pencarian penduduk-penduduk ini?
5. Kerajaan telah mengadakan rancangan perumahan di Bagan Jermal dan Bagan Ajam. Oleh yang demikian saya ingin bertanya Y.A.B. Ketua Menteri:
- (a) Bilakah gerakan memproses data-data untuk permohonan rumah murah Kerajaan Negeri di Seberang Perai yang baru-baru ini dijalankan akan siap?
 - (b) Apakah langkah-langkah akan diambil oleh jabatan yang berkenaan supaya rumah-rumah murah yang dibina oleh Kerajaan Negeri dapat diperuntukkan kepada pemohon-pemohon yang benar-benar memerlukan?
 - (c) Saya sedar bahawa hanya lebih kurang 490 buah rumah pangsa dan rumah-rumah lain dibina di Jalan Mohd. Saad dan Bagan Ajam. Ini adalah tidak mencukupi untuk penduduk-penduduk yang bertambah dengan pesat di Butterworth. Adakah Kerajaan akan menambah rancangan perumahan di Butterworth selain daripada di tempat-tempat tersebut? Jika ada, sila beritahu bilakah rancangan perumahan itu dimulakan? Berapakah rumah murah dan rumah pangsa dibina dan tempat-tempat yang dirancangkan?
6. (a) Adakah Kerajaan Negeri merancang memperbanyakkan kemudahan perniagaan untuk penjaja dan peniaga kecil?
- (b) Jika ada, sila senaraikan rancangan-rancangannya.
- (c) Sila nyatakan tempat-tempat diadakan kemudahan tersebut dan tarikh dijangka siap.
7. Adakah Kerajaan Negeri melancarkan satu kempen memperindahkan (beautification) atau mengadakan satu kempen yang difikirkan sesuai diadakan di Butterworth untuk menanam satu sikap bahawa kebersihan alam sekitar adalah penting kepada semua penduduk-penduduk? Jika ada, saya ingin bertanya Y.A.B. Ketua Menteri:
- (a) Cara-cara mengadakan kempenya dan kempen perhubungan awam untuk menjayakan itu dan bila dijangka mengadakannya?
 - (b) Berapakah peruntukan wang untuk kempen itu?
- Jika tidak, saya ingin tahu sebab-sebabnya dan langkah-langkah untuk mengatasi soalan kekotoran atau pencemaran alam sekitar yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di Butterworth, khasnya penduduk-penduduk yang berhampiran dengan tempat pembuangan sampah di Bagan Lallang itu?
8. Benarkah bahawa Majlis Perbandaran Seberang Perai telah meminta pihak Pusat Dasar dan penyelidikan (CPR) Universiti Sains Malaysia menjalankan satu penyelidikan meliputi mini-industries, bengkel motokar dan kedai-kedai besi? Saya memahami bahawa laporan itu pun telah disampaikan kepada pihak MPSP. Saya ingin bertanya Y.A.B. Ketua Menteri:
- (a) Apakah tujuannya mengadakan penyelidikan dan menyediakan laporan itu?
 - (b) Apakah cadangan-cadangan atau syur-syur dibuat dalam Laporan tersebut untuk rujukan pihak MPSP?
 - (c) Adakah pihak MPSP menerima pendapat-pendapat dan syur-syur yang dicadangkan?
 - (d) Jika pihak MPSP tidak dapat menerima pendapat-pendapat dan syur-syur yang dicadangkan, sila beri sebab-sebabnya.
 - (e) Sehingga masa ini, adakah MPSP melaksanakan syur-syur tersebut?

KETUA MENTERI:

1. Jalan Raja Uda telah dibina pada tahun 1958 dengan cadangan asal mengadakan satu 'dual carriageway' dengan 'central divider'. Oleh itu, hanya satu lorong 24'0" lebar telah dibina, oleh kerana perjalanan lalulintas pada masa itu tidak berkehendakkan perbekalan 'dual carriageway' sepenuhnya. Tiada rancangan perumahan di sepanjang jalan ini pada ketika itu.

Semenjak itu Jalan Raja Uda telah menjadi kawasan kediaman utama bagi Bandar Butterworth, dan oleh itu tambah besar perjalanan lalulintas.

Adalah satu cadangan untuk memperbaiki Jalan Raja Uda berkaitan dengan rancangan Kerajaan Persekutuan untuk memperbaiki "Federal Route I" dari 6.00 batu Jalan Selatan Utama di Bukit Tengah, Bukit Mertajam melalui Bandar Butterworth ke 10.00 batu Jalan Utara Utama di Kepala Batas. Di bawah kajian kemungkinan Perunding V.L.D., Jalan Raja Uda, walaupun sebatang jalan raya negeri, telah dimasukkan di dalam projek jalan yang dicadangkan ini sebagai satu "link road" melalui Bandar Butterworth. Kajian ini telah siap dan dikemukakan kepada Kerajaan untuk pertimbangannya.

Lorong basikal telah dipinta oleh orang awam oleh kerana lalulintas kenderaan yang sesak, dan lorong basikal itu telah dibina hanya di sebelah jalan sahaja iaitu di sebelah Sekolah Kwong Hwa (sebelah barat). Pada membina lorong basikal tersebut beberapa tiang LLN yang sedia ada telah terlibat dan ditempatkan semula.

M.P.S.P telah menerima banyak permintaan bagi pemasangan lampu jalan "sodium" di beberapa simpang jalan. Sebagai Pihakberkuasa Trafik, M.P.S.P. sedang mengkaji permintaan-permintaan ini dengan Jawatankuasa Penasihat Lalulintas Seberang Perai.

Berhubung dengan saliran, sepanjang Jalan Raja Uda kajian kemungkinan atas peringkat pertama Laporan Pelan Induk telah memperkenalkan beberapa perakuan bagi memperbaiki sistem pamaritan di kawasan sekeliling Raja Uda. Permintaan untuk kewangan bagi melaksanakan perakuan saliran di bawah kajian kemungkinan tersebut akan dikemukakan kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk pertimbangan di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

2. (a) Di samping rancangan-rancangan Kerajaan Negeri di bidang perindustrian dan perbandaran keutamaan adalah juga diberi untuk meningkatkan lagi kedudukan sosio ekonomi di sektor tertentu. Usaha-usaha ke arah mencapai matlamat tersebut akan dijalankan melalui pertukaran corak pertanian tradisional kepada aktiviti-aktiviti pertanian pelbagai yang moden yang dapat memberi hasil dan pulangan yang lebih tinggi. Aktiviti-aktiviti pertanian moden adalah seperti penternakan ikan air tawar dan payau, ternakan udang, projek haiwan yang intensif dan juga memperkenalkan jenis-jenis tanaman yang memberi nilai hasil yang tinggi. Usaha ini akan melibatkan pelaksanaan rancangan-rancangan memperbaiki dan menambah kemudahan asas di kawasan-kawasan pertanian.

Bagi pihak Kerajaan kemudahan-kemudahan seperti menyediakan infrastruktur asas, kemudahan penyelidikan dan bantuan-bantuan tertentu disediakan untuk petani-petani memajukan aktiviti pertanian mereka. Kemudahan-kemudahan tersebut akan membolehkan petani-petani persendirian dan pihak swasta amnya memajukan aktiviti lain seperti menjalankan perusahaan berasaskan keluaran pertanian.

2. (b) Kerajaan Negeri dengan bantuan Kementerian Pertanian sedang merancang satu Rancangan Pertanian Berpadu untuk kawasan-kawasan pertanian di seluruh negeri. Kawasan-kawasan berkenaan termasuklah kawasan-kawasan pertanian yang sedia ada dan juga kawasan-kawasan baru. Projek-projek pertanian di bawah rancangan berkenaan belum dapat ditetapkan lagi pada peringkat ini.
3. (a) Kerja-kerja memperbaiki kedai Todi Kerajaan Jalan James Butterworth telah pun dilaksanakan pada tahun 1978.
- (b) Kerja-kerja memperbaiki kedai-kedai todi di dalam Negeri Pulau Pinang adalah dijalankan oleh pihak JKR dari semasa ke semasa bergantunglah kepada keperluan-keperluan yang timbul. Jabatan Kastam pula mengambil langkah-langkah untuk menggantikan alat-alat perkakas dan perabot-perabot di dalam kedai-kedai todi apabila keadaan memerlukan.

4. (a) Pembinaan tersebut dijangka siap pada bulan Mac tahun 1981.
 - (b) Pembinaan Ampang Jajar pasang-surut ini akan mendatangkan faedah-faedah seperti berikut: —
 - (i) Pemulihan tanah paya yang berdekatan dengan sungai seluas 1,670 ekar.
 - (ii) Pembaikan sistem saliran terhadap kawasan tananam padi yang sedia ada seluas 4,700 ekar.
 - (iii) Penukaran tanaman, dari tanaman kelapa kepada kegunaan pertanian lain yang lebih menguntungkan di atas tanah yang sedia ada seluas 1,290 ekar.
 - (c) Air takungan yang didapati di sini akan membolehkan projek-projek "aqua-culture" dijalankan. Tanah yang baru dibuka ini adalah dicadangkan untuk tanaman padi dan juga kegunaan pertanian yang lain.
 - (d) Jabatan ini tidak memberi perlindungan tebing kepada tanah-tanah perseendirian.
 - (e) Kerajaan sedar bahawa ada juga terdapat beberapa orang nelayan tinggal di sekitar kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, pembinaan Ampang Jajar ini tidak akan menjejaskan kehidupan mereka. Sebanyak 400 juta gelen air akan ditakung di hulu Ampang Jajar tetapi air dihilir Ampang Jajar masih mengandungi air masin. Oleh yang demikian, nelayan-nelayan masih boleh meneruskan pekerjaan mereka dan masalah putusny mata pencarian mereka tidak akan timbul.
5. (a) Urusan yang sedang dijalankan sekarang ialah mengemaskinikan maklumat-maklumat yang diberi oleh pemohon-pemohon yang telah berdaftar dengan Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan. Urusan ini perlu dijalankan memandangkan adanya pemohon-pemohon yang telah mendaftar dan menanti sekian lama untuk mendapatkan rumah. Gerakan yang dijalankan di Daerah Seberang Perai Utara telah bermula pada 1.10.79 dan dijangka berakhir pada minggu pertama bulan November. Selepas itu borang-borang permohonan yang dikembalikan akan diproses dipusat Komputer Universiti Sains Malaysia.
 - (b) Untuk memastikan bahawa rumah-rumah murah diperuntukkan kepada orang-orang yang benar-benar layak, maka Kerajaan Negeri telah mengadakan peraturan-peraturan seperti berikut: —
 - (i) Permohonan daripada orang-orang yang tidak termasuk dalam golongan berpendapatan rendah tidak akan diberi pertimbangan.
 - (ii) Borang permohonan adalah disahkan oleh orang-orang yang bertanggungjawab untuk mengelakkan pemohon-pemohon memberi maklumat palsu.
 - (iii) Menjadikan sebagai satu syarat bahawa setiap pemohon dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen bertulis sebagai bukti mengenai pekerjaan mereka, gaji tanggungan dan lain-lain yang perlu.
 - (iv) Menyiarkan dalam akhbar atau meletakkan di papan-papan kenyataan nama-nama mereka yang berjaya diperuntukkan rumah untuk pengetahuan orang ramai. Orang ramai adalah berhak membantah peruntukan yang dibuat jika ada di antara mereka yang berjaya didapati tidak layak mendapat peruntukan.
 - (v) sedang berusaha mendapatkan senarai pemilik harta dan rumah di negeri ini untuk dijadikan bahan rujukan.
 - (c) Pada masa ini siasatan sedang dibuat untuk mencari tempat-tempat yang sesuai bagi mendirikan projek tambahan perumahan kos rendah di Daerah Seberang Perai Utara. Sekiranya didapati tempat-tempat yang sesuai projek-projek berkenaan akan dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Keempat.
6. (a) MPPP & MPSP sekarang sedang mengkaji bagi menambahkan kemudahan-kemudahan tambahan kepada penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil dalam kawasan bidang-kuasa masing-masing.
 - (b) MPPP sekarang sedang mengendalikan projek-projek berikut: —
 - (i) Pasar Padang Tembak yang mengandungi gerai-gerai telah pun siap dan peniaga-peniaga kecil itu akan berpindah masuk tidak berapa lama lagi.
 - (ii) Pelan-pelan untuk kompleks-kompleks gerai di Taman Tun Sardon dan Green Lane adalah kini sedang dilukis. Pasar-pasar tersebut dijangka akan disiapkan menjelang penghujung tahun 1980. Pasar-pasar ini juga adalah termasuk gerai-gerai untuk perniagaan kecil.

- (iii) Kompleks gerai di Hillside, Tanjung Bungah -kerja-kerja pembinaan akan bermula tidak berapa lama lagi dan dijangka akan siap di dalam masa 4 bulan lagi.
- (iv) Tender-tender adalah kini sedang dijemput untuk membina kompleks gerai di Padang Tembak.
- (v) Berbagai-bagai kompleks gerai telah dibina oleh Pejabat Kemajuan Negeri dan diserahkan kepada Majlis. Kompleks-kompleks yang sedemikian itu termasuklah yang di Padang Kota Lama, Glugor, Batu Feringghi dan Jalan Perak.

Projek-projek yang akan dijalankan oleh MPSP adalah seperti berikut: —

- (i) Menyediakan sebuah kompleks penjaja terbuka di persimpangan High Road/Jalan Gharry Kuchi di Nibong Tebal.
 - (ii) Menyediakan bumbung di kompleks penjaja terbuka di atas tanah Majlis di Taman Sentosa, Bukit Mertajam.
 - (iii) Pembinaan sebuah kompleks penjaja di Jalan Bayan, Taman Sentosa, Nibong Tebal. (Projek ini akan dibiayai oleh pemaju-pemaju swasta).
 - (c) Kerja-kerja untuk (a) dan (b) di atas akan dijalankan sebelum akhir tahun ini dan dijangka akan siap pada awal tahun hadapan. Pelan bangunan untuk projek (c) telah dikemukakan dan sedang dalam pertimbangan Majlis.
 - 7. (a) Majlis Perbandaran Seberang Perai mengadakan Kempen Mencegah Kekotoran dari masa ke semasa. Kempen yang terakhir dibuat adalah dalam tahun 1977.
 - (b) Perbelanjaan yang terlibat dalam kempen 1977 adalah sebanyak \$8,416/-.
 - 8. Adalah benar bahawa MPSP dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Dasar, Universiti Sains Malaysia telah menjalankan satu kajian ke atas perusahaan-perusahaan kecil di kawasan bandar Butterworth.
 - (a) Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk mengetahui masalah-masalah yang timbul akibat terletaknya perusahaan-perusahaan kecil di Butterworth. Dengan demikian, perakuan-perakuan boleh dibuat untuk mengubah tempat perusahaan-perusahaan seperti ini ke kawasan-kawasan yang lebih sesuai.
 - (b) Salah satu daripada langkah-langkah yang diperakukan di dalam kajian tersebut ialah menggalakkan pembinaan bangunan-bangunan yang sesuai di kawasan-kawasan tertentu yang boleh memberi kemudahan kepada perusahaan-perusahaan kecil.
 - (c) Perakuan-perakuan yang terkandung dalam laporan tersebut telah diterima oleh MPSP
 - (d) Soalan ini tidak timbul.
 - (e) Kini MPSP sedang mengkaji pelaksanaan perakuan-perakuan yang terkandung dalam laporan itu. Bagi MPSP, langkah-langkah akan diambil untuk mengawal perlesenan perusahaan-perusahaan kecil terutama sekali bagi mereka yang menyebabkan gangguan bising dan pencemaran udara, misalnya kedai-kedai tukang besi, kedai-kedai barang-barang buruk, kedai menyembur cat dan lain-lain.
- Berkenaan dengan soal mendapatkan tempat-tempat gantian untuk menempatkan semula perusahaan-perusahaan kecil, PDC bersama dengan MIEL telah mengesan tapak-tapak yang sesuai dalam kawasan-kawasan perusahaan bagi maksud membina kilang-kilang kecil untuk menampung perusahaan-perusahaan tempatan yang terletak di Butterworth.

(VI) AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK (ENCIK LIM HENG TEE) BERTANYA KEPADA KETUA MENTERI:

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri senaraikan semua projek perumahan yang telah dilaksanakan atau dirancang sejak 1974 hingga 1981, dengan menyatakan nama-nama projek, bilangan yunit, tarikh siap dibina (jika telah dibina), tarikh siap pembinaan yang dijangka (jika masih dalam pembinaan) atau tarikh mula pembinaan yang dijadual (jika belum dimulakan).

2. Untuk mendapat perancangan, pengurusan dan kawalan yang baik dan rapi bagi sekim-sekim perumahan Kerajaan di Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah bercadang menubuhkan satu Lembaga Perumahan atau Perbadanan Perumahan.
 - (a) Apakah sebabnya penubuhan Lembaga/Perbadanan Perumahan tersebut ditangguhkan?
 - (b) Apakah langkah yang telah diambil untuk menubuhkan Lembaga/Perbadanan ini?
 - (c) Bilakah ini mungkin dilaksanakan?
3. (a) Berapakah jumlah peruntukan dari Kerajaan Pusat untuk rancangan perumahan murah di Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Ketiga? Berapakah yunit rumah akan dibina dengan Peruntukan ini?
 - (b) Berapakah yunit tambahan akan dibina oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam masa ini? Berapakah perbelanjaan bagi melonggarkan tujuan ini.
4. (a) Memandangkan kepada kekurangan kemudahan rekriasi dan sosial di Seberang Perai, adakah rancangan-rancangan Kerajaan memperuntukkan lebih banyak kemudahan rekriasi dan sosial bagi memenuhi keperluan rakyat dan di mana?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri atau MPSP mempunyai apa-apa rancangan untuk membina sebuah taman umum atau taman belia di daerah Bukit Mertajam? Jika ada, bilakah rancangan ini dapat dilaksanakan?
 - (c) Adakah Kerajaan mempertimbangkan untuk membina sebuah Dewan Rakyat dan sebuah Perpustakaan Umum di Bukit Mertajam?
5. Tidak terdapat sebarang kemudahan rekriasi dan sosial di kawasan Alma dan Kampong Kijang. Adakah rancangan untuk membina sebuah taman permainan, Balairaya dan sebagainya bagi penduduk-penduduk di kawasan itu, jika tiada, bolehkah Kerajaan mempertimbangkan untuk memperuntukkan kemudahan-kemudahan tersebut pada masa hadapan.
6. Tidak terdapat Balairaya di kawasan Kampong Machang Bubuk dan Gajah Mati. Adakah Kerajaan akan mempertimbangkan membina sebuah Balairaya di kawasan tersebut untuk kegunaan penduduk di situ.
7. Adakah Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk membina sebuah taman permainan di Permatang Tinggi? Jika tiada, bolehkah pihak berkuasa membekalkan sebuah taman permainan pada masa depan?
8. Memandangkan pasar besar di Pekan Bukit Mertajam sudah terlalu sesak dan tidak mencukupi.
 - (a) adakah pihak berkenaan mempunyai sebarang rancangan untuk membina pasar-pasar tambahan di Bukit Mertajam?
 - (b) bagaimanakah rancangan untuk membina sebuah pasar di Kampong Baru, Bukit Mertajam?
 - (c) dalam tempoh berapa lamakah sebuah pasar baru dapat dibina di kawasan Kampong Baru/Jalan Kulim?
9. Kerajaan Negeri dan MPSP telah berjanji akan mencari sebuah tempat baru untuk menggantikan tempat pembuangan sampah di Bukit Kecil, Bukit Mertajam, yang sekarang ini telah membawa masalah pencemaran buruk di kawasan itu.
 - (a) Adakah tempat gantian yang dijanjikan itu telah dicari?
 - (b) Jika tidak, sila beritahu Dewan ini bilakah pembuangan sampah ke tempat itu akan diberhentikan?
10. Memandangkan kemajuan perumahan yang besar di kawasan Sungai Rambai, Bukit Mertajam dan masalah banjir yang kerap kali berlaku di kawasan hulu sungai Juru, pintu-pintu air (2 bay tidal gates) di Sungai Juru sepanjang Jalanraya Utara-Selatan (North-South Trunk Road) itu telah menjadi tidak memadai.

- (a) Adakah sebarang rancangan untuk membaiki pintu-pintu air tersebut untuk membolehkan air sungai mengalir lebih cepat?
 - (b) Apakah langkah yang diambil untuk menentukan kawasan tersebut dicegah daripada banjir di masa depan?
11. Adalah dilaporkan bahawa satu pelan induk (master plan) untuk membaiki sistem pengaliran air di Seberang Perai telah disediakan.
- (a) Sila beritahu Dewan ini satu gambaran kasar berkenaan rancangan tersebut.
 - (b) Sila beritahu Dewan ini tentang jumlah perbelanjaan yang dianggarkan, tarikh pelaksanaan dan tarikh jangkaan pembinaan akan siap? (satu peringkat demi satu peringkat jika boleh).
12. Memandangkan kepada rancangan perumahan yang besar dijalankan oleh Kerajaan serta sektor swasta di Pulau Pinang, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak berkuasa untuk menentukan kemudahan dan alat-alat pemadam api yang mencukupi dan cekap, misalnya memperuntukkan kereta bomba dan "hydrant" untuk melindungi harta benda dan nyawa manusia semasa kemalangan kebakaran berlaku?
13. Memandangkan keadaan Lalulintas yang begitu sebak di Pekan Bukit Mertajam:
- (a) Adakah pihak berkuasa lalulintas mempunyai sebarang rancangan untuk membaiki keadaan tersebut? Jika ada, apakah rancangan itu?
 - (b) Adakah Pihakberkuasa mempertimbangkan akan memperluaskan Jalan Aston supaya dapat mengadakan perjalanan dua hala di jalan ini untuk menyenangkan aliran lalulintas?
 - (c) Adakah Pihakberkuasa mempertimbangkan pembinaan jalan-jalan baru yang berikut:
 - (i) dari Simpang Berapit/Tanah Liat ke Jalan Muthupalaniappa di Kampong Cross Street?
 - (ii) dari Berapit ke Jalan Kulim?
14. Rancangan untuk memasang lampu isyarat di simpang Jalan Arumugam Pillai dan Jalan Aston di Pekan Bukit Mertajam telah diluluskan pada awal tahun 1979, tetapi setakat ini projek ini masih belum dilaksanakan:
- (a) Sila terangkan apakah sebabnya projek ini ditangguhkan?
 - (b) Bilakah projek tersebut akan dilaksanakan?
15. Dua jambatan "open-span" di Jalan Muthupalaniappa menyeberangi Sungai Rawa dan Sungai Ara di Kampong Cross Street, Bukit Mertajam masih lagi dalam pembinaan selama setahun:
- (a) Mengapakah pembinaan jambatan-jambatan tersebut lambat disiapkan?
 - (b) Bilakah tarikh siap pembinaan untuk projek itu?
16. Projek Perumahan Murah Kerajaan di Permatang Tinggi telah ditangguh sekali lagi:
- (a) Sila beritahu Dewan in sebab-sebab penangguhan ini.
 - (b) Apakah tindakan yang telah diambil terhadap pihak yang bertanggungjawab?
 - (c) Apakah langkah diambil untuk memperbaiki keadaan tersebut?
 - (d) Bilakah tarikh siap pembinaan baru untuk projek ini?
17. Sejumlah wang sebanyak \$10,000 telah diperuntukkan oleh Kerajaan Pusat pada tahun 1978 untuk membina sebuah pentas wayang di Permatang Tinggi. Pentas tersebut telah lama siap dibina dan telahpun disahkan oleh pihak J.K.R., tetapi peruntukan yang dijanjikan itu belum dibayar kepada Jawatankuasa Pembinaan Pentas tersebut. Bolehkah Kerajaan Negeri menggunakan jasa baiknya mendesak Kerajaan Pusat supaya pembayaran tersebut dapat dipercepatkan.
18. Memandangkan ketidaksesuaian untuk sebuah Pusat Pemulihan Dadah diadakan dalam kawasan kediaman, seperti Kampong Baru, Bukit Mertajam, di mana terdapat ramai

kanak-kanak sekolah, bolehkah Kerajaan Negeri mendesak Kerajaan Pusat untuk memin-
dahkan Pusat itu ke tempat lain yang sesuai?

19. Banyak skim perumahan telah dilaksanakan di sekitar Pekan Bukit Mertajam dalam
tahun-tahun kebelakangan ini. Hasil daripada ini, ramai orang telah pindah ke skim
perumahan baru itu yang jauh daripada pekan Bukit Mertajam di mana hanya ada satu
sahaja pejabat pos, yang memberi perkhidmatan kepada penduduk-penduduk di Daerah
Bukit Mertajam. Ini mengakibatkan kesusahan kepada rakyat kerana jaraknya jauh dari-
pada pejabat pos tersebut:
 - (a) Apakah peruntukan di bawah Rancangan Malaysia ke 3 untuk membina pejabat-
pejabat pos di Daerah Bukit Mertajam?
 - (b) Bolehkah Kerajaan Negeri mendesak Kerajaan Pusat menambah bilangan pejabat pos
di kawasan-kawasan perumahan untuk kesenangan orang ramai?
20. Adalah diperhatikan bahawa kadar primium yang kena dibayar atas tanah di kampung-
kampung baru beberapa tahun yang lalu ialah lebihkurang 30-50 sen sekaki persegi, tetapi
baru-baru ini kadar primium itu telah dinaikkan sehingga \$2.00 atau lebih bagi sekaki
persegi. Misalnya, kadar primium yang kena dibayar atas tanah lot 905 di Perkampungan
Machang Bubuk pada 1972 ialah 40 sen sekaki persegi, tetapi pada 1979 kadar primium itu
telah dinaikkan kepada \$2.20 sekaki persegi.
 - (a) Bilakah kadar sebanyak \$2.20 sekaki persegi ini mula dikuatkuasakan bagi tanah ter-
sebut di Machang Bubuk?
 - (b) Sila beritahu Dewan ini samada kadar-kadar primium atas tanah-tanah Kerajaan di
perkampungan-perkampungan baru akan disesuaikan secara perlahan-lahan.
 - (i) jika begitu, sila beritahu kadar primium (purata, jika sesuai) yang dikenakan di
atas tanah Kerajaan di perkampungan-perkampungan baru Berapit, Machang
Bubuk, Permatang Tinggi dan Juru bagi setiap tahun sejak 1970.
 - (ii) jika tidak, bilakah kadar-kadar baru itu mula dikuatkuasakan bagi perkam-
pungan-perkampungan baru tersebut?

Sila beritahu kadar primium (purata, jika sesuai) yang dikenakan di atas tanah Kerajaan
di perkampungan-perkampungan baru Berapit, Machang Bubuk, Permatang Tinggi dan
Juru pada masa sekarang.

KETUA MENTERI:

1. (a) Jumlah projek perumahan yang telah dan sedang dilaksanakan dalam negeri ini dari
tahun 1974 sehingga 1980 adalah seperti berikut: —

	Perumahan kos rendah	Perumahan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	Jumlah
Jumlah Projek Rumah	23	5	28
Jumlah rumah siap	1,010	2,640	3,650
Jumlah rumah masih dibina	3,269	2,254	5,523
<i>Jumlah Yunit</i>	4,279	4,894	9,773

- (b) Kemajuan pembinaan semua projek yang dinyatakan setakat 1.10.1979 adalah seperti di Lampiran A dan B.
 - (c) Projek Perumahan bagi tahun 1981 belum ditentukan lagi kerana ianya termasuk di dalam Rancangan Malaysia Keempat.
2. (a) Penubuhan Pihakberkuasa Perumahan Pulau Pinang adalah memerlukan kelulusan Kerajaan Persekutuan kerana perumahan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat. Untuk membolehkan kuasa itu diperturunkan kepada Kerajaan Negeri maka Incorporation (State Legislature Competency) Act 1962 perlulah dipinda. Memandangkan perkara ini melibatkan persoalan-persoalan penting maka Kerajaan Pusat masih lagi mengkaji kedudukannya.
 - (b) Deraf Akta Pihakberkuasa Perumahan Pulau Pinang telahpun disediakan dan permohonan untuk menubuhkan Lembaga berkenaan telah dikemukakan kepada Kerajaan Pusat.
 - (c) Penubuhan Pihakberkuasa Perumahan Pulau Pinang belumlah dapat ditentukan.
 3. (a) Jumlah peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Pusat untuk rancangan perumahan kos rendah di Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ialah \$38,774,400.00. Peruntukan tersebut melibatkan pembinaan sebanyak 3,385 yunit rumah kos rendah.
 - (b) Kerajaan Negeri sedang melaksanakan pembinaan sebanyak 894 yunit sebagai tambahan dalam tempoh yang sama. Anggaran Kos perbelanjaan ialah \$6,815,477.00.
 4. (a) Majlis Perbandaran Seberang Perai akan memperuntukkan sebanyak \$150,000.00 dalam anggaran tahun depan bagi membina padang-padang permainan. Kerja-kerja yang akan dijalankan di bawah cadangan ini termasuk memperbaiki kawasan-kawasan lapang dan membina kawasan-kawasan rekreasi yang baru.
 - (b) Majlis Perbandaran Seberang Perai tidak ada apa-apa cadangan untuk membina Taman Belia di Bukit Mertajam.
 - (c) Pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk membina sebuah balairakyat atau sebuah perpustakaan umum di Bukit Mertajam. Keperluan untuk projek-projek tersebut akan dikaji dari masa ke semasa.
 5. Tidak ada tanah kosong yang sesuai di dalam atau di sekitar kawasan Alma dan Kampong Kijang yang telah diketepikan untuk cadangan taman kanak-kanak atau balairaya.
Walau bagaimanapun, Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menerima cadangan-cadangan untuk membangunkan kawasan tersebut. Dalam keadaan seperti ini, ada kemungkinan bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk meminta pemaju-pemaju berkenaan mengeneppikan tapak kosong untuk taman kanak-kanak.
 6. Buat masa ini Kerajaan tidak ada rancangan lagi untuk membina balairaya di seluruh Negeri Pulau Pinang memandangkan balairaya yang ada sekarang ini tidak digunakan dengan sempurna.
 7. (a) Buat sementara waktu, Majlis Perbandaran Seberang Perai tidak ada apa-apa cadangan untuk membina sebarang Taman Permainan di Permatang Tinggi disebabkan Majlis tidak ada tanah sendiri di situ.
 - (b) Walau bagaimanapun, jika terdapat kawasan yang sesuai, Majlis Perbandaran Seberang Perai akan memajukan tanah lapang itu untuk dijadikan taman permainan kanak-kanak yang teratur.
 8. (a) Majlis Perbandaran Seberang Perai sekarang ini sedang memberi perhatian bukan saja terhadap kemungkinan mengambil alih tanah yang sesuai untuk membina pasar-pasar tambahan tetapi juga meminta pihak-pihak pemaju ketepikan tanah-tanah di rancangan-rancangan perumahan mereka untuk tapak bagi pembinaan pasar-pasar tambahan di kawasan Bukit Mertajam.
 - (b) Cadangan mengadakan sebuah pasar tambahan di kawasan Kampong Baru, Bukit Mertajam masih lagi dalam peringkat perancangan. Oleh kerana Majlis Perbandaran Seberang Perai tidak mempunyai tanah kepunyaan Majlis yang sesuai untuk pembinaan pasar tambahan, tindakan sedang diambil untuk mencari tanah-tanah orang perseorangan yang mungkin diambil alih bagi projek ini.

LAMPIRAN "A"

LAMPIRAN "A"

LAMPIRAN "B"

SENARAI PROJEK PERUMAHAN OLEH PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG

<i>Bil.</i>	<i>Projek</i>	<i>Bil. Rumah Siap dan Tahunnya [Siap pada 15.9.79]</i>	<i>Bil. Rumah sedang dibina</i>	<i>Jumlah</i>
1.	Bandar Bayan Baru	1,398	1,111	2,509
2.	Cat Lebuah Macallum	56	156	212
3.	Weld Quay	43	—	43
4.	Sungai Ara	94	8	102
5.	Bandar Seberang Jaya	1,049	979	2,028
JUNLAH:		2,640	2,254	4,894

- (c) Penyediaan sebuah pasar baru di kawasan Kampong Baru/Jalan Kulim hanya boleh dilaksanakan setelah saja tapak yang sesuai didapati.
9. (a) Majlis Perbandaran Seberang Perai masih lagi sedang berusaha untuk mencari tapak yang sesuai untuk menggantikan tempat membuang sampah di Bukit Kecil, Bukit Mertajam, yang sedang digunakan sekarang.
- (b) Pembuangan sampah di tempat berkenaan akan diberhentikan selepas tapak yang baru didapati. Buat sementara waktu, Majlis telah membeli sebuah "tractor" dan "bulldozer" untuk menjalankan "control tipping" bagi mengurangkan pencemaran sekarang yang disebabkan oleh pembakaran sampah-sampah.
10. (a) Kerajaan Negeri telahpun mengetahui masalah di kawasan ini. Satu projek memperbaiki keadaan banjir bagi Sungai Rambai telah dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Keempat untuk pertimbangan.
- (b) Tambahan saluran-saluran keluar dengan pintu kawalan pasang-surut akan disediakan untuk Sungai Rambai.
11. (a) Kajian ke atas sistem pamaritan adalah sebahagian daripada Pelan Induk yang mengubal rancangan jangka panjang untuk sistem pamaritan dan sistem pembentukan yang teratur bagi kawasan-kawasan metropolitan Butterworth/Bukit Mertajam. Kajian kemungkinan untuk peringkat pertama Pelan Induk berkenaan telahpun selesai. Aspek pamaritan adalah sebahagian daripada laporan menyediakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah-masalah banjir di Butterworth dan Bukit Mertajam. Kajian kemungkinan bagi sistem pamaritan mengadakan rancangan selama 5 tahun untuk memperbaiki beberapa parit monsun yang ada, parit-parit tepi jalan dan saluran-saluran keluar (outlet). Rancangan ini juga menggariskan kepentingan mengadakan tambahan saluran-saluran keluar (outlets) memandangkan bahawa kawasan Butterworth adalah rendah dan kebanyakan daripada parit monsun sekarang ini menggunakan Sungai Perai sebagai saluran keluar (outlet).
- (b) Peringkat pertama dari aspek pamaritan dalam kajian kemungkinan adalah dianggarkan memakan belanja \$6.4 juta (harga 1977) dan rancangan ini adalah dijangka dilaksanakan dalam tahun 1980 dan siap sebelum 1985. Oleh kerana kajian kemungkinan yang dijalankan dalam tahun 1977 hanya meliputi peringkat pertama Pelan Induk, maka tidaklah dapat butir-butir lanjut diberi bagi anggaran perbelanjaan dan tarikh-tarikh implimentasi bagi tiap-tiap peringkat yang lain di bawah Pelan Induk, iaitu 1986-1990, 1991-1995; 1996-2000.
12. Semua pelan bangunan sebelum diluluskan hendaklah dirujuk kepada Bomba supaya syursur seperti berikut dikenakan:—
 - (i) Mengesyurkan tempat dan jumlah Pili Bomba di dalam pelan tataletak yang dikemukakan.
 - (ii) Mengesyurkan kehendak-kehendak kebomba untuk keselamatan kebakaran dan keselamatan nyawa mengikut kesesuaian bangunan.
 - (iii) Mengesyurkan kehendak-kehendak kebomba untuk keselamatan kebakaran dan keselamatan nyawa di kedai-kedai, gudang-gudang, bangunan-bangunan dan sebagainya yang memohon lesen perniagaan atau menyimpan barang-barang merbahaya.
 - (iv) Bagi rancangan perumahan biasa yang tidak melibatkan rumah pangsa kehendak-kehendak bomba hanya sekadar mengadakan pili-pili bomba dan jalan-jalan yang sesuai untuk membolehkan kereta-kereta bomba masuk.
 - (v) Bagi rancangan perumahan yang melibatkan rumah-rumah pangsa lebih dari lima tingkat Jabatan ini memerlukan pemasangan tetap seperti pancur kering (Dry Riser), tangga-tangga melepaskan diri dan alat-alat pemadam api.
Oleh kerana itu, Tuan Speaker, saya bangkitkan Usul ini di Dewan ini untuk tukar fikiran. Kami barangkali boleh membuat satu keputusan yang baik untuk rakyat Negeri Pulau Pinang dan Negara Malaysia. Tuan Speaker, oleh kerana itu bolehkah saya mendapat izin mencadangkan Usul ini di dalam Dewan ini?

Terima kasih.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, setelah saya mengikuti ulasan dari Yang Berhormat, adalah menunjukkan bahawa Usul yang telah dikemukakan untuk kita semua dapat bertukar-tukar fikiran dalam soal patung yang akan didirikan, pada pendapat saya dalam hal ini untuk kita menangguk Mesyuarat kita mengikut Peraturan 31 supaya kita mengizinkan kepada Yang Berhormat untuk menanggukkan Majlis ini bagi membincangkan satu perkara yang bertujuan adalah perkara yang tertentu demi kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan. Pada pendapat saya perkara ini tidaklah ada kaitan kalau saya perhatikan baru-baru ini bagi pihak Persatuan Ulamak di Pulau Pinang juga ada membuat bantahan rasmi terhadap pembinaan patung itu. Persatuan Ulamak berpendapat

pembinaan patung ini juga merupakan satu perkara yang boleh mence-
markkan kesucian Islam sebagai
ugama rasmi. Memandangkan dua
tiga perkara yang saya sebutkan tadi
adalah satu perkara yang boleh men-
datangkan satu perasaan sensitif dan
juga perkara ini tidak ada banyak
dipersoalkan melainkan yang saya
dengar perkara ini banyak dipersoal-
kan oleh pihak DAP sendiri yang
membangkitkan soal ini yang begitu
panjang dan banyak sekali.

Jadi saya rasa tidaklah perlu saya
mengambil satu keputusan meminta
10 orang untuk berdiri bagi menyokong
Usul ini tetapi saya boleh
membuat keputusan bahawa Usul ini
tidak dapat diterima dan saya meng-
umumkan bahawa Usul yang dikemu-
kakan oleh Ahli dari Bukit Glugor
ditolak.

Sekian.

**Dewan ditangguhkan pada jam
1.05 tengahari.**

**Dewan bersidang semula pada jam
2.30 petang.**

TUAN SPEAKER:

Yang Amat Berhormat dan Ahli-
Ahli Yang Berhormat sekalian,
Dewan bersidang semula.

**4. (a) Rang Undang-Undang Bekal-
an (1980). 1979.**

Bacaan Yang Pertama

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, saya mohon men-
cadangkan supaya Rang Undang-
Undang yang bernama "Suatu Enak-
men bagi menggunakan sejumlah
wang daripada Kumpulanwang Di-
satakan untuk perkhidmatan bagi
tahun 1980 bagi memperuntukkan
wang itu untuk perkhidmatan tahun
itu' dibacakan bagi kali yang per-
tama.

**AHLI KAWASAN KUBANG SE-
MANG (TUAN HAJI MOHD.
NOOR BIN HAJI BAKAR):**

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

**Rang Undang-Undang dibacakan bagi
kali yang pertama.**

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, menurut syarat-
syarat Peraturan Majlis Mesyuarat
59, saya memberi kenyataan bahawa
bacaan kali yang kedua Rang
Undang-Undang ini diteruskan de-
ngan sertamerta.

TUAN SPEAKER:

Baiklah.

Bacaan Yang Kedua

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, saya mohon menca-
dangkan supaya Rang Undang-
Undang yang dinamakan, 'Satu
Enakmen bagi menggunakan sejum-
lah wang daripada Kumpulanwang
Yang Disatukan untuk perkhidmatan
tahun 1980 dan bagi memperuntuk-
kan wang ini bagi perkhidmatan
tahun itu' dibacakan bagi kali yang
kedua.

Tuan Speaker, tujuan Rang Un-
dang-Undang ini adalah untuk men-
dapat Kuasa Berkanun bagi Kerajaan
Negeri membelanjakan sejumlah
\$32,995,140.00 bagi perkhidmatan
tahun 1980. Ahli-Ahli Yang Berhor-
mat boleh menetap butir-butir (will
find the details) kedua-dua cadangan
perbelanjaan dan belanja mengurus
ini dalam Kertas No. 2 Tahun
1979.

Tuan Speaker, bagi tahun 1980
Kerajaan Negeri adalah membentang-
kan belanjawan kurangan sebanyak
\$4.322 juta. Jumlah hasil bagi tahun
1980 dianggarkan sebanyak
\$43,029,680.00 dan jumlah perbelan-
jaan pengurusan ialah \$47,352,670.00.
Oleh yang demikian, adalah jelas
bahawa Kerajaan Negeri akan mem-
peruntukkan kenaikan sebanyak 2 %
untuk perbelanjaan mengurus bagi
tahun 1980. Dengan kenaikan perbe-
lanjaan yang kecil ini maka bermak-
nalah bahawa kita mesti mengawal
dengan ketatnya perbelanjaan me-
ngurus supaya pencapaian maksima
dapat diperolehi dari wang-wang

yang kita akan belanjakan tahun depan.

Pada tahun 1980 Anggaran hasil ialah \$43,029,680.00. Ini menunjukkan tambahan sebanyak \$1,224,550.00 dibandingkan dengan hasil yang dianggarkan bagi tahun 1979. Faktor utama tambahan anggaran hasil bagi tahun 1980 ialah kerana tambahan peruntukan yang kita akan menerima daripada Kerajaan Persekutuan melalui Pemberian Kiraan Kepala, Pemberian Jalan, dan 5% bayaran balik projek-projek Persekutuan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri di mana telah dianggarkan sebanyak \$1,520,000.00 tambahan pada tahun 1980. Selain dari itu, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang akan membayar balik sebanyak \$4,695,130.00 sebagai faedah pinjaman bagi tahun 1980. Jumlah ini akan dikredit ke dalam Hasil Am (General Revenue).

Tuan Speaker, bagi tahun 1980 jumlah anggaran perbelanjaan pengurusan bagi tahun tersebut ialah \$47,352,670.00. Ini menunjukkan kenaikan kecil sebanyak \$747,540.00 jika dibandingkan dengan peruntukan bagi tahun 1979. Sebab-sebab utama bagi kenaikan ini ialah akibat daripada kenaikan-kenaikan biasa bagi gaji dan pengujudan 74 jawatan baru di berbagai-bagai jabatan pada tahun tersebut. Adalah dijangkakan bahawa jawatan-jawatan kosong yang diujudkan pada tahun 1979 dan jawatan-jawatan baru yang akan diujudkan pada tahun 1980 akan diisi oleh "Operasi Isi Penuh" yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat masih ingat bahawa Belanjawan tahun 1979 membentangkan kekurangan sebanyak \$4.8 juta. Walau bagaimanapun apabila kekurangan ini dihitung bersama-sama dengan Belanjawan Tambahan yang akan dibentangkan dalam mesyuarat Dewan Undangan Negeri yang akan datang, maka jumlah

kurangan yang dibentangkan bagi tahun 1979 akan menjadi \$7 juta. Namun demikian, dengan kawalan ketat oleh Kerajaan terhadap perbelanjaan maka kekurangan sebenarnya pada akhir tahun 1979 ini sekarang dianggarkan sebanyak \$4.5 juta. Memandangkan kepada kesukaran belanjawan tahunan maka pencapaian ini dengan jelasnya menunjukkan bahawa Perbendaharaan Negeri telah mengawal dengan ketatnya perbelanjaan Kumpulanwang Negeri demi mengekalkan keutuhan kedudukan kewangan negeri.

Tuan Speaker, dalam ucapan Belanjawan saya pada tahun yang lalu saya telah menyatakan bahawa Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang akan tidak lama lagi dapat memberi sumbangan wang yang akan dikredit ke dalam Kumpulanwang Negeri yang disatukan serta juga memenuhi tanggungjawabnya untuk membayar balik pinjaman-pinjaman dan faedah-faedah yang ditanggungnya bagi pihak Kerajaan Negeri. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah pun dapat melaksanakan pembayarannya pada tahun 1979. Pembayaran-pembayaran balik oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah menambahkan kelegaan (flexibility) untuk mengukuhkan lagi kewangan Negeri.

Tuan Speaker, salah satu tambahan utama dalam perbelanjaan adalah didapati di bawah Gaji-Gaji dan Elaun-Elaun untuk pegawai-pegawai dan kakitangan. Ini adalah disebabkan oleh kenaikan biasa bagi gaji dan peruntukan untuk kakitangan tambahan. Namun demikian, tambahan kos mengenai gaji adalah satu faktor utama yang mengakibatkan tambahan yang begitu banyak dalam perbelanjaan berulangan tahunan. Tambahan ini adalah disebabkan pada amnya dari pelaksanaan "Tangga Gaji Bersih Baru, Lapuran Jawatan-kuasa Kabinet."

Ahli-Ahli Yang Berhormat masih

ingat bahawa pada tahun 1977 Kerajaan Persekutuan telah memberi pendahuluan wang sebanyak \$6.69 juta kepada Kerajaan Negeri bagi menemui pembayaran tunggakan dan gaji-gaji baru berikutan dari perlaksanaan Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet. Kerajaan Persekutuan kini telah memutuskan bahawa pendahuluan wang tersebut adalah merupakan satu pinjaman yang dikehendaki dibayar balik oleh Kerajaan Negeri secara ansuran dalam masa 10 tahun mulai tahun 1982. Ini bermakna bahawa mulai tahun 1982 Kerajaan Negeri terpaksa memperuntukkan sebanyak \$669,000.00 setahun untuk membayar balik pinjaman ini yang telah diberi oleh Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1977.

Pada dua tahun yang lalu saya telah menarik perhatian Dewan ini mengenai perkara tersebut. Tanggungan untuk menemui tambahan kos perkhidmatan ini akan menjadi suatu masalaah yang kian bertambah pada tahun-tahun yang akan datang. Adalah jelas bahawa Kerajaan Negeri terpaksa mendapatkan wang tambahan ini untuk membayar balik pinjaman tersebut dan kecuali jika Kerajaan Persekutuan membuat satu kajian semula yang komprehensif terhadap peruntukan-peruntukan dan pemberian-pemberian di bawah Perlembagaan kepada Kerajaan Negeri, maka tidak ada kemungkinan bagi Kerajaan Negeri menanggung kenaikan-kenaikan dalam perbelanjaan gaji ini di masa-masa hadapan. Keruncingan masalaah ini dapat dilihat dari hakiikat bahawa pada tahun 1970 perbelanjaan bagi gaji-gaji dan elaun-elaun kita hanya berjumlah \$4,684,672.00 yang merupakan hanya 17.3 % dari keseluruhan perbelanjaan tahunan negeri. Sungguhpun demikian, pada tahun 1980, perbelanjaan bagi gaji-gaji dan elaun-elaun akan meningkat sebanyak \$19,864,410.00 yang merupakan 41.95 peratus dari keseluruhan perbelanjaan tahunan.

Salah satu sumber yang mungkin memberi tambahan hasil dari cukai secara langsung yang boleh didapati oleh Kerajaan Negeri ialah Cukai Tanah. Kadar yang ada sekarang yang dilaksanakan pada tahun 1970 dan tidak akan dikaji semula sehingga tahun 1985. Ahli-Ahli Yang Berhormat haruslah mengingatkan bahawa semenjak cukai tanah itu dikenakan, Kerajaan Negeri telah secara berterusan memberi sepuluh peratus pembayaran balik tahunan supaya dapat mengurangkan beban cukai-cukai ke atas rakyat kita walaupun kebanyakan negeri-negeri lain di Malaysia mengenakan cukai-cukai tanah dengan sepenuhnya. Dalam masa lima tahun yang akan datang Cukai Tanah akan dikaji semula mengikut undang-undang. Masanya sudah tiba untuk Kerajaan Negeri mengkaji semula pembayaran balik Cukai Tanah tahunan ini supaya dapat menemui tanggungan kewangan kita. Walaupun dengan kajian semula ini anggaran hasil tambahan ini akan hanya memberi tambahan sebanyak \$600,000.00. Jumlah ini tidak akan dapat membayar dengan sepenuhnya jumlah pembayaran balik ansuran tahunan pinjaman yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan, tetapi ianya adalah lebih kurang mencukupi.

Pada masa ini perkhidmatan awam negeri telah dicantumkan sepenuhnya dengan Perkhidmatan Persekutuan dan Kerajaan Persekutuan adalah bertanggungjawab mengikut Perlembagaan untuk pembayaran pencen kepada semua Pegawai Kerajaan. Dalam keadaan sedemikian barangkali wajar bagi Kerajaan Persekutuan menimbang dengan seriusnya untuk memperuntukkan satu Pemberian Pentadbiran kepada Negeri supaya dapat menemui kos Pentadbiran Awam sebenarnya yang kini ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Jika tidak, perbelanjaan tahunan ini yang semakin bertambah, di mana tambah-

annya yang ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan akan kian menghakiskan lagi keutuhan kewangan Negeri pada masa depan.

Tuan Speaker, pada tahun yang lalu saya telah menyatakan bahawa, "di dalam kes sesebuah negeri seperti Pulau Pinang di mana ianya tidak mempunyai apa-apa sumber semula jadi seperti kayu-kayan, galian dan minyak, kita terpaksa meminta lebih banyak wang daripada Kerajaan Pusat melalui punca-punca peruntukan dan bantuan wang yang disediakan di sisi Perlembagaan. Sesungguhnya kita perlu merintis lapangan-lapangan baru bagi penjanaaan hasil".

Sepanjang tahun 1980 Perbendaharaan Negeri akan merintis segala lapangan penjanaaan hasil dalam negeri untuk menambahkan lagi sumber-sumber hasil. Melalui ini, serta rundingan-rundingan yang akan diadakan dengan Kerajaan Persekutuan mengenai perkara ini kita akan berusaha untuk mengekalkan keutuhan kewangan negeri. Kerajaan Negeri tidak akan mencadangkan apa-apa cukai baru untuk tahun 1980. Namun demikian, kita mesti menyedari keadaan kritikal yang kini kita alami. Pentadbiran kita mesti berkembang untuk berkhidmat kepada penduduk-penduduk kita yang kian bertambah yang akan meningkat kepada satu juta tidak lama lagi. Pembangunan sosial ekonomi di dalam negeri memerlukan perkhidmatan pentadbiran yang lebih banyak lagi supaya dapat mengekalkan perkembangan ini. Kita tidak dapat mengelakkan diri daripada hakikat ini. tetapi kita patut mengambil perhatian bahawa faedah-faedah daripada kebanyakan kemajuan sosial dan ekonomi di dalam negeri adalah disalurkan pada tiap-tiap tahun kepada Kerajaan Persekutuan dalam bentuk cukai pendapatan, cukai perkhidmatan, cukai jualan dan sebagainya.

Tuan Speaker, Kerajaan Persekutuan yang mempunyai dasar-dasar

yang berorientasikan rakyat adalah terikat untuk meninggikan lagi mutu kehidupan semua rakyat kita. Dalam hubungan ini, sungguh kita semua berpuas hati mengenai Belanjawan Persekutuan yang begitu murah hati, namun, kita mesti memberi perhatian terhadap keperluan untuk mengusahakan projek-projek yang akan dapat memberi hasil di peringkat Negeri demi menemui tambahan kos untuk penyelenggaraan dan perkhidmatan. Pada masa sekarang, Kerajaan Negeri sedang menimbang untuk memberi lebih pinjaman kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang daripada Kumpulan Pembangunan Negeri dan juga daripada Simpanan Tetap Negeri untuk membolehkan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang memulakan projek-projek yang akan memberi hasil dan modal seperti menambak tanah dan "pengambilan keluar bahan-bahan perlu" [*extraction of essential aggregates*]. Di samping itu juga, Perbendaharaan Negeri adalah bertanggungjawab mengujudkan kecekapan yang lebih baik daripada semua Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri supaya mereka akan mendapat faedah maksima daripada setiap sen yang dibelanjakan.

Bagi tahun 1980, belanjawan yang dibentangkan untuk Pejabat Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan ialah \$6,070,560.00. Dari jumlah ini dibawah Pecahan Kepala 2900 Butiran (2), peruntukan bagi tahun 1980 ialah \$300,000.00. Ini menunjukkan pertambahan sebanyak \$50,000.00 jika dibandingkan dengan peruntukan bagi tahun 1979. Kerajaan Negeri akan menggunakan komputer bagi perkhidmatan pentadbiran di dalam negeri supaya dapat mencapai suatu tingkat baru perkhidmatan yang cekap dan berkesan. Ini adalah diper-setujui oleh Yunit Penyelarasan Perlaksanaan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri bahawa projek NIDAS yang asalnya dijalankan oleh Universiti Sains Malaysia bagi Yunit Perancang Am (GPU) akan dikekalkan dan dimaju-

kan lagi oleh Kerajaan Negeri. Oleh kerana Pulau Pinang telah terlibat dalam projek permulaan [*pilot project*] ini oleh Universiti Sains Malaysia, negeri kita akan menjadi salah satu negeri utama untuk melaksanakan sistem pentadbiran komputer yang berkesan. Adalah diharapkan bahawa sistem baru ini akan sedikit sebanyak dapat mengawal aliran kos pentadbiran yang meningkat seperti yang telah saya nyatakan tadi.

Tambahan sebanyak \$253,570.00 telah diperuntukkan untuk pecahan kepala 3300. Sebahagian besar daripada tambahan ini ialah untuk pembelian kenderaan-kenderaan bagi menggantikan kenderaan-kenderaan lama yang tidak dapat diselenggarakan secara ekonomi kerana kenderaan-kenderaan ini selalu terpaksa dibaiki, serta juga untuk menemui perbelanjaan pembelian bekalan dan bahan-bahan.

Di bawah pecahan kepala 4100 tambahan sebanyak \$1,130,450 akan diperuntukkan bagi tahun 1980. Tambahan besar ini ialah untuk membolehkan Pejabat Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan memberi sumbangan-sumbangan, pemberian-pemberian wang dan subsidi-subsidi kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-Badan Berkanun, Kumpulan-wang Pembangunan serta Pertubuhan-Pertubuhan kebajikan.

Di bawah pecahan kepala yang sama Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak \$120,000.00 bagi biasiswa-biasiswa kecil kepada lebih kurang 2,000 murid-murid di bawah s kim negeri.

Kerajaan Negeri juga akan menambah sumbangannya sebanyak \$100,000.00 kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya peruntukannya di bawah pecahan kepala 4100 akan menjadi \$600,000.00 bagi tahun 1980. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri akan terus memberi sumbangan wang yang lebih apabila diperlukan untuk membolehkan bantuan diberi

kepada rakyat-rakyat kita yang kurang bernasib baik dan yang cacat di dalam negeri ini.

Di bawah kepala 9, Ahli-Ahli Yang Berhormat akan memerhatikan bahawa peruntukan perbelanjaan bagi Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri bagi tahun 1980 ialah sebanyak \$846,650.00. Ini menunjukkan tambahan sebanyak \$141,690.00 lebih daripada jumlah yang diperuntukkan bagi tahun 1979. Sebahagian besar daripada tambahan ini adalah disebabkan oleh peruntukan sebanyak \$116,320.00 bagi satu aktiviti baru. Adalah dijangkakan bahawa Mesjid Negeri akan dapat digunakan pada tahun depan. Oleh yang demikian, sebanyak \$65,680.00 telah diperuntukkan untuk membayar gaji kakitangan Mesjid dan wang tambahan sebanyak \$50,640.00 juga telah diperuntukkan untuk perbelanjaan pengurusan tahunan. Kerajaan Negeri bukan sahaja berazam untuk meninggikan lagi kebajikan sosial, ekonomi dan sivik rakyat kita bahkan juga akan mengekalkan aspek akhlak, kebudayaan dan ugama cara hidup mereka. Mesjid Negeri apabila siap kelak, akan menjadi satu tanda [*landmark*] kerjasama yang erat di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan serta sebagai satu lambang usaha bersatu rakyat kita untuk membina suatu cara hidup Malaysia.

Peruntukan Perbelanjaan mengurus bagi Jabatan Parit dan Taliair di bawah Kepala 4 bagi tahun 1980 ialah \$4,128,740.00 yang merupakan tambahan sebanyak \$297,780.00 jika dibandingkan dengan peruntukan bagi tahun 1979. Tambahan ini adalah kerana tambahan perbelanjaan bagi kenaikan gaji serta juga perbelanjaan tambahan untuk menyelenggarakan rumah-rumah pam di estet perindustrian Seberang Perai dan juga untuk menemui kenaikan kos bagi mengendali dan menyelenggarakan kawasan-kawasan pamaritan

dan pengairan termasuk Sungai-Sungai, "Conservancy" dan "hydrology".

Mengenai peruntukan belanjawan bagi Jabatan Hutan, Kebun Bunga, Kedai-Kedai Tuak, Jabatan Kerja Raya dan Perbendaharaan, anggaran-anggaran bagi tahun 1980 menunjukkan susutan jika dibandingkan dengan peruntukan bagi tahun 1979. Seperti yang saya telah nyatakan, bahawa Perbendaharaan Negeri akan mengawal dengan ketatnya perbelanjaan-perbelanjaan (mengurus) dalam sepanjang tahun dan perbelanjaan mengurus yang didapati tidak perlu akan dipotong.

Kita sekarang sedang memasuki tahun akhir bagi Rancangan Malaysia Ketiga dan Kerajaan adalah berazam untuk mengekalkan perkhidmatan-perkhidmatan di dalam negeri agar dapat:

- i) mengekalkan pentadbiran-pentadbiran biasa,
- ii) meninggikan lagi kecekapan perkhidmatan awam kita,
- iii) memastikan bahawa rancangan-rancangan pembangunan kita dilaksanakan mengikut jadual,
- iv) memberi lebih kemudahan-kemudahan rekreasi dan rihat untuk rakyat kita,
- v) memperbaiki lagi mutu hidup rakyat kita di negeri ini.

Tuan Speaker, untuk mencapai matlamat ini, kita memerlukan kakitangan yang lebih. Kerajaan akan berusaha melaksanakan sepenuhnya "operasi isi penuh" di dalam negeri agar jawatan-jawatan kosong di semua jabatan yang kini masih kekosongan, dapat diisikan. Adalah penting bagi rakyat kita memahami bahawa walaupun Kerajaan melaksanakan lebih banyak projek demi kemajuan sosial dan ekonomi negeri, kita akan memerlukan lebih ramai kakitangan untuk menjalankan segala tugas-tugas yang diperlukan

bagi mengekalkan mutu pentadbiran serta meninggikannya lagi demi faedah rakyat kita.

Di mana perlu, kita mesti mengadakan lebih banyak peluang pekerjaan di dalam perkhidmatan pentadbiran supaya kita dapat mengekal dan menguruskan projek-projek yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan. Tambahan pula Kerajaan Negeri pada masa ini sedang mengkaji semula prestasi keseluruhannya bagi 10 tahun yang lampau untuk menyediakan Rancangan Malaysia Keempat. Ini akan memerlukan kakitangan tambahan yang mempunyai kelulusan ikhtisas. Adalah dijangka bahawa mereka akan menjadi asas bagi perkhidmatan untuk menjalankan Pusat Komputer Negeri yang akan datang.

Tuan Speaker, pegawai-pegawai Kerajaan adalah orang-orang yang melaksanakan dasar-dasar yang diadakan oleh Kerajaan. Melalui dasar-dasar ini yang ditetapkan oleh Kerajaan yang dipilih oleh rakyat dan oleh itu telah diberi mandat politik untuk mentadbir negara, maka Kerajaan berusaha untuk memberi cara hidup yang lebih baik untuk rakyat kita. Ini hanya dapat dicapai melalui perkhidmatan dedikasi yang diberikan oleh pegawai-pegawai Kerajaan. Saya ingin mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai Kerajaan di Jabatan Persekutuan dan Negeri, Pihak Berkuasa-Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-Badan Berkanun atas kesetiaan yang mereka senantiasia tunjukkan serta dedikasi penuh mereka yang telah dicurahkan dalam usaha membina sebuah negara dan masyarakat yang adil dan saksama untuk semua rakyat Malaysia.

Tuan Speaker, saya yakin bahawa semua pegawai-pegawai Kerajaan sendiri akan didorongkan oleh konsep Perkhidmatan Cemerlang untuk berusaha dengan lebih giat lagi bagi memberi perkhidmatan yang berkesan kepada rakyat kita. Pentadbir-

an ini akan berusaha untuk memper-
kukuhkan lagi segala pencapaian
yang telah diperolehi dan juga untuk
menjadikan Pulau Pinang salah satu
negeri yang maju dari segi ekonomi
di dalam negara kita dan juga melak-
sanakan dasar-dasar yang diwujudkan
oleh sebuah Kerajaan yang berjiwa
rakyat demi mengujudkan kehidupan
rakyat kita dalam negeri lebih baha-
gia dan bermakna. Hanya melalui
kerjasama di antara rakyat dengan
Kerajaan barulah kita dapat menegak-
keutuhan kita untuk menemui cabar-
an-cabaran pada masa akan datang.
Belanjawan tahun 1980, Tuan Spea-
ker, membawa kita ke satu detik
kritikal yang baru dalam pembangun-
an Negeri kita. Saya yakin bahawa
jika kita semua mengamalkan seman-
gat "Bersatu Berdisiplin" kita akan
dapat menemui cabaran-cabaran
tahun 1980 dan seterusnya mencatit-
kan suatu masa depan yang kian
maju bagi Negeri Pulau Pinang
dalam 10 tahun yang akan datang.

Tuan Speaker, saya mohon menca-
ndangkan.

AHLI KAWASAN KUBANG SE-
MANG (TUAN HAJI MOHD.
NOOR BIN HAJI BAKAR):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

TUAN SPEAKER:

Sekarang saya kemukakan untuk
perbahasan.

AHLI KAWASAN BUKIT GLU-
GOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Oleh kerana ucapan yang panjang
diberi oleh Yang Amat Berhormat
Ketua Menteri, bolehkah kami di
sebelah sini di Dewan ini mendapat
masa untuk membaca dengan teliti
ucapan itu untuk perbahasan? Ba-
rangkali Tuan Speaker boleh beri
peluang besok pagi, barangkali.

TUAN SPEAKER:

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya
percaya di atas ucapan yang telah
diberi oleh Yang Amat Berhormat
tadi, semua kita dapat mencatatkan

perkara-perkara yang telah diperkata-
kan oleh Yang Amat Berhormat.
Saya percayalah Ahli-Ahli Yang Ber-
hormat semua telah mencatatkan se-
gala butir-butir ataupun tajuk-tajuk
yang telah dikemukakan dan saya
rasa tidaklah perlu kita tangguhkan
perbahasan ini pada esok hari. Itulah
sebabnya saya kemukakan kalau ada
ahli-ahli yang hendak ambil bahagian
dalam perbahasan ini. Saya persila-
kan, dan kalau tidak sempat habis
pada hari ini, bolehlah sambung per-
bahasan pada hari esok.

AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Saya fikir, Tuan Speaker, semua
ahli-ahli boleh *follow* ucapan yang
panjang dari Ketua Menteri?

AHLI KAWASAN DATUK KERA-
MAT (DATUK TEH EWE LIM):

Mesti bagi panjang.

AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, *speech* Ketua Men-
teri ini bukan kata satu jam dulu
baru *prepare*. Sudah *prepare* sangat
lama, ingat, dan baru tulis. *Budget*
ini pun satu tahun waktunya. Meng-
ikut *practice* dalam Parlimen selepas
budget speech Finance Minister. Par-
limen adjourn dua atau tiga hari
supaya ahli-ahli boleh membaca ucap-
an Minister of Finance. Di Dewan
Undangan Negeri Selangor juga ada
adjourn, besoknya *debate*. Perak juga
begitu. Dengan itu, Tuan Speaker,
saya percaya adillah jikalau Tuan
Speaker memberi masa bagi ahli-ahli
membaca ucapan Ketua Menteri.
Copy of the speech by Ketua Menteri
pun tidak diberi.

TUAN SPEAKER:

Walaupun *copy of the speech* dari
Ketua Menteri belum tuan-tuan per-
olehi, tetapi saya percayalah segala
anggaran dari segi perbelanjaan
telahpun diberi kepada Ahli Yang
Berhormat sudah lama. Jadi saya
percaya Ahli-Ahli Yang Berhormat
tahu bagaimanakah kita dapat men-

jalankan perbahasan ini mengikut Kepala-Kepala yang telah dikemukakan ini. Jadi saya rasa eloklah saya jalankan perbahasan ini sekarang juga.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, (gangguan)

TUAN SPEAKER:

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil perbahasan dipersilakan.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, ada banyak masa, dalam masa hadapan kami boleh bincang dan kita boleh *debate* apa yang baru-baru ini Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ada cakapkan di dalam Dewan ini. Tuan Speaker, kami tidak ada salinan apa yang Ketua Menteri baru-baru ini ada cakap. Di dalam Parlimen pun menjadi satu *practice*, iaitu kami kena mendapat satu salinan ucapan oleh kerana ada angka-angka yang barangkali kami mahu bantah dan mahu tengok latarbelakangnya dan apa-apa yang ada di dalam ucapan itu. Tidak boleh begitu terus. Saya ingat itu tidak adil. Bolehkah kami, Tuan Speaker, lagi sekali merayu kepada Tuan Speaker beri sedikit masa. Janganlah buat begitu, tidak adil.

TUAN SPEAKER:

Saya percaya perbahasan ini tidak akan habis pada pagi ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh sambung balik esok. Sekarang saya kemukakan untuk perbahasan. Saya percaya perbahasan ini tidak boleh habis pada hari ini. Ahli Yang Berhormat boleh mengkaji balik di atas ucapan Yang Amat Berhormat. Saya persilakan sesiapa yang ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan ini.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tidak adil Tuan Speaker, oleh kerana baru-baru ini saya tidak mahu

ulang balik, kami tentu kena ada masa. Ini menjadi satu dasar — dasar Kerajaan atas belanjawan — Tuan Speaker. Ini bukan satu permainan atau perkara kecil. Lagi sekali saya merayu kepada Tuan Speaker berilah masa.

TUAN SPEAKER:

Barangkali ada Ahli di sebelah sini yang ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan? Dipersilakan.

AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG (DR. ONG HEAN TEE):

Datuk Speaker, saya menyokong Rang Undang-Undang ini dan dari segi perkhidmatan yang diberi oleh Kerajaan dan dari segi kebajikan masyarakat. Juga, saya rasa sangat gembira bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan wang yang lebih banyak untuk kebajikan masyarakat. Ini menunjukkan tujuan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memberi lebih faedah kepada masyarakat kita, kepada rakyat yang berpendapatan rendah dan kepada rakyat yang keadaannya tidak memuaskan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan wang yang lebih banyak dan saya ingat ini menunjukkan tujuan dan hati Kerajaan kita. Rakyat di Negeri Pulau Pinang mesti faham bahawa tujuan-tujuan Kerajaan kita bukan sahaja untuk memberi pembangunan dari segi *structure* tetapi pembangunan kebajikan masyarakat juga.

Berkenaan dengan operasi isi penuh, saya rasa sangat gembira kerana Secretariat Kerajaan Pulau Pinang telah menganjurkan satu Jawatankuasa pengelola. Setiausaha Kerajaan kita telah mengambil perhatian yang berat kepada operasi isi penuh ini dan saya berharap dengan peruntukan yang lebih yang diberi kepada Kerajaan Negeri, pegawai-pegawai Kerajaan kita akan berkhidmat lebih kuat untuk rakyat kita.

Terima kasih.

AHLI KAWASAN PENANTI (EN-
CIK ABDULLAH BIN MOHA-
MED):

Tuan Speaker, saya mohon izin untuk menyokong Usul Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dalam belanjawan Negeri Pulau Pinang yang dibentangkan pada pagi ini. Apa yang kita telah sama-sama mendengar, ucapan daripada Yang Amat Berhormat itu berkaitan dengan beberapa perkara dalam masaalah pengurusan gaji dan sebagainya. Kita sungguh berbangga dengan Anggaran Belanjawan yang dibuat pada hari ini. Ianya tidak membebankan kenaikan cukai baru kepada rakyat seterusnya kepada Negeri Pulau Pinang. Ini adalah satu Anggaran Belanjawan yang boleh dikatakan bijak sekali walaupun keadaan kewangan di negeri kita mengikut apa yang dilaporkan tadi oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kita, masih kekurangan kewangan. Tetapi walau macam-apun kekurangan wang, Kerajaan Negeri terdaya untuk mencari sumber-sumber yang lain untuk menemui keperluan gaji dan sebagainya. Apa yang saya berasa besar hati ialah kerana daya usaha Kerajaan Negeri bagi memenuhi maksud tersebut dan saya mempunyai keyakinan penuh bahawa Kerajaan Pusat juga akan menimbangkan kedudukan kesusahan keadaan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Saya mempunyai keyakinan penuh melalui Dewan ini bahawa Kerajaan Pusat akan menimbangkan beberapa perkara untuk menolong Kerajaan Negeri Pulau Pinang di dalam bidang kewangan ini kerana Kerajaan Pusat ada memungut wang melalui cukai-cukai daripada Kerajaan Pusat dan kita mempunyai keyakinan penuh bahawa Kerajaan Pusat memungut cukai kenderaan di dalam Negeri Pulau Pinang ini terlalu banyak dan harus Kerajaan Pusat perlu menimbangkan sekurang-kurangnya 10 atau 15% daripada pungutan cukai kenderaan yang ada di Pulau Pinang ini diberikan

balik kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menampung segala perbelanjaan-perbelanjaan yang masih kurang yang tertanggung oleh Kerajaan Negeri bersabit dengan kenaikan gaji yang telah diputuskan oleh pihak Kerajaan Pusat.

Jadi masaalah-masaalah yang ada di hadapan kita iaitu banyak anggaran-anggaran yang telah diberi pertambahan di dalam Anggaran Belanjawan pada tahun ini. Terutama sekali saya suka mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang memperuntukkan wang kepada Majlis Hal Ehwal Ugama. Dengan bertambahnya peruntukan tersebut, jadi kita mempunyai keyakinan penuh bahawa Majlis Hal Ehwal Ugama Negeri Pulau Pinang akan menggorak langkah dapat memberi kebajikan yang lebih kepada rakyat yang ada di Negeri Pulau Pinang ini kepada rancangan-rancangan yang tertentu bagi kebaikan rakyat semua.

Selain daripada itu, Datuk Speaker, saya suka juga hendak menarik pandangan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang ada di seluruh Negeri Pulau Pinang ini kerana walaupun ada sedikit tambahan di dalam Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat ini, saya rasa mustahaklah pihak Kerajaan menimbangkan kedudukan bukanlah sebagai negara kebajikan tetapi perlulah menimbangkan kepada masyarakat-masyarakat yang miskin dan masyarakat yang ada di luar bandar yang perlu diberi pertolongan untuk menampung kesusahan yang mereka alami. Begitu juga di dalam bidang kebajikan masyarakat juga Kerajaan Negeri perlulah menimbang berkaitan pencemaran dan mangsa-mangsa ribut yang telah berlaku supaya pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dapat mengeluarkan wang bagi menolong masyarakat-masyarakat yang telah ditimpa kemalangan ini. Itulah saya rasa perkara-perkara yang saya ingin menyentuh berkena-

an dengan Anggaran Belanjawan yang hendak dibuat pada hari ini.

Datuk Speaker, saya mohon untuk menyokong.

AHLI KAWASAN SUNGAI DUA (TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI):

Tuan Speaker, saya ingin mengambil bahagian di dalam Dewan ini bercakap berkenaan dengan kedudukan khasnya petani-petani di luar bandar. Semenjak Dasar Ekonomi Baru dijalankan dan Rancangan Malaysia Ketiga akan berakhir tidak lama lagi, tetapi sepanjang yang saya lihat berhubung dengan kaum tani khususnya, pesawah padi bukan bertambah maju, tetapi bertambah mundur, bertambah menderita dan setengahnya terpaksa meninggalkan kerja tanaman padi dan buat kerja di lapangan lain. Jadi dalam perkara ini semenjak saya menjadi wakil rakyat di Dewan ini dalam pilihanraya yang dahulu saya tidak dapat melihat banyak perubahan sebab dari tahun 1974 dan 1975 tanah yang ditinggalkan tak dapat ditanam padi hanyalah lebih-kurang 1,000 ekar lebih, tetapi sehingga hari ini sudah 5 tahun telah bertambah lebih 3,000 ekar. Dalam kawasan Seberang Perai Tengah, tanah-tanah hari ini boleh kata hampir-hampir $\frac{1}{4}$ bahagian tidak diusahakan. Rayuan-rayuan yang saya sebutkan ialah berhubung dengan sistem parit dan taliair. Kekurangan yang saya dapati ialah cara atau sistem buangan air. Mukim 4 dan Mukim 5 dan lain-lain Mukim lagi di Seberang Perai Tengah dan pula di Seberang Perai Utara disebabkan oleh suatu projek maka 300 ekar tanah tidak dapat diusahakan oleh sebab parit buang air tidak ada.

Selain daripada itu ialah rancangan-rancangan yang diadakan oleh Jabatan Parit dan Taliair berkenaan dengan parit gila dan lain-lain lagi. Parit gila yang telah dibuat tidak dapat digunakan sebab mereka merancangkan perkara-perkara ini tidak

mengambil pendapat orang-orang kampung. Jadi dibuat rancangan dengan tidak mendapat pendapat orang-orang kampung maka dengan sebab itulah rancangan-rancangan yang dibuat itu hampir-hampir gagal setengah-setengahnya, kalau tidak kesemuanya. Kemudahan jalan-jalan dalam sawah untuk mengeluarkan padi di setengah-setengah kawasan tidak ada. Ini telah diteriakkan (disuarakan) oleh kaum-kaum tani di Mukim Seberang Perai Tengah dan lain-lain lagi kerana hasil padi susah untuk dibawa keluar dan kos pengangkutan hasil padi sangat tinggi.

Datuk Speaker, saya berasa Kerajaan patutlah memberi pandangan yang berat kepada kaum tani supaya dapat dipulihkan mata pencarian mereka di sawah padi mereka dengan diadakan kemudahan-kemudahan yang lebih baik dan jalan-jalan untuk mengeluarkan padi dan lain-lain.

Di samping itu saya suka menyambung lagi berkenaan dengan parit dan tali air. Apa yang saya tahu di daerah Bukit Mertajam baru-baru ini, pihak jabatan tersebut sedang mendalamkan lagi parit dan taliair yang mana saya dapati penanam padi di situ menyatakan itu tidak sesuai sebab bila berlaku kekurangan air hari ini, air tidak dapat naik ke sawah padi disebabkan parit sangat dalam. Dan saya juga merasa hairan keadaan air tidak diberi pada satu masa yang sama seperti di masa yang lalu sebab hari ini air telah dialirkan ke sawah-sawah itu secara bergilir-gilir iaitu minggu ini di bahagian ini dan seminggu lain di bahagian lain. Begitulah caranya. Jadi dengan ini keadaan air di kawasan sawah tidak sama tidak sekata, dan ini menyebabkan padi tidak dapat ditanam dengan serentak.

Kalau dahulu ada pegawai tikus, tetapi semenjak beberapa lama Kerajaan telah menghapuskan Jawatan Pegawai tikus dan telah diserahkan perkara tersebut kepada Jabatan Pertanian, kalau saya tidak salah.

Maka dengan sebab itulah satu hal yang nyata di jajahan tengah kawasan yang tidak ditanam padi meluas kerana tiap-tiap kali di menanam padi tidak mendapat hasil. Dengan sebab itu mereka terpaksa undur. Undur itu bermakna tinggal. Kalau kita kata pada tahun 1975 misalnya ada 500 orang yang bekerja sawah tetapi tahun kemudian hanya tinggal 400 orang. Begitulah merosotnya hingga hari ini. Jadi sebagai dalil yang terang, di Mukim 6 di tahun 1975 di menanam padi, tetapi sekarang tidak ditanam padi. Jadi dalam memperbaiki penanaman padi ini banyaklah masalah yang ditimbulkan, pertamanya penanam padi ini manakala padi tidak jadi setiap musim mereka menanggung hutang yang banyak seperti hutang baja, hutang traktor, hutang makan dan lain-lain lagi. Jadi mereka tidak dapat membuat apa-apa disebabkan modal tidak ada. Kalau adapun modal ini dipinjam, maka kali ketiga padi tidak jadi maka mereka tidak diberi pinjaman lagi. Inilah puncunya hinggalah hari ini, orang-orang di kawasan-kawasan di daerah tengah Seberang Perai tidak berani menanam modal. Jadi saya merayu di sini supaya Kerajaan hendaklah menubuhkan suatu jawatankuasa untuk mengkaji sejauh mana penderitaan dan kesusahan di kalangan kaum tani. Saya percaya bahawa kaum tani adalah orang yang rajin dan bersemangat tetapi sebab apakah semangat mereka telah tidak terkawal lagi?

Datuk Speaker, selain daripada itu saya suka hendak sebutkan dalam projek ugama yang telah meningkat sekarang ini \$846,650.00. Saya adalah berterima kasih di atas pemberian projek ini, tetapi apa yang dikesalkan ialah Pejabat Ugama atau Pejabat Kadi di Bukit Mertajam yang projeknya telah diluluskan tiga atau empat tahun yang lalu hingga hari ini tidak dapat diadakan. Maka bagi orang ramai itulah berasa tawar hati kalau

Kerajaan mengemukakan projek-projek maka mereka tertanya-tanya bilakah projek itu dapat dilaksanakan. Kalau diadakan projek perlulah dilaksanakan dengan segera. Jadi saya merayulah lagi supaya projek itu dipercepatkan supaya dapat rakyat melihat perubahan-perubahan dalam projek ugama. Di dalam perkara ugama ini beberapa penerangan telah diadakan iaitu mengadakan pegawai mencegah maksiat, dan berbagai-bagai lagi perkara yang tidak dapat diisikan. Apakah sebabnya maka orang ramai ataupun rakyat tertanya-tanya apakah kelemahan Kerajaan mengenenipkan perkara ini?

Datuk Speaker, perkara lain yang saya hendak sebutkan di sini ialah kemusykilan orang-orang kampung, berkenaan kilang-kilang yang mana Kerajaan telah menyediakan beberapa tempat untuk kilang di kawasan Prai, Mak Mandin dan lain-lain. Tetapi pihak yang tertentu sedang menubuhkan kilang di kampung-kampung yang menyusahkan orang ramai. Saya diberitahu sebuah kilang akan ditubuhkan di sebuah kampung meskipun kebenaran tidak didapati dari Majlis Perbandaran, tetapi pihak tertentu akan menjalankan juga dan sedang menjalankannya. Jadi seolah-olah pihak-pihak tertentu itu hendak menghalau rakyat dari situ, menghalau orang yang miskin yang tidak mempunyai tempat duduk bagi mendirikan rumah sedangkan mereka ini tidak mempunyai tanah dan hanya menumpang. Tuan tanah sekarang tidak mengizinkan sesiapa pun mendirikan rumah. Saya merayu kepada Kerajaan Negeri patutlah memperbaiki masalah orang-orang yang terlibat ini. Saya harap kita dapat mengadakan projek-projek, seperti mana di Kuala Lumpur diadakan satu projek atau tempat untuk memindahkah setinggan-setinggan kerana mereka adalah rakyat kita dan tidak dapat kita elakkan daripada menyara mereka. Jikalau mereka tidak dapat membuat di tempat ini

mereka akan mencari tempat-tempat lain. Jadi lebih baik kita adakan satu kawasan untuk mereka dengan apa cara yang boleh untuk membantu mereka.

Saya berharap Kerajaan dapat mengambil perhatian di atas perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi yang saya ingat ialah perkara yang besar sekali iaitu penanam padi dan masalah taliair yang mesti kita atasi dengan secepat mungkin, juga seperti saya sebutkan tadi masalah kilang-kilang di kampung.

Sekian ucapan saya. Saya mengucapkan terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada 3.45 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 4.15 petang.

TUAN SPEAKER:

Yang Amat Berhormat dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya suka memaklumkan kepada Dewan ini iaitu mengenai perbahasan ataupun *debate* mengenai Rang Undang-Undang Bekalan (1980), 1979 ditangguhkan perbahasan ini pada esok hari jam 2.30 petang dan saya berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan ini bolehlah membuat kajian atau *study* mengenai ucapan perbekalan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Dan sekarang Dewan bersidang dan saya mempersilakan (gangguan).

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, untuk rekod.

Tuan Speaker baru-baru ini juga kami telah mendapat satu salinan ucapan Y.A.B. Ketua Menteri atas belanjawan. Tuan Speaker, dukacita tadi bila kami membuat rayuan kepada Tuan Speaker, Tuan Speaker menolak rayuan kami. Nampaknya

sekarang Tuan Speaker sudah tukar fikiran. Tukar fikiran barangkali oleh kerana (gangguan).

TUAN SPEAKER:

Bukan tukar fikiran. Minta duduk. Duduk!

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Tuan Speaker, yang ini untuk rekod, oleh kerana apa yang jadi tadi, itu bukan mengikut *parliamentary practice*. Ini untuk rekod.

TUAN SPEAKER:

Duduk. Sepatutnya Yang Berhormat ucapkan terima kasih oleh sebab saya memberi peluang.

AHLI KAWASAN BUKIT GLUGOR (ENCIK KARPAL SINGH):

Itu betul Tuan Speaker, tetapi untuk rekod kami mahu catit dalam rekod, apa yang telah terjadi tadi.

TUAN SPEAKER:

Saya mahu mengumumkan bahawa perbahasan mengenai perkara 4 ditangguhkan kepada besok hari jam 2.30 petang dan saya suka menarik perhatian ahli-ahli Yang Berhormat dan Yang Amat Berhormat sekalian supaya meneliti dan mengkaji di atas ucapan yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Tidak ada kena mengena dengan rayuan dan tidak ada kena mengena dengan sesiapa mengenai perkara ini.

Dan saya mempersilakan Yang Amat Berhormat mengemukakan mengikut susunan yang telah ada di hadapan kita.

(B) Rang Undang-Undang Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (Pindaan) 1979.

Bacaan Yang Pertama

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, saya minta maaf kerana saya tidak bersedia.

Tuan Speaker, mengikut keputusan Tuan Speaker, saya sekarang mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang Bernama "Suatu

Enakmen bagi meminda Enakmen Pinjaman (Pinjaman kepada Anggota-Anggota Perkhidmatan Awam Negeri), 1971,' dibacakan untuk kali yang Pertama.

AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP (ENCIK TEOH KOOI SNEAH):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang pertama.

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, saya mohon kebenaran Tuan Speaker di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 118, bagi mencadangkan penggantungan Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dibawa di dalam semua peringkat di dalam Majlis Mesyuarat ini.

TUAN SPEAKER:

Saya memberi kebenaran di atas cadangan penggantungan di atas Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat.

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang yang dinamakan "Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Pinjaman — (Pinjaman kepada Anggota-Anggota Perkhidmatan Awam Negeri), 1971" untuk dibacakan bagi kali yang kedua.

Satu Tabung Pinjaman telahpun ditubuhkan oleh Kerajaan Pusat (gangguan)

TUAN SPEAKER:

Minta maaf. Yang Amat Berhormat, atas cadangan untuk menggantungkan peraturan 118 saya persetujui, dan pihak Yang Berhormat telah mengemukakan. Saya mintalah seorang ahli menyokong.

AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP (ENCIK TEOH KOOI SNEAH):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

TUAN SPEAKER:

Dipersilakan Yang Amat Berhormat.

Bacaan Yang Kedua

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang yang dinamakan "Satu Enakmen bagi meminda Enakmen Pinjaman (Pinjaman kepada Anggota-Anggota Perkhidmatan Awam Negeri) tahun 1971, untuk dibacakan bagi kali yang kedua.

Satu tabung pinjaman telahpun ditubuhkan oleh Kerajaan Pusat bagi tujuan memberi pinjaman perumahan kepada kakitangan Kerajaan Persekutuan yang dikuatkuasakan mulai dari 1hb. Januari, 1970 seperti yang disyorkan oleh Suruhanjaya Di Raja berkenaan dengan Perubahan Gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan dalam Perkhidmatan Awam.

Berikutan dari itu, Kerajaan Persekutuan telah meminta Kerajaan-Kerajaan Negeri menubuhkan tabung yang sama di peringkat Negeri untuk memberi pinjaman perumahan kepada kakitangan Kerajaan Negeri dengan kadar faedah yang tidak melebihi empat peratus (4%). Jumlah pinjaman dan faedah yang dikehendaki dibayarbalik kelak akan dibuat melalui potongan bulanan, daripada gaji kakitangan yang berkenaan dalam tempoh maxima lima belas tahun.

Oleh itu, Kerajaan Negeri pada 23hb. April, 1971 telah mengadakan Enakmen Pinjaman (Pinjaman kepada Anggota-Anggota Perkhidmatan Awam Negeri) 1971 untuk memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri meminjam wang tidak melebihi \$10,000,000.00 dari Kerajaan Persekutuan bagi maksud memberi pinjaman kepada mana-mana ahli Perkhidmatan Awam Negeri.

Tuan Speaker, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda

Enakmen Pinjaman (Pinjaman kepada Anggota-Anggota Perkhidmatan Awam Negeri) 1971 bagi membolehkan wang dalam Kumpulanwang itu digunakan bukan sahaja bagi maksud memberi pinjaman kepada ahli-ahli perkhidmatan awam Negeri bahkan juga kepada Anggota Pentadbiran, pihakberkuasa-pihakberkuasa tempatan dan badan-badan berkanun yang ditubuhkan di bawah undang-undang Negeri. Seseorang ahli perkhidmatan awam Negeri dan Anggota Pentadbiran bukan sahaja boleh meminjam untuk membeli tanah samada dengan rumah kediaman di atasnya atau tidak atau untuk membina rumah kediaman dan jalan sebagai jalan masuk kepadanya bahkan juga untuk menyelesaikan kesemua atau sebahagian daripada hutang atau hutang-hutang yang berkaitan semasa membeli tanah dengan rumah kediaman atau tanpanya atau semasa membina rumah kediaman dan jalan sebagai jalan-jalan masuk kepadanya.

Rang Undang-Undang ini juga, bertujuan untuk meminda kuasa Kerajaan Negeri di bawah Seksyen 2(1) untuk membolehkan jumlah pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dinaikkan daripada \$10,000,000.00 kepada \$30,000,000.00 oleh sebab pinjaman bukan sahaja diberi kepada ahli-ahli perkhidmatan awam Negeri bahkan juga kepada Anggota Pentadbiran, pihakberkuasa-pihakberkuasa tempatan dan badan-badan berkanun yang ditubuhkan di bawah undang-undang Negeri.

Oleh yang demikian, adalah perlu pindaan dibuat ke atas Enakmen Pinjaman (Pinjaman kepada Anggota-Anggota Perkhidmatan Awam Negeri) 1971 seperti berikut:

- (i) Tajuk Enakmen yang panjang itu dipinda kepada "Enakmen Kumpulanwang Pinjaman Perumahan, 1971."
- (ii) Seksyen 2(1) dalam Enakmen Ibu dipinda untuk membolehkan

kan Kerajaan Negeri meminjam wang tidak melebihi \$30,000,000.00 daripada Kerajaan Persekutuan.

- (iii) Seksyen 4 dalam Enakmen Ibu dipinda untuk membolehkan semua wang dan faedah yang diterima dibayar masuk ke dalam Kumpulanwang Pinjaman Perumahan Negeri.
- (iv) Enakmen Ibu adalah dipinda dengan memasukkan satu Seksyen baru 4A untuk membolehkan wang daripada Kumpulanwang itu digunakan bukan sahaja bagi maksud memberi pinjaman kepada ahli-ahli perkhidmatan awam Negeri bahkan juga kepada Anggota Pentadbiran, pihakberkuasa-pihakberkuasa tempatan dan kepada badan-badan berkanun. Seksyen baru ini juga membenarkan seseorang ahli perkhidmatan awam Negeri dan Anggota Pentadbiran bukan sahaja boleh meminjam untuk membeli tanah dengan rumah kediaman di atasnya atau tanpa rumah kediaman, atau untuk membina rumah kediaman dan jalan sebagai jalan-masuk kepadanya bahkan juga untuk menyelesaikan kesemua atau sebahagian daripada hutang atau hutang-hutang yang berkaitan dahulunya.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP (ENCIK TEOH KOOI SNEAH):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

TUAN SPEAKER:

Yang Amat Berhormat dan Ahli Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan ditangguhkan sehingga esok pagi jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang.